



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Meringkaskan Ucapan Membahas Rang Undang-undang [Ruangan 16877]**

**USUL-USUL:**

**Akta Kastam 1967—**

- |   |   |                 |
|---|---|-----------------|
| (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1987    | } | [Ruangan 16878] |
| (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1987   |   |                 |
| (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1987  |   |                 |
| (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1987   |   |                 |
| (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1987    |   |                 |
| (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1987   |   |                 |
| (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1987  |   |                 |
| (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1987 |   |                 |
| (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1987   |   |                 |
| (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1987    |   |                 |
| (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1987   |   |                 |
| (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1987  |   |                 |

**Akta Eksais 1976—**

- |   |   |                 |
|---|---|-----------------|
| (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1987   | } | [Ruangan 16881] |
| (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1987  |   |                 |
| (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1987 |   |                 |
| (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10) 1987 |   |                 |

## KANDUNGANNYA—(samb.)

### Akta Cukai Jualan 1972—

#### (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) 1987 [Ruangan 17100]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 16949]

### RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 16883]
- Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Pindaan) [Ruangan 16888]
- Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 16891]
- Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 16894]
- Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) [Ruangan 16903]
- Rang Undang-undang Penyiaran [Ruangan 16961]
- Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) [Ruangan 17011]
- Rang Undang-undang Akitek (Pindaan) [Ruangan 17032]
- Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 17066]
- Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) [Ruangan 17082]
- Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 17089]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SĀLANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat **TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).**

- „ **DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).**
- „ **PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).**
- „ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).**
- „ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).**
- „ **TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 7hb Disember, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUA**

**MERINGKASKAN UCAPAN  
MEMBAHAS RANG UNDANG-  
UNDANG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini adalah hari penghabisan persidangan Dewan ini bagi mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Ketujuh. Kita ada 11 Rang Undang-undang dan 4 usul Kerajaan yang hendak dipertimbangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada hari ini. Oleh itu, saya minta kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya meringkaskan ucapan masing-masing apabila membahaskan satu-satu Rang Undang-undang atau usul dan dengan cara yang demikian, kita dapat menjimatkan masa untuk membebereskan urusan yang ada di hadapan kita pada hari ini.

**USUL-USUL**

**AKTA KASTAM 1967**

2.33 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh

subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1987;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1987;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1987;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1987;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1987;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1987;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1987;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1987;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 225, 226, 227, 228, 229, 230, 231, 232, dan 233 tahun 1987 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1987 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas pads for incontinece dan mewujudkan kod tarif baru bagi barangan tersebut iaitu 48.21.920. Langkah ini diambil kerana barangan tersebut digunakan oleh orang-orang yang berpenyakit.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1987 adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif khusus bagi

aluminium plate for use in the printing industry, dengan izin, iaitu 37.01.110 dan pengujudan kod tarif ini adalah bagi membolehkan pengumpulan data dilakukan bagi tujuan pertimbangan perlindungan tarif kepada pengeluar tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1987 adalah bertujuan untuk mengecualikan semua jenis barang-barang yang diimport ke Langkawi dari Cukai Tokok. Langkah ini diambil bagi menguatkan-kuasakan dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebagai pelabuhan bebas.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) dan (No. 29) dan (No. 30), 1987 adalah mempunyai tujuan yang serupa iaitu bagi mengubah kadar duti import ke atas beberapa barangan petroleum berikutan kajian harga barang-barang berkenaan yang dibuat pada tiap-tiap awal bulan sebelumnya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1987 pula adalah bertujuan untuk menghapuskan duti eksport 5% ke atas serbuk ikan makanan binatang, dengan izin, fish meal. Ini untuk membantu para pengeluar tempatan bersaing dari segi harga di pasaran eksport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1987 ialah bertujuan untuk menaikkan duti eksport ke atas semua jenis rotan kepada \$2,700 setan. Langkah ini adalah bertujuan untuk membantu pengusaha-pengusaha perabot rotan tempatan yang sedang berkembang untuk mendapatkan bekalan rotan dengan mudah dan dengan harga yang rendah. Di samping itu langkah ini akan dapat menarik pelabur-pelabur luar negeri untuk melabur di dalam industri perabot rotan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1987, perintah ini hanyalah bertujuan untuk menetapkan kriteria-kriteria baru bagi portable transistor

radio dan mesin kira-kira saiz kecil seperti berat maksima tidak boleh melebihi 10 kg bagi portable transistor radio dan tidak melebihi 150 gm bagi mesin-mesin kira saiz kecil. Penetapan kriteria baru ini perlu dibuat kerana kriteria-kriteria lama tidak realistik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1987;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1987;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1987;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1987;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1987;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1987;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1987;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1987;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 225, 226, 227, 228, 229, 230, 231, 232, dan 233 tahun 1987 disahkan.

### AKTA EKSAIS 1976

2.40 ptg.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1987;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8), 1987;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9), 1987;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10), 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 234, 235, 236 dan 237 tahun 1987 disahkan.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), (No. 9) dan (No. 10), 1987 adalah mempunyai tujuan yang sama iaitu bagi mengubah kadar duti eksais ke atas beberapa barangan petroleum berikutan kajian harga barang-barang petroleum yang dibuat pada tiap-tiap awal bulan sebelumnya.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1987, ialah untuk menetapkan setiap kenderaan penumpang yang dikeluarkan dari premis pengilangannya untuk disimpan di tempat pameran (show room) hendaklah dibayar duti eksaisnya selewat-lewatnya 4 tahun setelah kereta tersebut dikeluarkan dari premis pengilangannya walaupun kereta itu belum dijual.

Bagi kenderaan-kenderaan perdagangan pula, perintah ini menetapkan supaya duti eksaisnya dibayar selewat-lewatnya 5 tahun setelah kenderaan tersebut dikeluarkan dari premis pengilangannya. Langkah ini adalah bertujuan untuk memperkhemaskan serta mempercepatkan lagi pungutan duti eksais atas kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1987;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8), 1987;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9), 1987;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10), 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 234, 235, 236 dan 237 tahun 1987 disahkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.45 ptg.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Jualan 1972 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca buat kali kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam ucapan Belanjawan 1988.

Di sini, saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

*Bab I* Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja.

*Bab II* adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967; dan,

*Fasal 4* bertujuan untuk menggantikan takrif-takrif "Malaysia" dengan takrif baru yang lebih luas selaras dengan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984.

*Fasal 5* bertujuan menggantikan Seksyen 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu berkenaan dengan Cukai Keuntungan Berlebihan di mana mulai tahun taksiran 1988 syarikat-syarikat di Malaysia tidak lagi tertakluk kepada Cukai Keuntungan ini.

*Fasal 6, 8 (b), 14 dan 16* bertujuan membuat pindaan-pindaan ke atas perkara-perkara yang berbangkit.

*Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 7 (1) (b) mengenai syarat untuk mendapat taraf sebagai pemastautin di Malaysia. Dengan pindaan ini seseorang individu yang berada di Malaysia selama kurang daripada 182 hari dalam sesuatu tahun kalendar akan dianggap sebagai bermastautin di Malaysia bagi maksud cukai bagi tahun itu. Jika tempoh itu bersambung dengan satu tempoh lain yang tidak kurang daripada 182 hari berturut-turut sama ada sebelum atau selepas tahun itu.

*Fasal 8 (a)* bertujuan meminda seksyen 45 (4) bagi membolehkan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri membenarkan isteri-isteri membuat pilihan supaya pendapatan mereka ditaksirkan secara berasingan dari suami mereka walaupun selepas sesuatu tahun taksiran.

*Fasal 9* adalah bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta, untuk membenarkan potongan khas dibuat dari pendapatan syarikat insurans nyawa bagi tujuan cukai pendapatan. Potongan ini adalah bersamaan dengan 2% daripada baki akaun khas syarikat insurans nyawa bagi sesuatu tahun tetapi tidak melebihi jumlah komisen yang dibayar dalam tempoh tahun berkenaan.

*Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 82 Akta untuk membetulkan rujukan takrif "accountant", dengan izin, dalam seksyen 82 (5).

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 83 Akta Cukai Pendapatan 1967 seseorang majikan dikehendaki memberi notis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri jika seseorang pekerjaanya hendak berhenti kerja atau meninggalkan Malaysia bagi tempoh melebihi 3 bulan.

Majikan dikehendaki menahan apa-apa jua pembayaran kepada pekerja berkenaan selama 30 hari selepas Ketua Pengarah menerima notis.

*Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen ini bagi melanjutkan tempoh ini kepada 90 hari.

*Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 107 (4) mengenai tanggungan seseorang majikan yang gagal mematuhi seksyen 83. Majikan yang gagal mematuhi seksyen ini akan bertanggungjawab untuk menjelaskan apa-apa cukai yang kena dibayar oleh pekerja yang telah berhenti kerja.

*Fasal 13* bertujuan memasukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 107B iaitu mengenai skim yang menghendaki semua syarikat dan orang-orang yang bekerja sendiri membuat bayaran cukai secara beransur-ansur sama ada cukai itu telah ditaksir atau tidak. Amaun ansuran dan masa-masa bayaran akan ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Pindaan ini mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1989.

*Bab III* iaitu Fasal 17 hingga 19 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

*Fasal 18* bertujuan membetulkan rujukan dalam takrif "accountant" dalam seksyen 2 (1) Akta. Fasal ini juga memperkenalkan satu seksyen baru iaitu seksyen 2, subseksyen (4) yang mana kesannya ialah pecah milik tanah, milikan bersama tidak akan dikenakan cukai keuntungan harta tanah. Sehubungan dengan ini Fasal 19 (b) dan 19 (c) bertujuan meminda perenggan 15B dan 19 Jadual 2 kepada Akta untuk memasukkan peruntukan menentukan tarikh dan harga perolehan tanah tersebut yang menjadi hak kepada seseorang akibat pecah milik jika tanah demikian dilupuskan.

Di bawah perenggan 12, Jadual II kepada Akta, menyatakan bahawa pelupusan sesuatu aset dengan cara pemberian, disifatkan sebagai pelupusan mengikut nilai pasaran aset dan tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah. Bagaimanapun pemberian yang dibuat di antara suami dan isteri, bapa dan anak, dato' atau nenek dengan cucu adalah terkecuali daripada cukai keuntungan harta tanah, jika pemberiannya membuat pilihan supaya pelupusan itu dikira sebagai pelupusan yang tidak menerima apa-apa keuntungan atau menanggung apa-apa kerugian.

*Fasal 19 (a)* bertujuan menggantikan perenggan yang ada dengan perenggan yang baru di mana syarat untuk membuat pindaan itu dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV Rang Undang-undang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984. Di bawah seksyen 4A Akta ini, sesebuah syarikat yang membuat pemindahan syer dalam kumpulan yang sama, pemindahan syer bagi tujuan reorganisasi, pembentukan semula ataupun penyatuan dan syarikat dilikuidasikan selaras dengan dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian akan dikecualikan daripada cukai pemindahan syer.

*Fasal 21* bertujuan untuk menambah kepada seksyen 4 (a) Akta itu iaitu subseksyen baru yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk menarik balik apa-apa kelulusan bagi pindahmilik atau pelupusan syer sekiranya didapati pindahmilik ataupun pelupusan itu tidak tulin.

Bab V Rang Undang-undang adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan)

1967. Fasal 23 bertujuan meminda takrif "Malaysia" dalam seksyen 2 Akta.

Tuan Pengerusi, sistem cukai jualan pada masa sekarang adalah sistem cukai seperingkat, dengan izin, single stage tax, di mana cukai dikenakan ke atas semua barang-barang melainkan yang dikecualikan yang diimport atau yang dikilangkan dalam negara. Secara ringkasnya konsep cukai ini sebagai cukai seperingkat bermakna bahawa cukai ini dikenakan sama ada ke atas bahan-bahan mentah dan komponen, dengan izin, input atau atas barang-barang siap dengan izin, output. Pada masa sekarang adalah didapati bahawa konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat tidak terpakai untuk barang-barang yang telah dikecualikan daripada cukai jualan dan barang-barang yang dikilangkan oleh orang-orang yang dikecualikan daripada perlesenan. Ini adalah kerana kedua-dua kategori pengilang barang-barang ini dibenarkan membeli bahan-bahan mentah dan komponen mereka bebas dari cukai jualan walhal barang-barang yang dikeluarkan oleh mereka adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan. Ini bermakna pengilang-pengilang ini langsung tidak membayar apa-apa cukai jualan dan ini tidak selaras dengan konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat.

*Fasal 25 dan 26* adalah bertujuan memotong subseksyen (2) seksyen 13 dan proviso kepada seksyen 14 Akta Cukai Jualan 1972 supaya pengilang-pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan orang-orang yang dikecualikan daripada perlesenan tidak dibenarkan mendapat input, dengan izin, mereka bebas dari cukai jualan. Ini adalah sejajar dengan konsep cukai jualan sebagai cukai seperingkat yang hendaklah dikenakan ke atas bahan-bahan mentah atau barang-barang siap.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kewangan 1987 dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 26* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

2.58 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang

Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang 1951, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 yang dipakai bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan mula berkuatkuasa pada 31hb Mac, 1952 perlu dipinda, dikemaskini dan diubahsuaikan mengikut perkembangan pembangunan semasa dan supaya ianya sealiran dengan perkembangan perundangan pada hari ini. Peruntukan-peruntukan di bawah Ordinan yang ada sekarang adalah terhad skopnya dan tidak meliputi pertubuhan-pertubuhan perbadanan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang sudah sepatutnya diberikan pengecualian kerana mereka telah pun tertakluk dan diliputi di bawah akta-akta tertentu. Oleh itu, seksyen yang baru iaitu seksyen 2A di bawah Fasal 4 telah dikemukakan dengan bertujuan menyenaraikan orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 dikecualikan dan tidak dipakai. Senarai tersebut telah dikemaskini dan mengambil kira, dengan izin, Islamic Banking Act, 1983, Takaful Act 1984 dan Finance Companies Act 1969.

Di samping itu, seksyen baru ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan perbadanan atau pertubuhan daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang 1951. Seksyen yang baru ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan mana-mana pengecualian yang telah diberi jika terdapat pelanggaran mana-mana had sekatan atau syarat yang telah ditetapkan bila mana pengecualian tersebut diberi. Walau bagaimanapun, pembatalan tersebut hendaklah dibuat hanya selepas peluang untuk pembelaan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, takrif, dengan izin, "money lender" di dalam Ordinan Pemberipinjam Wang, 1951, terpaksa dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri meluluskan pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang, 1951 secara kebelakangan. Pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada peruntukan takrif, dengan izin, "money lender" dari mula berkuatkuasanya Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 iaitu pada 31hb Mac 1952 sehinggalah sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini. Pindaan ini adalah merupakan peruntukan sementara untuk menyelesaikan kes-kes di mana pengecualian telah diberi secara kebelakangan.

Dengan adanya pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan, saya yakin Ordinan Pemberipinjam Wang, 1951 akan dapat berfungsi sepertimana yang diharap-harapkan mengikut perkembangan pembangunan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.05 ptg.

**Dato S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) yang dipakai bagi negeri-negeri Sabah dan mula berkuatkuasa pada 8hb November, 1901 tidak menyenaraikan orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan tersebut dikecualikan dan tidak dipakai. Malahan kuasa untuk memberi pengecualian daripada Ordinan tersebut adalah terpulung kepada Menteri sahaja. Keadaan yang sedemikian telah menimbulkan berbagai-bagai keraguan dan kemusykilan kepada bank-bank yang menjalankan urusan di Sabah di mana mereka terpaksa membuat permohonan kepada Menteri untuk mendapat pengecualian daripada Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah). Keadaan ini sangat aneh kerana bank-bank yang menjalankan urusan di semenanjung Malaysia

dan di Sarawak diberi pengecualian secara automatik daripada peruntukan-peruntukan Ordinan-ordinan Pemberipinjam Wang masing-masing.

Demi untuk menyelesaikan masalah ketidakseragaman di Sabah, adalah perlu dibuat pindaan-pindaan sewajarnya ke atas Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah). Oleh itu, seksyen yang baru iaitu Seksyen 2A di bawah Fasal 4 telah dikemukakan dengan bertujuan untuk menyenaraikan orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) dikecualikan dan tidak dipakai. Pindaan tersebut juga dibuat dengan bertujuan untuk menyeragamkan senarai orang-orang dan badan-badan yang diberi pengecualian dengan senarai di bawah Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 dan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak).

Di samping itu, seksyen baru ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan perbadanan atau pertubuhan daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah). Seksyen yang baru ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan mana-mana pengecualian yang telah diberi jika terdapat pelanggaran mana-mana hak, sekatan atau syarat yang telah ditetapkan bila mana pengecualian tersebut diberi. Walau bagaimanapun, pembatalan tersebut hendaklah dibuat hanya selepas peluang untuk pembelaan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, takrif, dengan izin, "money lender" di dalam Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) terpaksa dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri meluluskan pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) secara

kebelakangan. Pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada peruntukan takrif, dengan izin, "money lender" dari mula berkuatkuasanya Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) iaitu pada 8hb November, 1901 sehinggalah sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini. Pindaan ini adalah merupakan peruntukan sementara untuk menyelesaikan kes-kes di mana pengecualian telah diberi secara kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan-pindaan sepertimana yang dicadangkan, saya yakin Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) akan dapat berfungsi sepertimana yang diharap-harapkan mengikut perkembangan pembangunan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4—*

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perkataan-perkataan "the society concerned an" dalam naskah bahasa Inggeris dalam Fasal 4 (1) di muka surat 3 baris ke 8 digantikan dengan perkataan-perkataan "society from all or any of". Pindaan ini adalah untuk membetulkan kesalahan percetakan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan iaitu dibatalkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam Fasal 4 (1) di muka surat 3 baris ke 8 seperti berikut:

"the society concerned an" digantikan dengan perkataan-perkataan "society from all or any of", terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 4* sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (SARAWAK) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.12 ptg.*

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) yang dipakai bagi negeri Sarawak dan mula berkuatkuasa pada 17hb Februari, 1912 perlu dipinda, dikemaskini dan diubahsuai mengikut perkembangan pembangunan semasa dan supaya ianya sealiran dengan perkembangan perundangan pada hari ini. Di bawah Ordinan yang ada sekarang pengecualian secara otomatik hanya diberi kepada empat badan atau pertubuhan sahaja. Oleh itu, seksyen yang baru iaitu seksyen 8 di Fasal 3 telah dikemukakan dengan bertujuan menseragamkan senarai orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan Pemberipinjam Wang Sarawak dikecualikan dan tidak dipakai. Senarai tersebut telah dikemaskinikan dan mengambil kira, dengan izin, Islamic Banking Act 1983; Insurance Act 1963; Takaful Act 1984 dan Finance Companies Act 1969.

Di samping itu, seksyen baru ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan perbadanan atau pertubuhan daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak). Seksyen yang baru ini juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan mana-mana pengecualian yang telah diberi jika terdapat pelanggaran mana-mana had sekatan atau syarat yang telah ditetapkan bila mana pengecualian tersebut diberi. Walau bagaimanapun, pembatalan tersebut hendaklah dibuat hanya selepas peluang untuk pembelaan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 8 Ordinan Pemberipinjam Wang Sarawak Fasal 2 terpaksa dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri meluluskan pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang Sarawak secara kebelakangan. Pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai

sebahagian integral daripada Ordinan tersebut dari mula berkuatkuasanya Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) iaitu pada 17hb Februari, 1912 sehinggalah sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini. Pindaan ini adalah merupakan peruntukan sementara untuk menyelesaikan kes-kes di mana pengecualian telah diberi secara kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan-pindaan sepertimana yang dicadangkan, saya yakin Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) ini akan dapat berfungsi sepertimana yang diharapkan mengikut perkembangan pembangunan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang Sarawak dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*3.16 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit sahaja memberi pandangan berhubung dengan suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak).

Sebentar tadi, Akta yang sama juga diluluskan iaitu ditujukan kepada Sabah. Oleh itu, saya ingin memberi pandangan iaitu kita telah merdeka iaitu negara Malaysia, sekarang Sabah dan Sarawak juga masuk dalam gugusan Malaysia, apa salahnya undang-undang ini diselaraskan, jadi

tidak ada undang-undang untuk Sabah dan tidak ada undang-undang untuk Sarawak. Ini pandangan saya supaya dapat diselaraskan segala wang pinjaman ini di semua negeri-negeri dalam negara Malaysia ini. Itu sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

3.18 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap oleh kerana hal ini ialah hal Sarawak, tidak patutlah Ahli dari Bangsar dapat bercakap mengenai Sarawak tetapi orang Sarawak tidak boleh. Bukan itu sahaja, saya rasa saya perlu sentuh mengenai apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Lembah Pantai.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**.....Lembah Pantai tadi. Kita telah meluluskan Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Pindaan). Ini saya rasa untuk keseluruhannya.

Yang keduanya ialah Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sabah) dan sekarang berada di depan kita iaitu Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan). Saya rasa dari segi semangat dan hasrat sudah tentu ini menggambarkan hasrat Kerajaan untuk menyelaraskan apa yang ada di Sabah dan apa yang ada di Sarawak dan oleh kerana itu saya rasa saya bersetuju dengan hasrat ini supaya tidak timbul satu kekeliruan dalam perkara ini dan sudah tentulah setelah menjadi sebuah negara yang merdeka, kita harus menyelaraskan kalau dapat dan kalau yang

belum diselaraskan itu, kita perlu berusaha untuk menyelaraskannya. Ini ialah selain daripada apa yang telah saya sebutkan iaitu ke arah mengeratkan lagi integrasi nasional di antara Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

Yang kedua, tahun 1912 adalah begitu lama yang lepas. Masa yang silam begitu lama dan undang-undang ini telah diwujudkan pada tahun 1912 dan sudah tentulah kena pada masa dan ketikanya untuk kita menyelaraskan, untuk kita meminda Rang Undang-undang ini supaya ianya dapat disesuaikan dengan hasrat, dengan keadaan zaman, dengan keadaan masa, kehendak negara kita yang telah merdeka ini supaya dapat kita menjalankan tugas dari segi pemberipinjam wang kepada peminjam dengan lebih berkesan lagi. Lebih-lebih lagi menyedari hakikat bahawa kita dari hari ke hari menempuh berbagai-bagai cubaan, dugaan dari segi aspek ekonomi, politik dan sebagainya, lebih-lebih lagi saya rasa untuk menentukan supaya matlamat negara yang ingin membangun dari semua bidang, terutama sekali dalam bidang ekonomi dapat dicapai. Saya rasa adalah perlu Rang Undang-undang ini dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, dua, tiga hari yang lepas kita telah mendengar bahawa Menteri diberi kuasa dalam Akta Polis, Akta Cetak — memberi kuasa yang lebih kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan sekarang kita pun memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri lebih banyak lagi. Jadi, saya rasa seolah-olah ada gambaran yang diberi kepada kita bahawa Menteri ini perlu diberi kuasa.

Tiga hari yang lepas Menteri dapat lebih kuasa, dua hari lepas Menteri dapat lebih kuasa dan empat hari lepas pun Menteri lebih kuasa diberi oleh kita. Jadi, saya rasa dalam menentukan

kuasa yang diberi kepada Menteri ini kita hendaklah, saya rasa berjaga-jaga, kalau banyak sangat kuasa diberi kepada pihak Eksekutif dan ditinggalkan kuasa kepada pihak Perundangan atau pihak Legislature, dengan izin, dan juga pihak Judiciary, jadi mungkin pentadbiran negara ini takut nanti sedikit terjejas. Saya rasa itu komen saya kerana dalam usaha kita untuk menguatkan pihak Executive, dengan izin, janganlah kita lupa bahawa pihak Legislature dan pihak . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Arau bangun.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Alang-alang, Tuan Yang di-Pertua, sudah hampir habis (*Ketawa*). Saya tahu Yang Berhormat dari Arau sokong saya (*Ketawa*) dan pihak kehakiman pun nanti eroded, dengan izin, dia punya power. Jadi, harapan saya dalam kita memberi kuasa ini kita harus mengkaji dari beberapa segi aspek supaya dapat pentadbiran negara terus berjalan sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan bersatu-padu. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Arau.

3.22 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan).

Pertama sekali saya hendak menyokong rakan saya dari Lembah Pantai. Saya rasa cadangan ini baik dan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil perhatian yang serius supaya usaha-usaha kita sebelum ini iaitu usaha-usaha untuk integrasi nasional, usaha-usaha Feri Malaysia

dan lain-lain lagi dapat berjalan dengan lancar.

Kedua, saya hendak menyentuh fasal kuasa menteri yang telah disentuh oleh rakan saya tadi. Saya rasa tak payah ulas tetapi sahabat saya sebagai bekas Timbalan Menteri, saya rasa dia tak pernah beri apa-apa komen semasa dia jadi Timbalan Menteri dahulu, malah kalau sekiranya kita menegur tentang kuasa Menteri dia marah kita balik. Jadi, apabila dia balik ke belakang ini, dia menentang pula kuasa yang kita beri lebih kepada Eksekutif. Ini siapa hendak jadi pemerintah kena buat macam itulah. Jadi kalau jadi pemerintah tak ada kuasa, saya ingat tak payah perintahkan. Kalau diberi kepada kami Ahli-ahli Parlimen pun kami tak hendak kuasa itu, Jadi, sebagai orang yang telah diberi kuasa untuk memerintah, saya rasa memang tepat kuasa Menteri itu, kalau boleh, dilebihkan. Dengan itu kita di sini cuma kita membincangkan tentang kuasa Menteri sama ada dia menyalahgunakan kuasa ataupun tidak, tetapi kalau kuasa diberi sekerat-sekerat ataupun setengah-setengah, setengah pula diberi kepada pihak Perundangan dan sebagainya, jadilah pertelingkahan sebagaimana hari ini. Dengan adanya kuasa mutlak kepada Menteri, saya rasa kita akan berpuas hati dan kita hanya akan membincangkan tentang sejauh mana Menteri menjalankan kuasa-kuasanya nanti.

Saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tak boleh dalam . . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah duduk.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Oh!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi dia tak duduk lagi, tak mahu bangun. Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.25 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, Simunjan dan Arau yang telah memberi pandangan yang membina iaitu khususnya tentang tujuan untuk menyatukan undang-undang yang sedia ada.

Sebenarnya adalah menjadi tujuan dan dasar Kementerian untuk menyatukan ketiga-tiga Ordinan Pemberipinjam Wang yang sedia ada. Apa yang dilakukan sekarang adalah untuk menjalankan beberapa pindaan-pindaan yang perlu dibuat dengan segera dan penyatuan undang-undang yang sedia ada akan mengambil masa yang lebih panjang dan ini kita akan ubah.

Pindaan-pindaan yang dibuat sekarang sebenarnya ialah merupakan suatu usaha untuk mensekukan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di ketiga-tiga Ordinan Pemberipinjam Wang ini. Ini adalah peringkat yang pertama dan kita juga di Kementerian berharap bahawa pada masa hadapan Ordinan ini akan dibuat sebagai satu Ordinan untuk menunjukkan atau memberi gambaran sebagai satu negara.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kuasa, saya fikir Yang Berhormat dari Simunjan salah faham. Sebenarnya seperti saya telah terangkan bukan semua pindaan-pindaan yang telah dibuat memberi kuasa, sebaliknya pindaan yang dibuat bagi negeri Sabah sebenarnya menarik balik kuasa itu. Apa kuasa yang telah diberi kepada Menteri telah tidak lagi diberi kepada Menteri.

Seperti saya terangkan, kuasa telah diberi untuk pengecualian daripada Ordinan yang sedia ada, terpulang kepada budi bicara Menteri sahaja. Kalau dahulu keadaan yang sedemikian telah menimbulkan berbagai-bagai keraguan dan kemusykilan kepada bank-bank yang menjalankan urusan di Sabah di mana mereka terpaksa membuat permohonan kepada Menteri tiap-tiap kali. Untuk mengelakkan keadaan ini kita telah menyenaraikan badan-badan yang perlu diberi pengecualian secara automatik, tak payah mohon kebenaran daripada Menteri. Ini menunjukkan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat dari Simunjan kata undang-undang 1912.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada menyentuh tentang Sabah, Sarawak dan semuanya. Jadi, untuk memberi gambaran bahawa semua kuasa diberi. Itu sebagai penjelasan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan) pula, sukalah saya menjelaskan bahawa kuasa yang diberi kepada Menteri ialah untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Umpamanya, kalau pengecualian diberi kepada badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan dan jika terdapat badan-badan tersebut tidak menjalankan urusan mereka mengikut peruntukan-peruntukan yang sedia ada mengikut semangat di mana pengecualian diberi perlulah kuasa diberi kepada Menteri untuk menarik balik pengecualian yang telah diberi. Ini bukan kuasa untuk kuasa, kuasa untuk melaksanakan Ordinan Pemberipinjam Wang, saya bolehlah menyebut beberapa contoh dalam Fasal 1 tetapi saya fikir cukuplah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

3.32 ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1973. Dalam melaksanakan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Jabatan PERHILITAN masih mengalami beberapa kesulitan dalam penguatkuasaannya oleh kerana beberapa seksyen masih kurang jelas

dan perlu dikemaskini. Tambahan pula Jabatan PERHILITAN berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan sekarang tidak setimpal dengan kedudukan hidupan Liar yang kini telah terancam. Keadaan ini disebabkan oleh kehilangan habitat, pertambahan pemburuan haram dan accessibility, dengan izin, ke kawasan-kawasan hidupan liar. Oleh yang demikian, hukuman yang lebih berat telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penjelasan lengkap dan panjang lebar mengenai matlamat dan tujuan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta ini telah pun diberi dalam Huraian pada Rang Undang-undang ini, saya ingin memberi penjelasan secara keseluruhan sahaja kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan itu.

Sepertimana yang disebut sebentar tadi, pindaan yang dicadangkan kepada Akta ini adalah bertujuan mengatasi kelemahan yang wujud iaitu:

- (1) Kelemahan dari segi pengtakrifan kepada Akta tersebut. Di sini pindaan dicadangkan supaya kekeliruan tidak timbul dan juga untuk menyenangkan proses pendakwaan.
- (2) Kelemahan berkenaan dengan setengah kuasa yang khusus kepada seorang sahaja dan kuasa-kuasa lain yang diperuntukkan oleh Akta yang perlu diperketatkan. Kuasa-kuasa seperti kuasa menyiasat, kuasa menyimpan barang rampasan dan kuasa mengeluarkan permit-permit hanyalah diberikan kepada seorang sahaja. Adalah dicadangkan supaya kuasa ini diperuntukkan juga kepada pegawai-pegawai bawahan supaya dapat memudahkan penguatkuasaan dan untuk kemudahan orang awam.

- (3) Kelemahan berhubung dengan peruntukan mengenai hidupan liar dan burung liar yang diperlindungi, peruntukan sekarang hanya meliputi seekor binatang secara keseluruhannya dan tidak menyentuh bahagian binatang-binatang tersebut. Umpamanya, tanduk seekor rusa atau gading seekor gajah tidak diliputi di bawah undang-undang sekarang. Oleh itu, seksyen berkenaan perlu dipinda supaya perlindungan yang lebih sempurna dapat diberikan kepada hidupan liar dan burung-burung liar yang diperlindungi di bawah Akta ini.
- (4) Kelemahan dari segi penguatkuasaan. Pindaan kepada Akta akan membolehkan Pegawai Jabatan PERHILITAN untuk mengadakan sekatan jalan dengan bantuan Polis, menahan kenderaan untuk tujuan pemeriksaan atau boleh menggunakan gari, jika perlu bagi menjaga orang yang ditangkap melarikan diri dari tangkapan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tujuan mengatasi kelemahan yang dinyatakan di atas, pindaan-pindaan lain yang dicadangkan, antara lain ialah:

- (i) Pindaan bagi membolehkan penalti-penalti yang lebih berat dikenakan oleh kerana hidupan liar semakin terancam memandangkan pertambahan pemburu-pemburu haram dan denda-denda yang dikenakan masa kini tidak merupakan unsur pencegahan yang secukupnya kepada pemburu-pemburu haram ini.

(ii) Memandangkan bahawa binatang-binatang seperti badak, kerbau, harimau belang dan harimau dahan telah hampir pupus, maka dicadangkan satu seksyen baru yang memberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi \$15,000 bagi yang menembak atau membunuh secara haram binatang-binatang liar tersebut. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan langkah ini kes pemburuan binatang yang terancam itu tidak akan berlaku lagi.

(iii) Hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak lebih dari 10 tahun juga dicadangkan bagi sesiapa yang didapati memiliki lebih daripada 25 jerat atau perangkap dawai. Oleh kerana penggunaan jerat itu semakin bertambah dan pemburuan sedemikian amatlah kejam dan perlu dihapuskan, tambahan lagi penggunaan jerat tersebut bukan sahaja akan menganiayai hidupan liar, malah ianya amat berbahaya kepada manusia. Oleh yang demikian, bagi kesalahan ini denda tidak diperuntukkan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, pemuliharaan hidupan liar kita bukanlah merupakan pemuliharaan hidupan liar semata-mata tetapi ianya juga merupakan pemuliharaan warisan semulajadi rakyat Malaysia, baik untuk generasi kini mahupun untuk generasi akan datang.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia untuk mengambil langkah-langkah tertentu untuk memuliharaan hidupan liar negara kita. Sebenarnya, kehadiran hidupan liar di dalam alam semula jadi Malaysia akan menentukan imbalan

ekologi yang perlu bagi menampung kehidupan di bumi ini. Dalam pada itu adalah menjadi tugas kita untuk melindungi hidupan liar, khususnya spesies yang terancam, memandangkan hidupan liar adalah juga merupakan makhluk Tuhan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini merupakan langkah ke arah mencapai matlamat ini, saya harapkan akan mendapat sokongan dari semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh.

3.41 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh):** Bismillah-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinannya, maka saya berpeluang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyatakan sokongan saya ke atas Akta ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

yang berjaya mengemukakan suatu pindaan yang saya kira agak menyeluruh ke atas Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 ini.

Dengan lulusnya pindaan-pindaan yang dibentangkan ini, diharapkan tahap pengawalan dan penyeliaan ke atas hidupan liar, burung liar dan Taman Negara akan lebih terjamin dan sempurna lagi.

Pindaan-pindaan yang dibuat jelas menunjukkan hasrat Kerajaan untuk mengemaskinikan lagi Akta yang sedia ada supaya lebih berfungsi dan lebih bermakna, selaras dengan tuntutan bidang tugas Kementerian ini bagi mengawal dan melindungi hidupan liar, burung liar dan Taman Negara di negara ini ke tahap yang lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya selain daripada mengemaskinikan undang-undang yang ada, ada beberapa pendekatan lain yang perlu diberi penekanan yang lebih positif untuk melindungi binatang hidupan dan burung liar di negara kita ini. Di antaranya:

Yang pertama, Kementerian ini hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan seberapa banyak yang mungkin Taman-taman Negara di negara ini, sekurang-kurangnya sebuah bagi setiap buah negeri di Malaysia ini. Taman-taman Negara itu hendaklah dikawal rapi dan dijaga dengan sempurna, mana-mana bahagian hutan yang telah rosak dan kayu-kayan yang sudah ditebang perlulah dibaikpulih dan ditanam dengan kayu-kayan jenis yang tahan lama seperti merbau, cengal, meranti, juga kalau boleh berlian dan sebagainya. Dengan adanya pokok-pokok itu bukan sahaja dapat memberi perlindungan yang mencukupi kepada binatang liar atau burung-burung liar yang berada di Taman Negara itu, malah boleh menarik minat para pecinta alam ataupun para pelancong

sama ada dari dalam mahupun dari luar negeri untuk menikmati keindahan alam semula jadi di negara kita ini. Di samping itu, Taman Negara juga boleh dijadikan Pusat Penyelidikan oleh para penyelidik binatang-binatang liar ataupun burung-burung liar atau tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Taman Negara itu.

Dalam hubungan ini, saya berseru kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat memberikan sepenuh-penuh kerjasama kepada Kementerian ini ke arah mewujudkan Taman Negara itu kerana masalah tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Saya yakin dengan wujudnya kerjasama di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini usaha mewujudkan Taman Negara itu pasti akan mencapai hasil yang lebih berkesan dan sempurna. Dengan adanya Taman Negara di tiap-tiap buah negeri di negara kita ini pihak Kerajaan Negeri juga akan sama-sama menikmati faedah di antaranya yang pasti ialah dapat mengurangkan gangguan binatang-binatang liar seperti gajah dan sebagainya di negeri masing-masing selain daripada dapat menerima kunjungan para pelancong ke negerinya masing-masing.

Yang kedua, Kementerian ini juga patut mengadakan suatu rancangan yang teratur dan sempurna ke arah usaha mengembangbiakkan hidupan liar dan burung-burung liar di negeri ini, istimewa kepada binatang-binatang liar yang telah dikenalpasti semakin berkurangan agar ia tidak pupus di negara ini.

Kita semua sedar sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun sudah pasti banyak projek-projek pembangunan yang dirancangan dan telah dilaksanakan untuk kepentingan rakyat dan negara seluruhnya. Ada di antara projek-projek pembangunan itu

telah memberi kesan yang buruk terhadap kesejahteraan hidup dan juga keselamatan nyawa hidupan liar dan burung-burung liar di negara ini. Umpamanya dengan terbinanya beberapa buah ampangan-ampangan air untuk jana elektrik ataupun mendapatkan kuasa elektrik seperti Ampangan-ampangan Temenggor di Chenderoh, di Barsia, Lawin di Perak, Kenyir di Terengganu dan sebagainya. Beribu-ribu hektar tanah telah ditenggelami air, di kawasan-kawasan yang sudah ditenggelami air itu bukan sahaja binatang-binatang liar dan burung-burung liar kehilangan tempat perlindungan dan sumber makanan, malah banyak di antara binatang-binatang itu telah mati lemas ditenggelami air. Cuma sebilangan kecil sahaja yang dapat diselamatkan.

Selain daripada projek pembinaan ampangan air, projek pembangunan ladang-ladang juga telah memberi kesan yang buruk kepada kesejahteraan hidup binatang-binatang liar dan burung-burung liar. Misalnya, di bawah Rancangan FELDA, beribu-ribu hektar tanah kawasan hutan yang telah diteroka untuk dijadikan kawasan ladang sawit ataupun getah dan beribu-ribu hektar tanah lagi yang diterokai oleh Perbadanan Pertanian Negeri atau syarikat-syarikat swasta dan lain-lain lagi.

Menyedari hakikat ini saya merasakan amat penting langkah-langkah yang positif perlu diambil ke arah usaha mengembangbiakkan binatang-binatang liar dan burung-burung liar di negara ini supaya ia tidak terus pupus di bumi bertuah ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga patut mengadakan program yang teratur dan kemaskini ke arah menanamkan semangat kasih sayang dan belas kasihan kepada hidupan liar dan burung liar kepada masyarakat di negara ini. Jika sifat-sifat dan nilai-nilai

murni dapat diserapkan ke dalam hati sanubari setiap individu di negara ini, saya berkeyakinan sifat rakus dan sifat suka memusnahkan binatang liar dan burung-burung liar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sama ada secara sengaja atau sebaliknya akan dapat dibendung dari semasa ke semasa. Kumpulan sasaran yang perlu diberi penekanan ialah pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kerana bak kata orang tua-tua "jika hendak melentur buluh biarlah daripada rebong".

Kaedahnya boleh digunakan ialah melalui ceramah-ceramah yang diberikan oleh kakitangan yang berkhidmat di bawah Kementerian ini untuk mendapat kekesanan yang lebih. Orang ramai mestilah dibekalkan dengan risalah-risalah kecil yang menerangkan peri mustahaknya hidupan liar atau burung-burung liar diberi perlindungan. Kandungan-kandungan risalah itu patutlah juga dimasukkan senarai hidupan liar dan burung-burung liar yang diberi perlindungan di bawah Akta ini. Di samping menyatakan jumlah penalti yang dikenakan ke atas sebarang kesalahan yang dilakukan menurut Akta ini. Selain daripada peranan Kementerian pihak para karyawan juga boleh memainkan peranan dengan mengarang buku-buku cerita yang bermotifkan kasih sayang dan belas kesihan kepada hidupan liar atau burung-burung liar untuk bacaan kanak-kanak.

Saya percaya dengan kerjasama pihak penulis dan penerbit buku-buku yang seumpama itu akan dapat membantu menanamkan semangat kasih sayang di kalangan kanak-kanak atau masyarakat di negara ini kepada binatang-binatang liar ataupun burung-burung liar. Buku-buku seumpama itu patut dibeli oleh pihak sekolah dan dimuatkan ke dalam kutubkhanah sekolah supaya penyebarannya lebih berkesan dan

meluas, terutamanya di kalangan kanak-kanak yang miskin sudah tentu tidak berupaya untuk membeli secara bersendirian. Tetapi kalau ada buku itu dibekalkan di kutubkhanah sudah pastilah mereka dapat membacanya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menukarkan istilah Perlindungan Mergastua kepada Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara itu adalah suatu langkah yang dialu-alukan kerana dengan namanya yang baru itu bukan sahaja lebih mudah difahami dan senang disebut malah dapat mencukupi maksud bidang tugas Kementerian ini secara lebih jelas dan menyeluruh.

Cadangan di bawah peruntukan memberikan kuasa kepada Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara untuk pelupusan harta jika tiada Majistret di bawah seksyen 19(2) Akta ini adalah suatu yang membina kerana dengan kuasa itu akan dapat mempertingkatkan prestasi jabatan ini memandangkan bilangan Majistret yang terhad di negara ini dan tugas yang kian bertambah maka peruntukan itu adalah difikirkan cukup munasabah dan amat berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memberikan kuasa kepada Pengarah Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara untuk mengadakan sekatan jalanraya dengan kerjasama Polis di bawah Seksyen 17(A) (1) adalah suatu yang praktikal. Memandangkan betapa banyaknya rangkaian jalanraya di negara ini dengan sistem pengangkutan yang baik dan sempurna menjadikan perhubungan begitu mudah untuk orang ramai bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain atau dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain.

Maka pergerakan mereka mudah dikesan menerusi sekatan-sekatan jalanraya seperti yang dicadangkan di dalam Akta ini. Dengan adanya peruntukan itu akan membolehkan pihak penguatkuasa Akta ini mengambil

langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan. Walau bagaimanapun, langkah ini perlulah dilaksanakan dengan penuh jujur dan bijaksana supaya tidak mengganggu atau menyusahkan pengguna-pengguna jalanraya.

Cadangan untuk menaikkan kadar penalti di dalam berbagai-bagai kesalahan yang terkandung di dalam Akta ini adalah suatu yang patut disanjung kerana dengan hal yang demikian diharapkan sikap mereka yang tidak bertimbang rasa dan belas kasihan kepada hidupan liar dan burung-burung liar serta suka merosakkan kecantikan taman negara itu akan dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap yang paling minima.

Tuan Yang di-Pertua, di samping membincangkan masalah memberi perlindungan kepada hidupan liar dan burung-burung liar itu, kita bersua dengan berbagai-bagai masalah yang lain iaitu masalah petani-petani kecil di kawasan luar bandar, terutama mereka yang tinggal terpencil jauh di pedalaman. Masalah yang dihadapi oleh petani-petani kecil itu ialah kesukaran bagi mereka untuk bercucuk tanam akibat gangguan binatang-binatang liar yang diperlindungi oleh Kementerian ini seperti gajah dan babi hutan. Binatang gajah ini seperti yang pernah disebut oleh rakan saya dari Kuala Neris dalam Dewan ini beberapa minggu yang lepas iaitu gajah ini kalau dia makan pisang, bukannya sahaja buah dimakannya, malah dengan daun dan batangnya sekali habis dimamah. Gajah-gajah ini bukan sahaja setakat memusnahkan tanaman, malahan rumah juga dimusnahkan dan kadang-kadang nyawa juga terancam. Gangguan gajah ini menjadikan petani-petani hidup dalam ketakutan dan penuh kebimbangan.

Keadaan ini sudah pasti akan memberi kesan kehidupan yang

menyedihkan. Hakikat ini perlulah diberi perhatian yang serius oleh pihak pegawai dan kakitangan di Kementerian ini. Saya tidak menafikan pihak Kementerian ini telah banyak mengambil beberapa langkah yang positif ke arah mengatasi masalah ini. Tetapi sudah bertahun-tahun kesah keganasan gajah ini masih berlaku di sana sini di pelusuk negara kita ini. Usaha untuk memindahkan gajah-gajah ini ke kawasan-kawasan yang lebih selamat hendaklah diteruskan dengan bersungguh-sungguh tanpa beralaskan kemelesetan ekonomi dan sebagainya.

Walaupun tidak banyak mereka yang terkorban akibat keganasan gajah ini tetapi adalah ramai di kalangan mereka yang hidup di dalam ketakutan dan kebimbangan. Dan ramai juga dari kalangan mereka takut untuk pergi berusaha mencari nafkah hidup seharian. Jika keadaan ini berterusan gambarkanlah bagaimana kehidupan mereka yang tinggal di kawasan yang sering diganggu oleh gajah itu. Misalkanlah diri kita sendiri atau keluarga kita sendiri yang terlibat dengan keadaan yang seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman yang tidak kurang hebatnya selain daripada gajah ialah babi hutan. Kita tidak menyalahkan babi ini kerana kita semua faham dan akibat pembangunan raksaksa seperti yang saya sebutkan tadi menjadikan babi-babi ini telah kehilangan kawasan ataupun tempat untuk berlindung dan juga kehilangan sumber makanannya. Sebab itulah babi-babi itu berpindah tinggal di belukar-belukar atau di pinggir-pinggir kampung kerana itulah sahaja tempat pilihan yang paling selesa kepadanya dan senang pula untuk mendapat bahan-bahan makanan. Tetapi yang kita persoalkan ialah mengapa pihak Kementerian ini mensesenaraikan binatang babi ini sebagai binatang yang diperlindungi. Kemudian dibiarkan

pula mengganas, segala tanam-tanaman yang ditanam oleh petani-petani kecil ini dengan mengadakan undang-undang ataupun Akta melarang petani-petani untuk memusnahkan binatang babi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, boleh tolong pendekkan?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Dengan yang demikian menjadikan kehidupan petani-petani semakin hari semakin sulit. Sebenarnya, petani-petani berada di dalam keadaan dilemma yang sukar diatasi di mana menerusi Buku Merah yang kedua atau dengan gesaan daripada Kementerian Pertanian, petani-petani disuruh bercucuk tanam, di dalam masa yang sama juga akibat keganasan babi tadi menjadikan petani-petani telah lemah semangat oleh sebab binatang-binatang yang telah mengganggu tanam-tanaman mereka ini menyebabkan usaha-usaha mereka itu seringkali kecewa dan patah di tengah jalan.

Oleh sebab itu, kalau boleh langkah Kerajaan mensensaraikan babi sebagai binatang perlindungan ini patutlah ditimbangkan semula dan kalau boleh saya cadangkan dihapuskan daripada senarai perlindungan ini.

Maka dengan ini, saya menyokong meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormt dari Bukit Bintang.

4.00 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini bahawa pada prinsipnya saya turut menyokong Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Apa yang saya bercadang membincangkan dalam perbahasan ini ialah mengenai beberapa peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini di mana saya berpendapat ada sebahagian peruntukan-peruntukan yang terlalu berat di mana saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri agar apabila Rang Undang-undang ini dilaksanakan ia akan dilaksanakan dengan cara adil dan saksama.

Adalah jelas kepada saya bahawa Rang Undang-undang ini adalah berkait rapat dengan pembaikan pentadbiran yang patut dibuat lama dahulu apabila ditubuhkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara sebagai menggantikan Jabatan Perlindungan Mergastua. Perubahan pentadbiran ini perlu dilakukan ekoran pertambahan dan peningkatan kepentingan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Ini terbukti apabila disentuh perlantikan beberapa Pengarah, Timbalan Pengarah dan Penolong-penolong Pengarah, di samping Ketua Pengarah dan Timbalannya bagi Perlidungan Hidupan Liar dan Taman Negara sepertimana yang dicadangkan oleh Fasal 4 Rang Undang-undang ini.

Jika dilihat Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya beberapa peruntukan adalah dialu-alukan, tetapi terdapat beberapa peruntukan yang saya berpendapat adalah keberatan kemungkinan konflik dengan hak-hak lain dalam undang-undang yang sedia wujud, kemungkinan kesan negatif kepada pembangunan saintifik dan penyelidikan dan merupakan satu pencerobohan akan prerogative terhadap pihak kehakiman.

Cadangan memotong perkataan "pegawai berkuasa" dalam muka surat 2 Rang Undang-undang, Fasal 2(b), nampaknya merupakan satu langkah untuk menghadkan penguatkuasaan

Akta hanya kepada kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara yang pada masa ini diketahui menghadapi kekurangan tenaga di bidang pengurusan dan kawalan perlindungan hidupan liar terhadap pemburu-pemburu gelap ataupun "poachers", dengan izin. Adalah mendukacitakan bahawa Jabatan yang tersebut sehingga hari ini telah tidak dapat memperkuatkan penguatkuasaan menerusi kerjasama dengan kakitangan Jabatan Hutan.

Daripada pindaan ini adalah jelas bahawa Jabatan berkenaan berupaya mengendalikan penguatkuasaan tanpa bantuan daripada mana-mana pihak. Ini bermakna pada masa depan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara akan memerlukan lebih ramai renjer-renjer dan kakitangan-kakitangan sokongan yang menyebabkan kenaikan berikutnya dalam kos mengendalikan Akta Perlindungan Hidupan Liar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 Rang Undang-undang bertujuan untuk memperkenalkan satu seksyen baru 17A (3) yang menyebut bahawa seorang pegawai yang menjalankan tugasnya tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan atau kecederaan yang berlaku ka atas seseorang atau apa-apa harta sebab oleh tindakan yang diambil olehnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian tanggungjawab seseorang pegawai dalam tindakannya semasa menjalankan tugas adalah tidak diinginkan. Tidakkah boleh kita menjangkakan bahawa setiap pegawai yang bertugas dalam Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara adalah 100% sempurna dalam tindakannya. Dengan peruntukan pengecualian tanggungjawab ini apakah hak seseorang rakyat biasa, terutamanya orang-orang kampung untuk mendapatkan pampasan dan keadilan ke atas

tindakan pegawai yang terlalu melulu, barangkali boleh melakukannya di luar tugasnya dan melakukan salah laksana undang-undang. Ini ialah satu aspek yang saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memastikan bahawa seseorang pegawai dalam Jabatan yang berkenaan apabila beliau melaksanakan tugasnya tidak menyalahgunakan kuasanya.

Fasal 14 Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta ibu bagi menghapuskan pembunuhan keluang dan keluang kecil tanpa lesen atau permit. Pindaan ini adalah dialu-alukan oleh kerana penghasilan meragut adalah diancam dengan teruknya oleh pemburuan yang mana ia perlu perlindungan dengan segera.

Fasal 21 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta ibu dengan memasukkan satu subseksyen kecil baru (5) yang melarang seseorang dari mengganggu, memotong dan mengeluarkan apa-apa kayu atau tumbuhan di dalam sesuatu rizab hidupan liar. Pindaan ini boleh menimbulkan beberapa perancangan kepentingan dengan Akta Perhutanan dan operasi Jabatan Hutan yang mana terdapat pertindihan dalam penggunaan tanah. Dalam contoh-contoh lain barangkali juga terdapat salah faham, misalnya di Bukit Melawati yang dijadikan satu rizab hidupan liar tetapi sekarang menjadi tempat kediaman ramai pegawai Kerajaan. Adakah Fasal ini bermakna bahawa Pegawai Daerah atau mana-mana pegawai Kerajaan yang tinggal di atas bukit itu tidak dibenarkan membersihkan tamannya. Dalam contoh Padang Golf Diraja Selangor, adakah bermakna kelab tidak boleh menguruskan padangnya tanpa melanggar Akta ini. Itu ialah satu aspek yang lain yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan.

Fasal 23 Rang Undang-undang ini mencadangkan satu seksyen baru 51A diperkenalkan yang menghendaki mana-mana orang yang ingin membuat penyelidikan mengenai binatang liar hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara terlebih dahulu sebelum berbuat demikian. Akta Perlindungan Hidupan Liar tahun 1972 ialah bertujuan untuk melindungi hidupan liar dan tidak mengawal dan membuat peraturan penyelidikan dalam negara ini. Kemasukan Fasal 23 akan bermakna bahawa akan berkuranglah penyelidikan dijalankan ke atas khazanah hidupan liar negara kita. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara akan bertimbun dengan lebih banyak kerja-kerja ataupun "paper work", dengan izin, dan memerlukan lebih ramai kakitangan dan perbelanjaan jika ia dikehendaki memberi kebenaran, malah untuk memerhati hidupan liar dan membuat penyelidikan ke atas hidupan liar dalam perpustakaan. Perkataan "penyelidikan" tidak begitu jelas tafsirannya dan boleh dengan mudah disalahfahamkan dengan kajian alam semula jadi yang dilakukan oleh orang-orang muda Malaysia yang kian bertambah bilangannya dan juga pelancong-pelancong antarabangsa.

Seseorang yang menggunakan teropong, memerhati dan mengambil catatan mengenai burung-burung atau binatang-binatang, misalnya di Taman Negara boleh dituduh melanggar seksyen ini, lebih-lebih lagi jika ia menerbitkan hasil pemerhatiannya itu dalam beberapa jurnal saintifik dan separuh saintifik.

Penyelidikan ialah satu istilah yang umum. Banyak penyelidikan ke atas binatang-binatang liar dan burung hanya melibatkan pemerhatian ke atas binatang-binatang dan tidak akan mengancam atau mengganggu mereka. Dalam mana-mana kajian

fasal yang terdapat dalam Akta akan memberi perlindungan yang cukup kepada hidupan liar, kepada jabatan berkenaan yang mana pengendalian hidupan liar akan memerlukan kebenaran jabatan itu. Peruntukan kuasa-kuasa yang luas kepada seseorang yang menjadi kakitangan awam adalah tidak diperlukan dan akan menimbulkan salah-faham dan ketidakelesaian kepada para penyelidik di negara ini.

Pada masa ini adalah sukar untuk membuat penyelidikan ke atas hidupan liar bagi seseorang penyelidik yang bukan dari jabatan yang berkenaan. Mengapakah kita menjadikan lebih sukar dan menyekat penyelidikan untuk maksud pengetahuan? Seksyen baru 51A ini pada pendapat saya adalah tidak diperlukan.

Jika keterangan mengikut anggapan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 26 ialah satu hakisan kuasa budi bicara kehakiman dan pada pendapat saya mungkin bertentangan dengan keadilan common law. Ketua Pengarah pastilah bukan seorang pakar dalam setiap aspek hidupan liar dalam negara yang menjadi salah satu kawasan terkaya dalam dunia dari segi hidupan liar. Bagaimanakah beliau cukup berkemampuan untuk mengesahkan dalam mahkamah bahawa beliau dan timbalannya adalah pakar yang diterima atau diakui dalam hal-ehwal hidupan liar tanpa timbul sebarang keraguan? Perkara keterangan mestilah diserahkan, pada anggapan saya pada budi bicara kehakiman, jika keadilan dalam negara ini hendak dijunjung dan tidak menyerahkan untuk ditentukan oleh Ketua Pengarah atau pegawainya.

Fasal 30 Rang Undang-undang ini bertujuan memperkenalkan satu seksyen baru 64A yang menjadikan satu kesalahan jika seseorang menembak atau membunuh seekor badak kerbau, harimau belang atau harimau dahan

dan memperuntukkan selanjutnya penalti yang akan dikenakan bagi kesalahan itu. Adalah tidak jelas mengapa pindaan bertujuan mengenakan satu penalti yang begitu berat atau hukuman penjara bagi tiga jenis binatang liar dari 34 jenis binatang liar yang dilindungi dalam Jadual itu? Apa yang saya dapat memperlihatkan ialah tiga jenis binatang liar, tetapi dalam Jadual ini ada 34 jenis. Jadi itu adalah satu perkara yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Kenaikan drastik dalam denda dan hukuman penjara dalam pindaan ini memerlukan penelitian yang rapi. Pengenaan denda dan hukuman penjara adalah bertujuan untuk menyekat seseorang individu daripada melakukan kesalahan. Ini lebih merupakan satu pengajaran daripada pembalasan dendam oleh masyarakat pada keseluruhannya, menerusi operasi undang-undang.

Sebelum kenaikan denda dan hukuman penjara dibenarkan, Parlimen perlu mengetahui mengapakah hukuman denda dan penjara yang dikenakan pada masa kini tidaklah begitu berkesan dan memerlukan supaya denda dan hukuman penjara ditambah lagi.

Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sehingga hari ini berapa ramaikah pesalah-pesalah yang telah dijatuhi hukuman masih mengulangi lagi tindakan melanggar Akta ini dan di antara mereka berapa ramaikah pesalah-pesalah yang tidak melakukan kesalahan dengan sengaja.

Jika denda ialah bertujuan sebagai suatu pengajaran, kenaikan denda akan menyebabkan kesusahan yang tidak perlu kepada orang-orang kampung yang tidak faham dan sering berhubung dengan hidupan liar.

Bilangan hidupan liar yang dilindungi di bawah Akta ini sangat impressive dan tidak semua orang dalam negara ini berpengetahuan tentang hidupan liar dan boleh dengan mudah melakukan kesalahan. Hukuman denda dan penjara yang pada masa kini terlalu tinggi bagi kesalahan kali pertama. Kenapakah perlu memasukkan suatu seksyen baru 64A?

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 42 bertujuan memperkenalkan satu seksyen baru 76A yang menjadikan satu kesalahan jika seseorang dalam miliknya mempunyai 25 atau lebih jerat dan jika disabitkan akan dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun. Ini pada anggapan saya adalah terlalu berat berbanding dengan kesalahan jenayah yang lain seperti serangan dan rogol di bawah Kanun Keseksaan, lebih-lebih lagi menurut tafsiran jerat ia mungkin boleh jadi seseorang yang mempunyai 20 atau lebih tali atau string, dengan izin, dawai atau plastik dan boleh disabitkan bersalah di bawah satu kesalahan seperti yang ditafsirkan menurut Fasal 3 Rang Undang-undang ini.

Izinkan saya merujuk kepada implikasi kewangan. Dalam Huraian Rang Undang-undang ini ada menyatakan bahawa ia tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. Saya berpendapat ini adalah kurang tepat. Apa yang jelas ialah barangkali Kerajaan tidak boleh mengagak kos yang tersembunyi yang akan terlibat dalam melaksanakan banyak pindaan dalam Akta ini dan ia tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. Sebagaimana saya katakan awal-awal lagi, penghapusan penggunaan pegawai berkuasa akan menyebabkan lebih ramai anggota dan kakitangan diambil oleh Jabatan yang berkenaan untuk

bertugas bagi maksud penguatkuasaan dan ini akan menggunakan lebih banyak perbelanjaan.

Pada akhirnya, saya juga ingin mengulangi bahawa pada prinsipnya saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi memandangkan bahawa ada banyak peruntukan yang saya tidak begitu jelas, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawabnya. Sekian, terima kasih.

4.18 ptg.

**Tuan Mohamed bin Isa (Kuala Krai):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian ini yang telah membuat beberapa pindaan kepada Akta ibu berhubung dengan memberikan perlindungan kepada hidupan liar di seluruh negara kita.

Dalam pindaan-pindaan yang telah dibuat ini menunjukkan bahawasanya Kerajaan pada hari ini melalui Kementerian ini telah mengambil perhatian sungguh-sungguh di samping untuk menjaga keselamatan kepada perkara-perkara lain, bahkan juga untuk memberikan perlindungan dan keselamatan kepada semua jenis binatang hidupan liar yang ada di negara kita seperti harimau belang, gajah, rusa dan sebagainya.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita ini banyak binatang-binatang liar yang ada dan telah pun diberi perlindungan mengikut Akta-akta yang telah dibentangkan daripada hukuman-hukuman yang begitu rendah telah ditambah berkali-kali ganda, tetapi hendaklah juga kita memikirkan oleh kerana binatang-binatang liar yang kita memberi perlindungan ini ada terdiri daripada binatang-binatang yang ganas seperti harimau, gajah dan sebagainya, maka apakah satu jaminan yang akan diberi oleh Kementerian ini atau oleh

Kerajaan ini atau oleh Kerajaan kita untuk sama memberikan perlindungan juga kepada manusia daripada diancam oleh binatang-binatang liar yang merbahaya ini.

Di samping kita memberi perlindungan kepada binatang supaya binatang liar tadi tidak diusik atau dianiaya oleh manusia, pemburu dan sebagainya apakah satu jaminan yang akan diberi oleh Kementerian untuk memberi perlindungan manusia daripada keganasan binatang-binatang tadi. Begitulah juga apakah perlindungan yang akan diberi oleh Kerajaan melalui Kementerian ini kepada binatang-binatang ternakan yang dipelihara oleh petani-petani ataupun oleh penduduk-penduduk di negara kita ini seperti lembu, kambing, biri-biri, kerbau dan sebagainya dari dianiayai ataupun dimakan oleh harimau atau harimau belang dan sebagainya. Ini juga perlu, Tuan Yang di-Pertua, diberi perhatian oleh Kementerian, oleh Kerajaan melalui Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, binatang adalah merupakan satu makhluk Allah yang telah dijadikan di muka bumi ini yang memerlukan juga perlindungan sepertimana kita manusia. Maka dengan itulah saya awal-awal tadi menyokong Rang Undang-undang atau pindaan ini untuk memberi perlindungan kepada semua jenis binatang. Misalnya, kita manusia mempunyai tempat tinggal dan kita berkehendakkan tempat tinggal yang sempurna, maka binatang juga memerlukan tempat tinggal yang sempurna makan minum, beranak-pinak, perasaan kasih sayang, berkeluarga, berhijrah; maka ini adalah sifat-sifat binatang-binatang yang ada di negara kita. Maka dalam soal ini tempat-tempat perlindungan bagi binatang-binatang ini perlulah diberi perhatian supaya binatang-binatang tadi dapat tempat perlindungan yang secukupnya.

Saya sukalah memberi pandangan sekiranya Kementerian ini dapat mengkaji dan memikirkan dan saya menyokong pendapat sahabat saya dari Tasek Chenderoh yang telah mencadangkan satu kawasan yang khusus bagi kita membiakkan ataupun menempatkan binatang-binatang di negara kita ini atau di Taman-taman Negara di tiap-tiap negeri supaya kawasan itu dapat dikawal; dikawal dari segi kepupusan binatang itu dan juga mengawal binatang itu daripada merosakkan harta benda masyarakat kita ataupun rakyat di negara ini. Kerana percanggahan, Tuan Yang di-Pertua, antara pendapat kita dengan pendapat-pendapat orang ramai oleh sebab Kerajaan menggunakan Akta ini untuk memberi perlindungan kepada binatang ataupun binatang-binatang liar, tetapi ada masyarakat kita, terutama di luar-luar bandar yang mengatakan bahawasanya kita memberi perlindungan bagi binatang ini tidak mengelaskan ataupun mengira dalam semua jenis sama ada binatang itu binatang ganas, liar ataupun binatang yang sentiasa melakukan pengkhianatan kepada tumbuh-tumbuhan, tanaman, rakyat atau masyarakat kita.

Perkara ini saya sentuh kerana saya sendiri pernah ditanya oleh rakyat di kawasan saya, dia kata sayangkan kepada binatang gajah inikah ataupun sayang kepada rakyat ataupun harta-benda rakyat.

Saya sebut ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sekali lagi saya akan menyebut di dalam Dewan ini. Kerana suatu masa di dalam sesi yang sama ini saya telah pun menyebut tentang masalah keganasan gajah di kawasan saya yang mana rakyat di kawasan saya disebabkan oleh keganasan gajah-gajah liar yang ada seramai 20 ekor yang telah merosakkan getah-getah, tumbuh-tumbuhan, kelapa, pisang, kolam ikan dan sebagainya di kawasan itu iaitu di Kampung Pasir Kelang di

Kuala Krai yang telah bertahun-tahun telah merosakkan dan hari ini rakyat di kawasan itu telah menanggung kerugian sebanyak lebih daripada \$300,000. Dan pada minggu lepas saya telah membuat penyiasatan dengan pihak RISDA, kerana keganasan gajah itu RISDA telah menanggung kerugian sebanyak \$45,000 kerana pokok-pokok getah yang hampir boleh ditoreh telah dimusnahkan oleh gajah-gajah itu. Begitu juga pihak FELCRA telah pun membatalkan untuk membuka rancangan di kawasan itu walaupun mereka di peringkat awal menjalankan kajian dan menanggung kerugian, dan begitu juga daripada Jabatan Perikanan dan sebagainya telah menanggung kerugian yang berat. Jadi soal ini saya telah pun mencadangkan di dalam Dewan ini suatu ketika dahulu supaya gajah-gajah ini dipindahkan ke suatu kawasan lain.

Saya telah pun menulis surat kepada pihak yang berkenaan dan jawapan yang diberi, Tuan Yang di-Pertua, mereka memerlukan peruntukan sebanyak \$450,000 bagi maksud memindahkan gajah dari kawasan itu yang berjumlah 20 ekor. Jadi dengan hasil ataupun perbelanjaan \$450,000 untuk memindahkan gajah itu yang rakyat hari ini menanggung kerugian hampir \$400,000 maka selagi gajah itu tidak dipindahkan maka penduduk-penduduk di kawasan itu bukan sahaja rakyat jelata bahkan agensi-agensi Kerajaan juga turut menanggung kerugian kerana bantuan tanaman semula yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada petani-petani di situ akan dimusnahkan oleh gajah-gajah. Begitulah seterusnya sampai pada bila-bila masa.

Jadi, saya inginlah mengambil perhatian atas perkara ini . . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun. Sila.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kuorum tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kuorum tidak cukup. Sila bilang. 18 Ahli. Sila bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Lebih daripada cukup, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai boleh sambung.

**Tuan Mohamed bin Haji Isa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagaimana yang saya katakan tadi kerugian yang ditanggung oleh penduduk-penduduk Kampung Pasir Kelang begitu ketara sekali dan begitu juga dengan kemusnahan binatang-binatang ternakan yang kita sering dengar di seluruh negara kita dan juga kematian orang-orang disebabkan atau diserang oleh gajah, harimau dan sebagainya. Maka saya sukalah memberi pandangan sekiranya dapat Kementerian ini membuat kajian supaya dapat memberi gantirugi, mengadakan satu cara untuk memberi ganti rugi kepada kerosakan tanam-tanaman, ternakan-ternakan yang dipelihara oleh orang ramai, terutama petani-petani ataupun kerosakan harta benda yang lain yang dimusnahkan atau yang dirosakkan oleh binatang-binatang yang diberi perlindungan itu.

Begitulah juga dalam soal untuk memusnahkan binatang-binatang itu, setelah pihak Kementerian mendapat laporan lebih daripada lima kali misalnya supaya dapat kebenaran binatang-binatang itu sama ada ditembak atau dipindah atau mencari

satu jalan yang sesuai. Tuan yang di-Pertua, walaupun kita dapati beribu jenis binatang liar di negara kita, tetapi masih lagi ada jenis-jenis binatang liar itu yang tidak ada, maka saya suka mencadangkan kepada Kementerian ini supaya jenis-jenis binatang liar daripada luar negeri yang sesuai, yang sama iklim, keadaan cuaca dan sebagainya itu dibawa masuk ke negara ini dan dipelihara, di ternak dan sebagai satu binatang diberi juga perlindungan kehidupan liar ini di dalam satu kawasan Taman Negara yang sesuai untuk binatang-binatang tadi.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, pembiakan semula bagi binatang-binatang ini untuk mengelakkan daripada kepupusan juga perlu Kementerian ini memberi perhatian, sebagaimana juga Kementerian ataupun Jabatan Hutan yang telah membuat pembiakan kepada tanaman ataupun hutan dan sebagainya supaya binatang-binatang tadi tidak pupus dan akan menjadi ingatan dan kenangan kepada anak-cucu kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali binatang-binatang ini kita dapati dimusnahkan, terutama di waktu menghadapi banjir. Banyak saya dapati binatang-binatang atau jenis burung, apabila sesebuah negeri itu seperti di Pantai Timur sewaktu di landa banjir, pemburu-pemburu mengambil kesempatan di waktu ini, kerana burung-burung tadi kesejukan, mereka itu tidaklah seliar sebagaimana biasa, jinak dan sebagainya dan senang ditembak. Maka juga di waktu banjir ini supaya dapat diberi perhatian supaya jenis burung-burung itu diberi perlindungan yang sama oleh Jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, itulah sedikit-sebanyak yang boleh saya sentuh di dalam perbahasan ini.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

4.33 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya. Kadang-kadang kalau kita bercakap ini ada yang mengatakan bahawa yang bekas Timbalan Menteri tidak perlu cakap, takut nanti apa yang dia minta itu mungkin apa yang telah dia jawatkan semasa dia memegang jawatan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** . . . . . tetapi ingin kita mengemukakan pandangan untuk memperbaiki keadaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit dua tiga perkara sahaja. Pertamanya, kehidupan binatang liar ataupun kehidupan liar adalah suatu aspek yang penting bagi kita menghadapi pembangunan yang begitu pesat dan kita perlu perseimbangkan di dalam pembangunan. Di samping kita ingin bergerak ke arah mencapai pembangunan dari segi fizikal, kita juga harus mengekalkan satu keadaan alam sekeliling yang equilibrium, yang stabil dan oleh itu hendaklah kita menjaga akan hidupan liar di sekeliling. Pokok-pokok, hutan-hutan atau kayu-kayan dan sebagainya untuk kehidupan liar ini hidup terus supaya dapat kehidupan kita diseimbangkan.

Perkara yang saya sentuh ini mengenai pembangunan bandar. Kalau kita lihat di Kuala Lumpur, di Bukit Tunku, kita dapati bahawa begitu banyak kera ataupun kera-kera ataupun binatang liar yang tinggal di sana tetapi tidak berani

hendak pergi tempat lain lantaran daripada di sekeliling kawasan itu adalah tempat pembangunan, jalan-jalan besar, Jalan Kuching, Jalan Pekeliling, bandar Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi tinggallah kera-kera ini di kawasan itu tanpa diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

Cadangan saya ialah tempat-tempat di mana terdapat binatang-binatang liar seumpama ini hendaklah kita identifikasikan supaya dapat binatang-binatang liar itu kita ambil, kumpul dan kita pindahkan di kawasan-kawasan lain kerana mereka ini mungkin walaupun mereka hidup dan nampaknya bebas, tetapi mungkin juga mereka menderita sebab terpaksa pergi rumah-rumah orang tempat tinggal orang-orang besar kaya-raya di sana untuk mendapat makanan. Jadi, perlu dipindahkan ke kawasan lain supaya mereka ini akan dapat dijamin kehidupan mereka. Kerana bukan hanya manusia yang ingin hidup tetapi binatang juga perlu kita jamin kehidupan masa depan mereka.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Arau minta penjelasan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat, bagaimana Yang Berhormat tahu yang kera-kera itu tidak suka tinggal di situ (*Ketawa*), sebab kera-kera di hutan sekarang ini hidupnya susah mencari makan tetapi lebih suka tinggal di kawasan-kawasan berdekatan dengan bandar. Adakah Yang Berhormat pakar kera. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Mungkin juga saya pakar kera. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pasti kerana selalu kera ini ia lebih suka tinggal di kawasan tidak ada orang.

Kalau ada orang pun, dia tunggu orang itu lari, dia curi-curi makan ataupun apa yang ditanam oleh orang itu. Jadi, sudah tentulah saya rasa tempat yang sesuai bagi kera ialah kawasan di mana lebih kurang orang, tidak ada orang, kalau dapat. Begitu juga binatang-binatang lain, tempatkan mereka di kawasan lain.

Yang kedua, burung. Kita ada banyak berjenis-jenis burung. Di Semenanjung Malaysia ini mungkin mereka sudah tengok gambar burung Kenyalang dari Sarawak, di Pulau Borneo. Tetapi mungkin burung Kenyalang mereka tidak pernah melihat, kecuali mungkin ada di Zoo itu sahaja. Namun demikian, banyak lagi jenis burung yang perlu kita kumpul dan tempatkan.

Saya sudah difahamkan bahawa di Taman Burung Templer, sudah disediakan tanah oleh pihak Kerajaan. Kawasan itu memuaskan dari segi luasnya dan sesuai sangat untuk menempatkan burung-burung dan tempat ini lebih sesuai dipanggil Templer Park Birds Centre.

Yang menjadi masalah sekarang ialah walaupun tempat sudah ada, burung pun boleh diperolehi, didapati, tetapi peruntukan untuk membangunkan kawasan burung Templer Park Birds Centre ini belum ada. Jadi, saya yang meminta burung, walaupun di rumah tidak ada burung, ayam sahaja ada, tetapi memohon supaya Kerajaan memberi peruntukan untuk membangunkan kawasan burung, Pusat Taman Templer ini supaya ia boleh menjadi kawasan burung yang setanding dengan apa yang ada di Singapura, di tempat-tempat lain walaupun kita tidaklah sepatutnya membangun negara kita ini hanya semata-mata meniru orang lain. Tetapi kalau yang baik itu, kita boleh tiru. Peruntukan perlu daripada pihak Kerajaan untuk membangun kawasan menyimpan burung supaya ia boleh dijadikan pusat simpanan burung yang

besar untuk seluruh rakyat di negara Malaysia ini untuk pergi melawat mengenai apa jenis burung dan supaya dari negara lain pun kita sudah ada menambah satu tempat yang boleh dilawati oleh pelancong-pelancong yang melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain lagi yang perlu saya sentuh ialah mengenai keseluruhannya. Kita ini mungkin Zoo Negara sudah ada tetapi saya rasa di tempat-tempat lain, di negeri-negeri lain juga perlu kita bangunkan tempat-tempat menarik bagi menyimpan binatang-binatang ini, kayu-kayan dan sebagainya supaya kita boleh didedahkan dengan kekayaan ini dan boleh kita menarik perhatian pelancong-pelancong di negara kita sendiri untuk menikmati pergi melancong, untuk menanam minat di dalam sanubari mereka itu pergi melancong di kawasan-kawasan di negara kita sendiri kerana didapati macam sekarang misal kata kebanyakan Menteri-menteri—saya tidaklah hendak mengata saya dahulu tidak buat, tetapi kebanyakan Menteri-menteri dan dahulu saya sendiri pun pernah terdorong untuk pergi ke luar negeri untuk bercuti, mungkin melihat burung atau kayu-kayan, sedangkan di tempat kita masih banyak yang boleh dilihat. Jadi mungkin kalau banyak tempat-tempat ini diwujudkan dan juga banyak tempat pelancongan dengan latar belakang semulajadi di negara kita dapat dibangunkan lebih banyak lagi, saya rasa mungkin Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ahli-ahli Parlimen termasuk kita ini pun mungkin tidak terdorong untuk pergi ke luar negeri untuk bercuti. Jadi berminat untuk pergi ke negara kita sendiri, tempat-tempat kita sendiri yang lebih menarik.

Saya rasa itu sahajalah daripada saya, saya hendak memberi peluang kepada Yang Berhormat dari Arau

bercakap kerana dia berminat, dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan atas ini dan atas pemberian kuasa yang lebih juga kepada Menteri ini, mungkin untuk menjadikan Kementerian ini menjaga dengan lebih berkesan, cepat dan bermakna lagi akan hidupan liar di negara kita ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.42 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahar Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987 seperti yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pindaan-pindaan yang dibuat terhadap Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar, namun begitu saya masih berpendapat bahawa peruntukan undang-undang dan penguatkuasaannya tidak semestinya dapat menjamin perlindungan yang sebenar terhadap hidupan liar negara ini. Yang penting ialah satu perancangan yang menyeluruh dan bersepadu bagi memberi perlindungan yang lebih berkesan. Tidak ada gunanya jika beberapa pesalah dibawa ke mahkamah atas tuduhan memusnah hidupan liar kerana perkara ini akan berterusan memandangkan negara ini mempunyai hutan yang besar dan sukar untuk diawasi.

Contohnya, kawasan hutan di Pahang sahaja menjadi satu masalah untuk dikawal. Ini tidak termasuk kawasan-kawasan ladang kelapa sawit di mana terdapat landak, musang dan berbagai jenis burung yang dilindungi oleh undang-undang. Jika dibanding pula dengan negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak, kita dapati

bahawa pengawalan terhadap pemusnahan hidupan liar tidak akan memberi makna yang sewajarnya oleh kerana kawasan hutan adalah terlalu besar. Jadi, yang lebih penting dalam usaha untuk memperlindungi hidupan liar ialah program yang lebih imaginative dan bersepadu.

Di sini, saya mengesa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Jabatan PERHILITAN supaya mewujudkan beberapa Taman Negara atau kawasan perlindungan hidupan liar ataupun yang dikenali sebagai Wild Life Sanctuary. Masih banyak kawasan hutan yang sesuai untuk dijadikan kawasan perlindungan. Ini termasuk Rimba Endau/Rompin dan beberapa tempat di Sabah dan Sarawak.

Kita mesti mengambil contoh-contoh yang baik daripada beberapa negara jiran seperti India, Sri Lanka, Nepal, Bangladesh, Thailand dan lain-lain yang telah mengambil langkah-langkah positif bagi melindungi hidupan liar mereka seperti mengadakan kawasan-kawasan perlindungan yang lengkap dan teratur dari segi pengurusan. Daripada usaha-usaha mereka, negara-negara tersebut bukan sahaja dapat memelihara dan mengelakkan kepupusan beberapa species hidupan liar seperti gajah, harimau, singa, beruang, badak sumbu, tapir, seladang, rusa, kijang, buaya, burung enggang dan lain-lain yang dahulunya diancam kepupusan.

Begitu juga di beberapa negara Afrika di mana projek perlindungan dijalankan dengan cara yang cukup baik, kawasan perlindungan Serin Ganty di Kenya umpamanya, bukan sahaja telah menambah berbagai jenis hidupan liar malahan telah menjadi satu kemegahan kepada negara tersebut yang telah dapat menarik pelancong. Kita juga boleh berbuat demikian kalau pihak PERHILITAN mempunyai keazaman.

Tuan yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan komen Ahli dari Tasik Chenderoh dan Ahli dari Kuala Kerai berkenaan beberapa jenis hidupan liar yang diberi perlindungan tanpa mengira bahawa mereka juga menjadi musuh kepada ternakan dan tanaman manusia terutama di kawasan-kawasan perkampungan berdekatan dengan hutan. Saya rasa agak hairan mengapa pemusnahan babi hutan, monyet, musang, ular sawa oleh manusia memerlukan kebenaran ataupun lesen daripada Jabatan PERHILITAN. Seharusnya undang-undang dan peraturan dikaji semula terutama berkenaan kategori hidupan liar yang mengancam tanaman atau ternakan manusia. Saya setuju supaya rusa, seladang, harimau dan sebagainya diberi perlindungan, tetapi yang menjadi musuh ternakan dan tanaman haruslah dikawal pembiakan mereka.

Sehubungan dengan ini juga, saya ingin sekali lagi menarik perhatian PERHILITAN untuk bertindak dengan lebih cergas terhadap kerosakan atau pemusnahan tanaman dan juga ancaman ke atas keselamatan manusia daripada hidupan liar. Walaupun kita tidak ingin melihat hidupan liar seperti gajah dan harimau ini dimusnahkan, kita juga ingin melihat pihak PERHILITAN bertindak lebih cepat bagi menyelamatkan tanaman serta nyawa manusia dan ternakan di samping melindungi hidupan liar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa tugas pihak PERHILITAN adalah penting terutama untuk merancang dengan baik perlindungan hidupan liar yang seimbang dengan ecology. Mungkin pihak PERHILITAN sentiasa membuat kajian yang meluas dan mendalam berkenaannya. Namun begitu, saya kurang pasti sama ada kajian dan bancian terperinci sudah dibuat terutama berkenaan hidupan

liar seperti gajah, harimau, beruang, badak, tapir, seladang, rusa, kijang dan lain-lain yang akan diberi perlindungan.

Saya percaya PERHILITAN perlu data-data yang tepat berkenaan bilangan dan environment mereka sekarang untuk membuat perancangan yang baik dan mewujudkan satu ecology yang seimbang. Umpamanya, kita ingin tahu berapa ekor harimau yang ada di dalam hutan kita sekarang dan berapa banyakkah yang dianggap bilangan yang sesuai dan seimbang dengan ecology di negara ini. Kita juga harus mengambil perhatian terhadap faktor-faktor lain seperti keperluan-keperluan masyarakat Orang Asli yang masih ramai hidup di dalam hutan. Mungkin dengan undang-undang yang ketat, mereka ini akan menjadi mangsa oleh kerana larangan-larangan terhadap burung dan sebagainya. Di samping itu kita tidak mahu lihat terlalu banyak bilangan gajah, harimau atau buaya akibat undang-undang perlindungan yang ketat sehingga mengancam tanaman dan keselamatan manusia.

Kita harus juga mempelajari dari pengalaman negara-negara lain dalam hal ini. Umpamanya, akibat pelaksanaan undang-undang yang terlalu ketat melindungi buaya di utara Australia telah mewujudkan satu keadaan di mana terlalu banyak bilangan buaya di sungai-sungai dan kawasan pantai kawasan tersebut. Sekarang ini penduduk-penduduk di Darwin, Australia tidak lagi berani berenang atau mandi di sungai atau di laut oleh kerana takutkan buaya yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh pindaan seksyen 7 di dalam akta ini. Walaupun saya bersetuju bahawa pegawai PERHILITAN diberi kuasa untuk memeriksa orang-orang yang disyaki membuat apa-apa kesalahan di bawah

Akta Perlindungan Hidupan Liar, saya tidak bersetuju dengan seseorang pegawai itu terlalu banyak kuasa hinggakan - tidak perlu waran memasuki dan mengeledah rumah kediaman. Tindakan seperti ini boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah bukan sahaja kepada orang ramai tetapi juga kepada Pegawai PERHILITAN yang menjalankan tugas. Beliau boleh diserang oleh tuan rumah yang diteledah, beliau juga boleh dituduh berniat jahat memasuki tempat kediaman tanpa waran. Yang lebih merunsingkan ialah sesiapa sahaja boleh mendakwa dirinya sebagai pegawai PERHILITAN bagi mencerooboh rumah orang lain oleh kerana tidak ada peruntukan memerlukan waran sebelum mengeledah rumah. Ini bermakna, kalaulah akta ini dan seksyen ini diterima, maka kita akan mewujudkan satu keadaan di mana sesiapa sahaja boleh mengakui bahawa beliau adalah pegawai PERHILITAN dan akan masuk ke sesebuah rumah tanpa sekatan.

Saya harappihak PERHILITAN dan Kementerian berkenaan untuk mengkaji semula berkenaan dengan seksyen 7 ini supaya tidak akan menjadi masalah kepada kita semua di masa hadapan. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau.

4.51 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membahaskan Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini saya ingin menyentuh satu perkara iaitu saya ingin memetik kata-kata seorang

penyanyi yang terkenal allahyarham R. Azmi. Beliau dalam satu nyanyiannya itu dalam tahun 50an dan 60an, dia berkata, "dunia sekarang sudah terbalik, pemudi berbaju belang pemuda berbaju batik". Itu tentang manusia. Binatang juga pada masa yang sama R. Azmi menyanyi, kita dengar banyak cerita harimau makan orang, buaya makan orang. Ada seekor buaya di Sarawak namanya "Bujang Senang" bermaharajalela di sungai Sarawak memakan orang dan sebagainya. Tetapi sekarang dunia sudah terbalik, orang makan harimau, orang bukan sahaja memburu harimau kerana kulitnya, tetapi sekarang ada cerita-cerita, harimau itu ada bahagian-bahagiannya yang bagus untuk dimakan demi kekuatan rohani dan jasmani dan orang juga makan buaya kerana ada bahagian-bahagian buaya yang katanya banyak khasiat. Jadi bujang manusia pula makan bujang senang. Inilah kisah yang berlaku sekarang sehinggakan kita terpaksa mengadakan Akta ini.

Di samping itu kepandaian manusia itu menyebabkan kawasan-kawasan tempat tinggal binatang-binatang ini telah dimusnahkan dan menyebabkan binatang-binatang liar ini sekarang ini menghadapi masalah. Dengan itu kalau sekiranya kita buat teguran kepada pihak PERHILITAN mengapa gajah menyerang kampung yang berkenaan, mereka tidak dapat memberi apa-apa jawapan, melainkan mereka akan berkata bahawa tempat tinggalnya telah kamu duduki. Jadi di mana binatang-binatang ini harus pergi? Inilah masalah yang dihadapi dan apabila kita meminta supaya sesuatu dibuat, perpindahan, pembiakan dan sebagainya, masalah utama Kementerian ini ialah masalah peruntukan. Yang Berhormat Timbalan Menteri harus melihat keadaan petang ini Akta yang pertama sampai ke berapa tadi, tidak ada orang yang membahaskannya kerana orang sokong secara 100%, tetapi yang ini

banyak orang membahar dan menyokong, maknanya banyak orang memberi perhatian tentang masalah hidupan liar ini, berminat.

Kita kena ingat bahawa kita ada hidupan yang jinak, kita ada hidupan liar. Manusia pun ada manusia jinak, ada manusia liar. Jadi semuanya harus dikawal. Yang jinak boleh kita biakkan tetapi yang liar kita menghadapi masalah. Walau bagaimanapun perkara-perkara yang berlaku di akhir-akhir ini harus diambil perhatian, tetapi janganlah ianya dijadikan satu keadaan yang menyebabkan pupusnya jenis binatang tersebut. Contohnya, macam Seladang, apabila ia menyerang lembu-lembu akhirnya jadi Selembu. Saya tidak mahulah dibiakkan Selembu seterusnya, tetapi kita pastikan bahawa binatang Seladang itu hidup terus.

Saya menyokong kawan-kawan saya tadi iaitu supaya difikirkan dengan cara serius supaya satu tempat khas untuk pembiakan kerana selama ini kita lihat pembiakan binatang-binatang ini dibuat di luar negeri di tempat-tempat yang tidak sesuai dengan keadaan cuaca dan sebagainya. Contohnya, Orang Utan dibiakkan di England, di USA tempat yang suasananya tidak sesuai sekali. Mengapa Orang Utan tidak dijalankan usaha-usaha pembiakannya di sini?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terlupa, saya memberi sokongan yang utama kepada perkara-perkara berikut mengenai pindaan ini:

- (i) Pertambahan pegawai-pegawai. Ini penting, sebab saya mengalami sendiri tentang masalah Pegawai-pegawai PERHILITAN ini termasuk Ranger-rangernya;
- (ii) Penguatkuasa. Saya menyokong, tetapi saya akan sentuh sedikit di sini; dan

- (iii) Fasal penalti yang telah ditambah di bawah seksyen 44 sampai 66 itu semuanya ada penalti yang ditambah.

Saya menyokong perkara ini.

Yang pertamanya fasal pegawai-pegawai. Pegawai-pegawai kita lihat, walaupun mereka ini mendapat elaun khas oleh kerana mereka ditempatkan di kawasan Taman Negara dan sebagainya, tetapi saya rasa satu perkara yang kita harus beri perhatian, bahawa mereka ini tidak mendapat apa-apa elaun sekiranya mereka terpaksa bermalam dua, tiga hari dalam hutan dan sebagainya. Baru-baru ini ada kumpulan "Operation Rally" yang telah menggunakan khidmat Ranger pergi mendaki Gunung Tahan selama tujuh hari tujuh malam tetapi Ranger yang berkenaan telah memaklumkan kepada saya bahawa dia tidak mendapat apa-apa elaun, cuma dia mendapat elaun khas sebagai Ranger kerana tinggal di Taman Negara. Tetapi sekiranya dia bertugas di kawasan hutan, dia terpaksa membawa makanan yang berlebihan daripada yang pernah dimakannya di rumah, oleh kerana dia terpaksa berada di dalam hutan dan dia terpaksa bertugas siang dan malam, bertugas dalam ertikata bahawa dia perlu juga mengawal diri sebab binatang liar ini tidak kenal Ranger, tidak kenal Menteri, tidak kenal Yang di-Pertua, dia tidak peduli. Demikian juga Ranger, dia harus mengawal diri. Maknanya, inilah tugas-tugas bahaya yang dia hadapi yang mana kita harus fikirkan bagaimana orang-orang lain pergi bermalam di luar kawasan. Contohnya, macam saya datang dari Perlis bermalam di Kuala Lumpur, saya mendapat elaun lodging. Apakah perkara-perkara yang sama tidak dapat difikirkan walaupun mereka ini dikatakan sekiranya mereka ini bertugas dalam Taman Negara, walaupun 30 batu, mereka tidak mendapat apa-apa elaun.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mencadangkan supaya pergi mendaki Gunung Tahan sekali dalam kawasan Taman Negara selepas itu barulah Yang Berhormat balik memikirkan betapa pentingnya elaun khas ataupun seperti elaun lodging kepada pegawai-pegawai yang bertugas di luar kawasan pejabat di Taman Negara. Demikian juga pegawai-pegawai lain yang bertugas di dalam kawasan Taman Negara harus diberi perhatian walaupun kita anggap kawasan itu selamat bagi mereka yang telah biasa, tetapi saya maklumkan sekali lagi bahawa tentang hidupan liar, oleh kerana sifatnya liar, kita tidak tahu tentang masalah-masalah yang berbangkit selepasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tanpa apa-apa komen tentang penalti yang ditambah. Ini sesuai sekali. Tambah lebih daripada itu pun saya akan sokong, cuma mengenai bahagian penguatkuasaan. Saya menyokong bahawa penguatkuasaan ini diberi kepada peringkat pegawai bawah. Ini komen saya secara umum. Di antara orang yang sama-sama memupuskan hidupan liar ini ialah pegawai-pegawai Mergastua, bukan sahaja pemburu-pemburu part time, dengan izin, ataupun pemburu-pemburu sepenuh masa, tetapi mereka juga saya rasa terlibat sama — tak payah sebutlah, sebut secara umum bahawa ada rakan-rakan kita yang kadang-kadang hendak pergi memburu dalam bentuk understanding. Ah! tak apalah, Pegawai Mergastua ada sama, jadi kita pun menembak binatang-binatang yang sebenarnya mendapat perlindungan.

Saya beri contoh. Dulu kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi Langkawi, saya ingat kalau kita duduk dalam kampung sedikit, kita akan dengar bunyi pelanduk. Pelanduk cukup banyak tetapi sekarang cuba kita ambil dari segi perincian, berapa

banyak tindakan yang telah kita ambil kepada orang-orang yang menangkap pelanduk dengan pelanduk yang pupus di Langkawi. 10 tahun sahaja perbezaannya dan pelanduk ini sekarang dibawa bebas — masa itulah, sekarang sudah tak ada, susah sedikit; dibawa bebas. Masa itu saya jahil dari segi undang-undang, saya pun tompang makan pelanduk yang berkenaan. Dibawa bebas daripada Pulau Langkawi ke tempat-tempat lain.

Ada orang Kuala Lumpur yang pergi cuti di Langkawi meminjam senapang RELA juga pergi berburu dan sebagainya dan sekarang kita dapati pelanduk di Langkawi sudah hampir Pupus, sudah tak banyak lagi. Jadi sampai masanya pegawai-pegawai ini diberi fahaman terus bahawa tidak lagi ada understanding walaupun pegawai tinggi Kerajaan ataupun ahli-ahli politik yang ingin pergi memburu binatang-binatang yang di bawah perlindungan, jangan bagi orang kata special treatment, dengan izin, kepada mereka kerana binatang-binatang ini adalah binatang-binatang keculi binatang ini lebih daripada hadnya yang kita fikirkan, maka kita keluarkan daripada senarai binatang-binatang yang diberi perlindungan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh tadi iaitu kita akan meminta supaya Kementerian Penerangan dan juga Jabatan Penerangan itu menyediakan risalah-risalah yang berbentuk binatang-binatang, kita senaraikan binatang-binatang yang dilindungi dan juga denda-denda yang akan dikenakan sekiranya mereka membunuh binatang-binatang yang berkenaan. Ini adalah penting, sebab setengah orang ramai kadang-kadang tidak dapat mengagak, kerana ada setengah binatang yang boleh kita buru dalam musim-musim tertentu seperti murai batu yang dikeluarkan lesen dalam bulan Julai dan lain-lain

lagi. Jadi, kita harus maklumkan, kita kena anggap bahawa wakil dari Sarawak telah menyebutkan bahawa banyak orang berminat burung dan sebagainya; janganlah orang tertentu sahaja minat, biar orang ramai semua berminat. Dengan itu, risalah-risalah ini akan dapat menjadi penerangan yang lebih kepada mereka.

Kemudian saya ingin bertanya—ini saya jahil betul, Tuan Yang di-Pertua, tentang kedudukan Orang Asli. Perkataan Orang Asli tidak disebut di dalam Akta ini, saya cuba baca sekali imbas tadi, saya tidak nampak perkataan Orang Asli, tetapi saya percaya Orang Asli telah mendapat sesuatu keistimewaan di mana mereka boleh berburu binatang-binatang di dalam hutan. Saya ingin bertanya, adakah Orang Asli tidak termasuk di dalam Akta ini. Kalau Orang Asli tak termasuk di bawah Akta ini, saya rasa binatang-binatang ini tak kira Orang Asli, tak kira siapa, dia akan hilang, kalau Orang Asli juga dibenarkan memburu. Jadi, adakah Akta ini termasuk juga Orang Asli ataupun hak istimewa Orang-orang Asli itu mengatasi Akta yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Yang Berhormat. Jadi, sekali lagi. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila gulungkan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini saya menggulunglah. Sekali lagi saya menyokong dan saya juga menyokong kawan saya dari Padang Terap supaya seksyen 7 difikirkan — Kota Setar — maaf, sebab, Tuan Yang di-Pertua sebut Padang Terap, tersilap, saya pun tersilap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya sudah betulkan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, wakil dari Kota Setar supaya seksyen 7 ini difikirkan balik, bagaimana

penguatkuasaan yang sebenarnya sebab kita takut seperti kawan saya katakan tadi, takut mana-mana orang pun boleh datang gelidah rumah, penyamun pun boleh tunjuk yang dia Pegawai Mergastua, dia boleh gelidah rumah dan dia ambil semua. Jadi, seksyen ini harus difikir dan kita akan lihat satu persatu di bawah Jawatankuasa nanti supaya Akta ini kalau boleh difikirkan sekarang bagaimana pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Akhir, Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.06 ptg.

**Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan mengenai Suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita dapat melihat bahawa tujuan pindaan ini ataupun Akta yang sudah ada adalah untuk menjamin hidupan liar dan Taman Negara itu sendiri yang lebih diperkukuhkan melalui pindaan ini untuk melihat, untuk mentakrifkan perkara-perkara yang kurang jelas menjelaskan beberapa kekeliruan dan juga menentukan kemudahan dari segi proses pendakwaan dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang apa yang tersirat di sebalik lebih daripada pindaan itu ialah untuk menjamin bahawa khazanah negara kita dari segi hidupan liar, tumbuh-tumbuhan liar dan perkara-perkara yang boleh menarik generasi-generasi akan datang itu dapat kita jamin dari segi penerusan hayatan hidupan liar dan tumbuhan liar itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang tindakan ataupun penguatkuasaan. Barangkali beberapa kawan saya telah menyebut bahawa di

dalam penguatkuasaan ini, ada sedikit sebanyak pilih kasih ataupun perbezaan ataupun pembezaan di antara golongan-golongan ataupun kelompok-kelompok tertentu. Misalnya, ada golongan yang barangkali pada ketika-ketika tertentu, majlis-majlis tertentu dengan kuasa mereka, mereka mungkin seorang besar, Menteri, Timbalan Menteri ataupun bangsawan, kerabat-kerabat di Raja boleh membuat rombongan memasuki hutan dan berkelah, camping dan dapat menembak untuk makan daging rusa, seladang, pelanduk, landak dan sebagainya. Perkara ini melahirkan satu rasa keciwa di kalangan rakyat awam yang kadang-kadang mereka terserempak dengan rusa dan mereka cuba dengan kepandaian mereka menangkap rusa dan mereka akhirnya akan ditangkap ataupun didenda. Perkara ini saya rasa patut dari segi penguatkuasaan ini ditegaskan tanpa mengira kedudukan untuk menjamin binatang-binatang liar yang semua kita sayangi ini dapat terus hidup, berkembang dan membiak untuk generasi-generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan ini kerana kita dapat melihat nawaitunya untuk menjamin bahawa penerusan hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan liar yang disenaraikan ataupun mungkin disenaraikan lagi akan terus berkembang dan tumbuh. Misalnya, kerbau, kijang, rusa, seladang, pelanduk, landak, ayam hutan, burung enggang, tenggiling, burung punai, serindit, murai dan sebagainya atau terus berada di dalam hutan belantara kita.

Cuma apa yang saya suka menarik perhatian Timbalan Menteri khususnya, ialah walau bagaimanapun kita mengenakan penguatkuasaan, pinda bagaimana baik undang-undang sekalipun tetapi manusia biasa tidak

dapat kita menahan naluri masing-masing. Apa yang saya maksudkan di antara naluri yang ada di dalam diri manusia itu ialah semakin perkara itu kita tahan, semakin mereka menghendaki dan mereka akan mencari apa sahaja cara, ikhtiar untuk dapat melulus atau dapat mencapai apa yang mereka kehendaki. Antara naluri ataupun dapat kita gunakan istilah hobi, di dalam perkara ini ialah hobi memburu dan kita tahu ramai di kalangan golongan-golongan tertentu yang mempunyai senjata, senapang patah dan sebagainya dan mereka ini akan menggunakan kesempatan untuk memburu binatang-binatang liar yang ada di dalam hutan ataupun dalam hutan simpan kita.

Maka berdasarkan perkara ini sudah tentu lambat-laun binatang-binatang ini ataupun hidup-hidupan liar ini akan pupus juga. Saya suka menyarankan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memikirkan ke arah yang lebih membina untuk menjamin supaya hidupan liar ini akan terus terjamin di samping kita juga dapat menyempurnakan hasrat dan hobi mereka yang tertentu. Di samping itu dapat juga kita menarik atau boleh memberi peluang-peluang tertentu di dalam soal hubungan hidupan liar dan kehendak manusia biasa. Misalnya, dengan mengadakan satu Jabatan ataupun Institut untuk mengkaji bagaimana kita boleh meliarkan binatang-binatang yang sudah jinak pada hari ini. Kita tahu dari segi sejarah bahawa binatang-binatang yang jinak sekarang asalnya liar, tetapi telah diusahakan melalui kajian sains dan teknologi telah dijinakkan melalui proses-proses masa, tamadun manusia dan sebagainya, tetapi binatang ini asalnya liar.

Banyak perkara-perkara ataupun hidup-hidupan yang liar yang dijinakkan sekarang asalnya liar dan apakah Kementerian boleh membuat kajian bagaimana untuk kita meliarkan semula binatang-binatang

ini dan mereka berada di dalam hutan yang luas, di hutan-hutan simpanan, di taman-taman negara untuk membolehkan mereka hidup dengan ramai dan boleh menepati tujuan yang saya sebutkan tadi.

Misalnya, kita kata lembu, kambing, kita barangkali sudah amat berkurangan untuk melihat kambing gurun dan kambing gurun ini asalnya kambing biasa, dari segi jenisnya lebih kurang sama dengan kambing. Apa yang perlu, barangkali dikaji oleh Kementerian ini untuk dimasukkan benih-benih kambing gurun ke dalam kambing biasa dan kambing-kambing ini dilepaskan di dalam hutan belantara dan dapat kita wujudkan kambing-kambing liar yang banyak. Kalau pemburu-pemburu yang berminat untuk memburu kambing, kita dapat memberi lesen khas dan membenarkan mereka menangkap seekor atau 2 ekor kambing, dengan mengenakan bayaran-bayaran tertentu kepada pelancong-pelancong yang berniat yang datang ke negara kita untuk memburu kambing. Barangkali dapat Kementerian merangkakan satu program dengan mengenakan bayaran atau lesen tertentu yang akan memberi keuntungan kepada Kerajaan, kepada negara, dapat menambahkan ekonomi negara dengan tarikan pelancong kerana kita dapat mengadakan peluang pemburuan di negara Malaysia dengan syarat-syarat tertentu untuk memburu kambing, seladang, napoh, pelandok dan sebagainya yang ada di dalam hutan kita ini. Ini satu perkara yang baik dan juga barangkali badan-badan tertentu atau pihak-pihak tertentu boleh mengadakan pertandingan memburu, kalau binatang ini sudah banyak dengan masa yang terhad dan dapat kita mengumpulkan wang melalui mereka yang kaya yang mempunyai senjata api, yang mempunyai pendapatan yang tinggi ini, sekali sekala untuk melepaskan hobi dan kegemaran mereka melalui kerja-kerja memburu ini.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Jabatan ini juga, saya cadangkan Institut yang mungkin dapat difikirkan oleh Kementerian untuk mengkaji bagaimana cara untuk kita membiakkan hidupan-hidupan liar yang ada sekarang, di samping mereka hidup secara liar, secara bersendirian, melalui proses secara natural, secara semula jadi, yang berlaku di dalam hutan belantara, barangkali Kementerian boleh mengeluarkan anak-anak dengan banyak atau ramai sekali. Misalnya, kalau penyu boleh diwujudkan atau boleh ditetaskan melalui penetasan mengikut sains dan teknologi, melalui proses-proses yang kemaskini dan dilepaskan ke laut dan mereka diharap membesar secara bebas dan kembali bertelur di pantai, kenapa kita tidak boleh mengkaji bagaimana untuk membiak landak, bagaimana untuk membiak pelandok, bagaimana untuk membiak ayam hutan, bagaimana untuk membiak puyuh, punai, serindit, murai batu, merbuk dan banyak lagi perkara-perkara yang memang boleh dibuat melalui satu kajian yang teliti dan dilepaskan di dalam hutan belantara. Satu hari kumpulan ini akan membiak dengan sendirinya. Kalaulah perkara ini dapat dibuat atau diwujudkan oleh Kementerian, Insya Allah, barangkali satu hari nanti kita tidak bermasalah sangat kepada mereka yang suka menembak, boleh diberi peluang untuk menembak dengan syarat-syarat tertentu, bayaran-bayaran tertentu dan kepada mereka yang barangkali kalau tanpa kebenaran ataupun tanpa lesen-lesen tertentu yang mencuri menembak, kita boleh ambil tindakan.

Jadi, matlamat ini dapat menyelesaikan, merupakan jalan tengah di antara pengawalan kehidupan liar dan juga kepada hobi-hobi yang perlu. Jadi, di samping juga dapat kita mewujudkan satu keadaan yang boleh menarik perhatian negara-negara lain datang ke negara kita, boleh masuk ke hutan belantara kita

dalam masa yang terhad, yang dikawal untuk mengadakan pemburuan, menembak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong benar atas perkara ini dan diharapkan pandangan-pandangan ini boleh difikirkan oleh Kementerian, khususnya Yang Berhormat Timbalan Kementerian, apakah mungkin seperti yang saya katakan tadi, supaya dikaji bagaimana kita membiakkan hidupan-hidupan liar ini dengan lebih ramai atau boleh diperbuat lebih banyak, di samping mencari binatang-binatang tertentu yang jinak yang sedang dipelihara oleh petani-petani kita dan dilepaskan di dalam hutan belantara, biar binatang-binatang ini menjadi binatang-binatang liar, hidupan-hidupan liar dengan banyaknya di hutan kita dan ia akan memberi manfaat kepada negara dan khazanah negara khususnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Bahawa mengikut peruntukan peraturan 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera di dalam urusan mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

### RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

5.17 ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan mengambil bahagian ke atas perbahasan Rang Undang-undang ini serta memberikan

pandangan, teguran dan saranan yang membina. Ini tentulah akan membantu Kementerian saya, khususnya Jabatan PERHILITAN untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih licin dan teratur lagi pada masa depan. Saya cuba menjawab seberapa yang boleh mengikut Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh yang telah membangkitkan masalah mengenai Kementerian saya menyediakan atau mewujudkan lebih banyak lagi kawasan-kawasan untuk Taman Negara. Di sini Kementerian saya telah memastikan kawasan-kawasan seperti di Ulu Muda seluas 115,257 hektar di negeri Kedah, Grik seluas 51,800 hektar di Perak dan seperti di Kuala Selamat; Gunung Tempurong, Benom di Perak; di Hulu Negeri di Kelantan dan Hulu Lepa di Pahang; Tasik Bera di Pahang; Tasik Chini dan Endau Rompin di Johor; Gunung Gelembut, Mersing di Johor dijadikan Taman Negara. Walau bagaimanapun, ini mestilah tertakluk kepada Kerajaan Negeri oleh kerana hak tanahnya adalah tertakluk di bawah bidang Kerajaan Negeri. Dan juga Kementerian saya sedia memberi khidmat nasihat kepada mana-mana Kerajaan Negeri yang berminat mewujudkan Taman-taman Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh juga mengesyorkan selain dari menguatkuasakan undang-undang, ia akan lebih bermakna jikalau kita mengadakan seminar-seminar atau dialog-dialog untuk memberi kesedaran kepada orang ramai.

Di sini saya memberi sedikit penjelasan mengenai tugas Jabatan PERHILITAN. Jabatan PERHILITAN selain dari menjalankan penguatkuasaan undang-undang, di antara tugasnya, selain dari melatih kakitangan Jabatan sendiri untuk

mempertingkatkan mutu kerja konsepasi, Jabatan PERHILITAN juga memberi ceramah kepada murid-murid sekolah dan orang awam mengenai konsepasi. Ini telah mula dapat perhatian dan diharap akan dapat memberi kesedaran perlunya warisan flora dan fauna negara ini diperindungi dan diabadikan. Usaha ini akan terus dijalankan dan juga Jabatan PERHILITAN juga mengeluarkan majalah-majalah bulanan yang diedarkan ke sekolah-sekolah atau pertubuhan-pertubuhan yang berminat dengan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh juga menimbulkan masalah mengenai babi hutan, mengapa babi hutan perlu diperindungi oleh kerana babi hutan adalah menjadi satu makanan harimau dan juga merupakan spesis yang amat terancam dan orang awam sebenarnya dibolehkan memburu babi hutan sekiranya ia mengganggu Taman-taman Negara. Seksyen 55 dalam Akta itu adalah dengan jelas memberi kebenaran tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat ada menimbulkan mengenai pendekatan yang lebih positif ke arah melindungi kehidupan liar di negara ini dengan mewujudkan lebih banyak Taman Negara sekurang-kurangnya satu di se tiap negeri. Ini saya telah pun jawab tadi.

Di sini beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh Kementerian saya, khasnya Jabatan PERHILITAN mengadakan projek pembiakan. Di sini saya dengan sukacitanya memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat iaitu Kementerian saya telah menjalankan beberapa penyelidikan dan juga pembiayaan binatang-binatang liar seperti tuntung yang telah wujud di

Bota Kanan, Perak dan di Pasir Temir Hulu Terengganu, juga sebanyak 19,000 anak tuntung telah dapat dilepaskan balik ke dalam sungai.

Kementerian saya mengadakan pembiakan seladang, Projek Jenderak Reserve Hidupan Liar Raub, Pahang mulai tahun 1979. Ini adalah kali yang pertama projek seumpama ini dijalankan di rantau ini dan sampai sekarang terdapat 7 ekor binatang seladang ini dan juga terdapat 2 ekor anak dari binatang itu dalam kurungan. Begitu juga pembiakan rusa yang telah dijalankan di reserve Sungkai, Perak dalam tahun 1975 dan setakat ini sudah mempunyai 100 ekor binatang di Jenderak Pahang sejak tahun 1977 dan kini terdapat 60 ekor rusa, sementara itu projek di Gua Musang dimulakan sejak tahun 1982 dan kini mempunyai 30 ekor rusa. Projek badak kerbau bermula pada tahun 1984. Ini juga merupakan suatu projek pembiakan ke atas salah satu spesies yang hampir pupus di dunia. Kini Jabatan PERHILITAN sedang menguruskan projek pembiakan ini di Zoo Melaka reserve.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai Fasal 23, fasal ini bertujuan untuk menyelaraskan kerjasama penyelidikan yang bertindih di antara Jabatan dengan organisasi-organisasi luar. Oleh itu, fasal ini nanti kelak akan dapat mewujudkan penyelarasan demi kepentingan penyelidikan hidupan liar. Ini bermakna dengan adanya Fasal ini pihak Jabatan tidak akan menyekat mereka yang ingin membuat penyelidikan.

Dan mengenai Fasal 42 di bawah Seksyen 76 mengenai hal jerat. Penggunaan jerat atau perangkap dawai untuk menangkap hidupan liar semakin berleluasa dewasa ini. Kes-kes yang berjaya ditangkap oleh kakitangan penguatkuasa Jabatan

PERHILITAN sepanjang dua tahun kebelakangan ini (1985-1986) sahaja berjumlah lebih kurang 40 kes yang melibatkan binatang liar atau burung liar yang terkena jerat meningkat 570 ekor. Ini tidak termasuk kes-kes yang mana harimau, gajah, seladang dan lain-lain binatang telah mati akibat jerat yang dipasang oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Dari kes-kes yang berjaya ditangkap menunjukkan bahawa penjerat-penjerat kebiasaannya memasang jerat-jerat lebih dari 25 utas jerat. Ada kalanya bilangan ini mencapai 80 hingga 100 utas tali jerat atau perangkap dawai dipasang di kawasan-kawasan yang mereka menangkap hidupan liar jenis mamalia besar.

Pemasang-pemasang jerat ini kebiasaannya menjerat binatang semata-mata untuk menambahkan pencarian mereka tanpa mengeluarkan modal yang banyak. Akibat aktiviti mereka itu binatang liar menerima padah dan ada kalanya manusia juga turut menerima nasib yang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga menimbulkan mengenai hak dan kuasa pegawai. Ini adalah untuk melicinkan program penguatkuasaan hidupan liar di mana kakitangan jabatan yang terlatih telah bertambah dan mencukupi untuk melaksanakan tugas tersebut.

Mengenai salah guna kuasa, Jabatan sentiasa meneliti mengenai perkara ini dan jika didapati perkara ini berlaku di kalangan kakitangan maka tindakan mengikut Perintah Am Bab "D" dikenakan terhadap mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai telah menimbulkan beberapa isu juga dan mengenai manusia mati akibat dibunuh oleh hidupan liar. Dan mengikut rekod yang ada di hadapan saya di sini sampai tahun 1987 hanya 18 orang sahaja. Bilangan ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengari bilangan manusia yang mati

dijalanraya disebabkan kemalangan akibat perbuatan manusia sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai juga menimbulkan mengenai perlindungan manusia dan harta-benda akibat hidupan liar. Sememangnya ada peruntukan di dalam Akta ibu iaitu di Seksyen-seksyen 55 dan 56 membolehkan orang awam mengambil tindakan yang sewajarnya jika hidupan liar mengancam harta-benda, tanaman dan nyawa manusia. Dan juga Ahli Yang Berhormat itu sudah menimbulkan masalah gajah Pasir Gelang, Ulu Kelantan. Dan sukalah saya memaklumkan bahawa jawapan kepada masalah ini telah pun saya sampaikan atau dijawab di Dewan yang mulia ini pada 17hb November, 1987 yang lalu.

Dan mengenai Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan perkara mengenai ganti rugi kerosakan tanaman yang dilakukan oleh hidupan liar, peruntukan seperti ini haruslah diambil kira atau dimasukkan oleh agensi-agensi pemaju pembangunan pertanian semasa membuat perancangan pembukaan tanah.

Selain dari itu juga cara-cara untuk mengatasi masalah kerosakan haruslah meliputi peruntukan pemindahan hidupan liar jika perlu. Pembinaan pagar elektrik atau perparitan untuk mengatasi masalah oleh hidupan liar selanjutnya. Ini adalah disebabkan hidupan-hidupan yang berkenaan telah kehilangan kawasan asal mereka dan ini tidak ada tempat lain untuk hidup.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar untuk mendapatkan rancangan menyeluruh dan bersepadu untuk hidupan liar, sukalah saya memaklumkan Jabatan PERHILITAN sememangnya ada perancangan seperti ini. Buat masa ini jabatan sedang menubuhkan satu program kepada spesis-spesis yang terancam terlebih dahulu untuk

memastikan spesis-spesis tersebut tidak pupus. Walaupun peruntukan dan kakitangan agak terhad, Jabatan PERHILITAN terus menjalankan tugasnya untuk memastikan bahawa program konservasi di negara kita. Mengenai data-data lengkap taburan hidupan liar, pihak Jabatan sememangnya menjalankan bancian dan kajian setiap tahun bagi mengetahui kedudukan sebenar, terutama mamalia besar dan spesis terancam.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Arau untuk memberi elaun gantian tetap kepada kakitangan Taman Negara, elaun ini memang diberi oleh Kerajaan kepada semua kakitangan yang bertugas di Taman Negara. Oleh yang demikian, mereka tidak layak untuk menuntut elaun malam dan lodging.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah meliarkan binatang ternakan yang jinak untuk diliarkan semula di hutan belantara, saya ingin memaklumkan bahawa buat masa ini Jabatan PERHILITAN hanya menumpukan tugas-tugas untuk menyelesaikan masalah hidupan liar yang sering timbul sekarang ini. Sebenarnya, masalah berkaitan dengan binatang ternakan negara ini adalah terletak di bawah Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga menyentuh mengenai usaha pilih kasih dalam penguatkuasaan undang-undang. Pihak Jabatan tidak pernah membezakan dalam membanteras pesalah-pesalah yang melanggar peruntukan Akta dan ini termasuklah kakitangan Jabatan sendiri jika tidak dapat melakukannya. Kementerian saya akan menjalankan siasatan. Jikalau didapati bukti yang mereka terlibat, tindakan tata tertib akan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan menimbulkan masalah mengenai Taman Burung Negara. Mengenai cadangan ini sukacitalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, satu Jawatankuasa yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Ismail, iaitu Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah pun diwujudkan dalam tahun 1986 lalu bagi melaksanakan projek ini. Saya difahami Yang Berhormat Tan Sri juga berusaha untuk membincang perkara ini dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk mendapat sedikit-sebanyak bantuan peruntukannya, dan satu kawasan seluas lebih kurang 200 hektar telah dikenalpasti di Templer Park, Selangor bagi projek ini.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan juga menimbulkan mengenai masalah kera di Bukit Tunku dan kawasan sekitarnya. Ini adalah disebabkan kawasan habitatnya telah dibangunkan untuk perumahan. Di samping itu, terdapat juga kera-kera yang dipelihara sekitar perumahan tersebut terlepas dan ini telah menyebabkan masalah keganasan oleh kera-kera timbul. Walau bagaimanapun, Jabatan PERHILITAN sentiasa mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini dengan menangkap kera-kera tersebut.

Mengenai pembinaan zoo-zoo, setakat ini Jabatan PERHILITAN telah pun mempunyai sebuah zoo di Melaka. Selain dari itu, Zoo Negara yang ditadbirkan oleh Persatuan Zoologi Malaysia (Malaysian Zoological Society), di samping itu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga telah meluluskan beberapa mini zoo dan taman-taman burung untuk kepunyaan persendirian dan badan-badan berkanun seperti mini zoo di Desaru, Negeri Johor.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga ada menimbulkan perkara

mengenai Orang Asli. Orang Asli ini mengikut peruntukan Akta ibu seksyen 52 dengan jelasnya memberi kebenaran kepada mereka untuk menggunakan hidupan liar, seperti yang disebut dalam seksyen tersebut untuk makanan dirinya serta keluarganya. Dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar menyentuh Taman-taman Negara di semua negeri, khususnya di Sarawak dan Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai negeri Sarawak dan Sabah, Akta ini tidak dipanjangkan ke kedua-dua negeri itu kerana kedua-dua negeri itu mempunyai undang-undang atau Akta mereka yang bersendirian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga mengenai seksyen 7 yang dicadangkan untuk pindaan. Tujuan pindaan itu adalah untuk menjelaskan seksyen 7 dengan lebih terang lagi. Kuasa menggelidah tanpa waran sememangnya telah ada di dalam Akta ibu sekarang. Saya memberi jaminan bahawa kuasa-kuasa di bawah seksyen 7 ini yang cuma boleh dijalankan oleh Ketua Pengarah, Timbalan Pengarah dan Penolong Pengarah akan dijalankan dengan adil dan saksama. Tidak seorang pegawai Jabatan PERHILITAN yang tidak diberi kuasa boleh menggelidah tanpa waran atau menggelidah atas inisiatifnya sendiri. Ketua Pengarah Jabatan akan . . . . .

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Setar bangun.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi saya bangkitkan berkenaan dengan seksyen 7 dalam Akta ini, saya mengatakan bahawa kuasa untuk menggelidah tanpa waran itu adalah satu kuasa yang boleh membangkitkan masalah keselamatan; satu dari segi tempat kediaman yang digelidahkan

dan kedua kepada pegawai yang menjalankan tugas. Telah terjadi umpamanya di kawasan Padang Terap di mana Pegawai PERHILITAN telah pun diancam akan dibunuh oleh tuan rumah yang hendak digelidah oleh pihak PERHILITAN. Jadi, oleh kerana tanpa waran sesiapa sahaja boleh masuk ke sesuatu tempat kediaman dan ini akan mencetuskan satu pergaduhan. Ini sangatlah membimbangkan saya sebagai Ahli dari Kota Setar dan juga daripada Kedah kerana perkara ini telah pun berlaku.

Yang keduanya, saya bimbang sebab di dalam Akta-akta lain, malahan Akta Keselamatan Dalam Negeri pun, pihak pegawai Polis membawa waran sebelum menangkap ataupun memasuki mana-mana tempat kediaman. Jadi apakah kesalahan, umpamanya seseorang itu menyimpan tanduk rusa, maka datanglah Pegawai PERHILITAN tengah malam memasuki rumahnya dan terus akan menjadi pergaduhan. Jadi saya mintalah ini dikaji semula ataupun memberi jaminan yang kuat supaya tidak akan timbul masalah kepada pegawai dan juga orang ramai.

**Tuan Law Hieng Ding:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Jadi, saya beri penjelasan iaitu peruntukan ini hanya bagi di peringkat Pengarah atau Penolong Pengarah yang akan menjalankan penggelidahan ini dan mereka akan mempunyai identiti mereka, bukan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang terjadi di Padang Terap, yang menggeledah rumah yang dikatakan itu ialah Ranjer biasa, bukan Pengarah Perlindungan Hidupan Liar. Jadi, bagaimanakah kuasa itu yang

dikatakan hanya diberi kepada Pengarah PERHILITAN, tetapi yang menjalankan kerja tanpa waran ialah Ranjer sahaja.

**Tuan Law Hieng Ding:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Jabatan PERHILITAN akan membuat siasatan ke atas maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat itu dan saya ingin memberikan jaminan di sini seksyen dan kuasa ini akan dijalankan dengan berhati-hati oleh Jabatan PERHILITAN.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap penjelasan saya telah dapat menyentuh semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika ada apa-apa yang tidak diliputi, Kementerian saya dan Jabatan PERHILITAN akan mengambil perhatian dan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Tindakan akan diambil jika ianya difikirkan perlu.

Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)*

*Fasal 1 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.54 ptg.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Penyiaran 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kuasa yang ditetapkan di dalam Ministerial Function Order 1983, bidang penyiaran adalah merupakan tanggungjawab Menteri Penerangan. Dengan itu, masalah mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti penyiaran di negara ini dengan berkesan adalah satu tugas utama Menteri Penerangan.

Untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab itu Menteri Penerangan seharusnya mempunyai kuasa-kuasa tertentu supaya tanggungjawab tersebut dapat dijalankan dengan berkesan demi kepentingan rakyat dan negara. Dewasa ini tidak ada undang-undang yang khusus bagi mengawal aktiviti-aktiviti penyiaran di negara ini. Kuasa yang sedia ada sekarang adalah terdapat di bawah Akta Telekomunikasi 1950 yang dikuatkuasakan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Kawalan yang diperuntukkan di bawah Akta Telekomunikasi 1950 ini merupakan kawalan terhadap penubuhan, penggunaan serta pengendalian sistem telekomunikasi yang meliputi berbagai jenis hardware dalam teknologi komunikasi.

Sungguhpun kawalan daripada segi penubuhan dan pemasangan alat-alat komunikasi itu memanglah sangat berkesan, kawalan terhadap bahan-bahan yang disiarkan melalui Radio dan TV amatlah rumit sekali. Bahan-bahan dari barat yang banyak digunakan mengandungi berbagai-bagai unsur yang boleh mencemar nilai-nilai budaya dan masyarakat tempatan jika tidak dikawal dengan hati-hati. Banyak rungutan telah disuarakan oleh rakyat dalam hal ini. Pengawasan secara pentadbiran sahaja yang dibuat oleh Kementerian tidaklah begitu berkesan, apatah lagi dalam mengawal kandungan iklan-iklan yang disiarkan melalui Radio dan TV. Dengan wujudnya radio dan TV swasta, perkara pengawalan dan pengawasan bahan-bahan siaran menjadi lebih mendesak lagi.

Walaupun Lembaga Penapis Filem telah menjalankan tugasnya dengan baik, banyak aspek-aspek yang subjektif, penilaian pita-pita video dan filem dari luar negeri yang dipertikaikan oleh masyarakat. Kawalan yang lebih tegas dan rapi terhadap semua bahan-bahan siaran awam dalam bentuk celluloid, khususnya untuk siaran melalui Radio dan TV adalah dirasakan perlu sekarang.

Menyedari hakikat ini maka adalah difikirkan amatlah penting supaya suatu Akta yang dinamakan Akta Penyiaran 1987 diwujudkan untuk memberi kuasa kepada Kementerian Penerangan bagi menjalankan pengawalan dan pengawasan yang lebih rapi itu. Pengawalan dan pengawasan itu haruslah dijalankan dengan penuh sedar tentang falsafah pembangunan negara dan segala dasar-dasar yang didokong oleh Kerajaan.

Ia perlu mengambil kira nilai-nilai sosio-budaya yang disebarikan melalui muzik, lagu-lagu, seni lakon, seni tari dan lain-lain bentuk seni budaya yang

disiarkan melalui Radio dan TV. Segala unsur-unsur yang tidak sesuai atau bertentangan dengan nilai-nilai sosial dan masyarakat Malaysia perlu disingkirkan dengan tujuan supaya satu budaya Malaysia dapat dilahirkan. Hanya dengan cara ini barulah satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu, stabil, maju dan setia kepada Raja, Negara dan rakyat dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah hasrat yang mendorong penyusunan Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini. Ia akan memberikan kuasa kepada Menteri Penerangan bagi mengawal dan mengawas segala bahan siaran melalui Radio dan TV manakala Menteri Tenaga, Telekom dan Pos akan terus bertanggungjawab bagi mengawas dan mengawal kemasukan pemasangan dan pengendalian alat-alat penyiaran itu sendiri di bawah kuatkuasa Akta Telekomunikasi 1950.

Secara yang lebih khusus Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini memberi kuasa kepada Menteri Penerangan dalam tiga bidang utama:

- (a) Kuasa untuk mengawal dan mengawas segala kandungan bahan siaran melalui Radio dan TV supaya segala aktiviti penyiaran dijalankan secara teratur mengikut lunas-lunas yang ditentukan oleh Kerajaan;
- (b) Kuasa berhubung dengan pelesenan untuk penggunaan alat-alat menerima siaran Radio dan TV dan pelesenan terhadap penjualan alat-alat terima siaran Radio dan TV; dan
- (c) Kuasa mengenai pengiklanan di Radio dan TV termasuk kuasa menentukan kadar serta peraturan-peraturan yang berkaitan.

Bidang-bidang kuasa yang disebutkan itu adalah tertakluk kepada beberapa perkara seperti berikut:

- (i) Mentakrifkan maksud "bahan penyiaran", "Menteri" dan "stesen penyiaran" supaya ianya dapat menjadi garis pemisah di antara peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang Penyiaran 1987 dengan Akta Telekomunikasi 1959.
- (ii) Keperluan lesen bagi aktiviti-aktiviti penyiaran dan menerima siaran dari dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun keperluan ini tidak diwajibkan bagi stesen penyiaran yang dipunyai oleh Kerajaan.
- (iii) Mengenakan denda terhadap sesiapa yang melanggar syarat-syarat pengeluaran lesen dengan kebebasan kepada sesiapa yang tidak puas hati terhadap denda itu merujukkan ke mahkamah pengadilan.
- (iv) Mengadakan pemeriksaan ke atas stesen-stesen penyiaran yang akan dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas ini.
- (v) Keperluan lesen bagi memasang, atau mengendalikan, atau berniaga alat terima siaran Radio atau alat terima siaran TV.

Segala kuasa yang dibekalkan kepada Menteri Penerangan di bawah Rang Undang-undang Penyiaran 1987 itu adalah selaras dengan kuasa yang telah diberikan kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Akta Telekomunikasi 1950. Batasan kuasa antara kedua-dua Akta itu adalah jelas dengan Menteri Penerangan mengawal dan mengawasi kandungan bahan-bahan dan program-program yang hendak disiarkan

melalui Radio dan TV, manakala Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengawal dan mengawas kemasukan dan pemasangan alat-alat telekomunikasi itu sendiri.

Saya ingin menjelaskan di sini sekali lagi kenapa Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini perlu diluluskan untuk menjadi undang-undang dengan segera:

- (1) Pengawalan dan pengawasan yang rapi adalah perlu atas segala bahan-bahan yang disiarkan melalui Radio dan TV kerana pengaruh Radio dan TV terhadap cara pemikiran, nilai-nilai dan pandangan hidup masyarakat adalah besar. Jika pengaruh-pengaruh dari luar itu tidak dikawal dengan rapi dan teliti maka banyaklah kesan-kesan buruk yang akan timbul dan tujuan Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu, bersopan-santun, bermaklumat, berkebudayaan, maju dan setia kepada Raja dan negara dan pemimpin-pemimpinnya tidak akan tercapai.
- (2) Walaupun kawalan dan pengawasan itu dijalankan sekarang, ianya merupakan kawalan dan pengawasan secara administrative sahaja atau dijalankan di bawah kuasa Akta Telekomunikasi 1950. Tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Penerangan adalah terbatas sekali; apa lagi dalam mengawal siaran-siaran yang dibuat oleh Radio dan TV swasta.
- (3) Banyak aspek-aspek penilaian bahan-bahan siaran melalui Radio dan TV yang berbentuk penerangan atau seni melibatkan pertimbangan yang halus, yang sensitif dan

subjektif. Cuma pegawai-pegawai profesional di bidang penerangan dan penyiaran yang boleh membuat pertimbangan yang teliti supaya unsur-unsur yang tidak diingini dan bertentangan dengan nilai-nilai sosio-budaya, dasar-dasar Kerajaan dan falsafah pentadbiran negara dapat disingkirkan. Ini amat penting untuk menjamin supaya Radio dan TV akan memainkan peranan yang positif bagi pembangunan negara dan masyarakat, dan tidak sebaliknya.

Akhirnya, saya ingin menjelaskan bahawa kuasa yang diberikan kepada Menteri Penerangan di bawah Akta ini tidaklah melebihi sebarang kuasa yang diberikan di bawah Akta Telekomunikasi 1950 dan segala kuasa yang diberikan di bawah Akta ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya dan seadil-adilnya demi kepentingan negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Penyiaran 1987 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh.

6.05 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh):** Bismillahir-rahmani-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinanNya saya berpeluang mengambil bahagian

dalam perbincangan Rang Undang-undang Penyiaran 1987 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyatakan sokongan saya ke atas Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini, izinkan saya menyatakan rasa penghargaan saya kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan dan kepada semua pihak yang terlibat dengan penggubalan Rang Undang-undang ini kerana dengan pembentangan Rang Undang-undang ini jelas membuktikan betapa tingginya hasrat Kerajaan untuk mengawal, menyelia segala bentuk bidang komunikasi di negara ini agar ianya dapat dijadikan tenaga utama ke arah pemupukan semangat kerjasama, bantu-membantu di kalangan rakyat berbilang kaum di samping menyerapkan semangat cinta dan kasih kepada negara selaras dengan tuntutan prinsip-prinsip Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Rang Undang-undang Penyiaran 1987 ini yang sedang diperbincangkan sekarang ini mempunyai tujuan serampang dua mata:

- (1) Untuk mengemaskinikan pentadbiran komunikasi secara lebih sistematik dan berkesan;
- (2) Untuk mendapatkan kuasa yang mencukupi bagi mengawal dan menyelia sebarang maklumat penyiaran dari luar negeri dan mendisiplinkan sebarang bentuk penyiaran di dalam ataupun ke luar negeri selaras dengan kepentingan negara dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini merupakan ciri yang penting untuk membolehkan Kementerian Penerangan memainkan peranan sebagai agensi utama untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat khususnya menerusi media elektronik dan hubungan

bersemuka secara lebih berkesan tetapi ada beberapa ciri-ciri lain yang tidak kurang pentingnya bagi mencapai objektif yang tersebut. Di antaranya wujudnya satu barisan pegawai dan kakitangan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran di bidang komunikasi dan sanggup berkhidmat dengan jujur, amanah, cekap, rajin, sabar, dedikasi dan berdisiplin.

Yang kedua, wujudnya kemudahan asas komunikasi yang lengkap dan sempurna selaras dengan kemajuan sains dan teknologi sekarang ini seperti bilik studio yang sempurna dan lain-lain peralatan moden yang perlu dalam bidang komunikasi. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan akan memberi perhatian yang seimbang bagi ketiga-tiga ciri yang saya nyatakan di atas tadi jika benar-benar kita ingin melihat satu perkhidmatan komunikasi yang berkesan lagi membina selaras dengan kepentingan politik, ekonomi, sosial dan agama yang sering terdedah dengan berbagai-bagai cabaran sama ada dari dalam mahupun dari luar negeri. Saya juga berharap dengan peruntukan-peruntukan yang mencukupi, pihak penguatkuasa Rang Undang-undang ini dapat menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang dengan menjalankan tugas secara lebih cekap serta penuh dedikasi dan bersih dari sebarang bentuk rasuah supaya Rang Undang-undang ini benar-benar dapat memanfaatkan kepada kepentingan bangsa, negara dan agama, bukan untuk kepentingan individu atau kumpulan-kumpulan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sebuah negara berbilang kaum seperti di Malaysia ini, media massa sama ada elektronik mahupun media cetak, seharusnya berperanan sebagai agen perpaduan dan integrasi nasional. Untuk mencapai objektif yang tersebut, sebarang persembahan sama ada berbentuk hiburan, drama, pembangunan, pertanian, agama atau

dakwah dan lain-lainnya hendaklah dikawal agar ianya tidak bercanggah dengan matlamat pencapaian perpaduan dan integrasi nasional. Persembahan-persembahan yang mengandungi unsur-unsur positif seperti hormat-menghormati, bantu-membantu, tolong-menolong, berdikari, amanah, rajin dan tekun bekerja, berani, cintakan negara dan sebagainya patutlah digalakkan dan sebaliknya unsur-unsur yang negatif seperti hasad dengki, khianat, zalim, seks yang melampaui batas dan sebagainya hendaklah dicegah. Pengawasan ke atas media massa ini amat penting kerana ia boleh mempengaruhi budaya hidup sebuah masyarakat.

Kita tidak mahu melihat anak-anak muda kita berkhayal dengan seks, kesan dari melihat atau membaca berbagai adegan seks yang dipaparkan menerusi media elektronik ataupun media cetak. Kita tidak mahu naluri anak-anak kita terpengaruh dengan adegan-adegan jahat seperti merompak, membunuh, kejam, zalim menipu dan sebagainya kesan dari melihat atau membaca dari berbagai-bagai adegan menerusi media elektronik ataupun media cetak seperti wujud di beberapa buah negara di dunia hari ini sama ada di Timur mahupun di Barat.

Sebenarnya, gejala buruk itu telah menjalar ke seluruh pelusuk dunia ini dan Malaysia tidak terkecuali dari imbasan pengaruh ataupun gejala buruk itu, sedarakan tahapnya sahaja agak berbeza jika dibanding dengan negara-negara Eropah, Amerika dan sebagainya. Walaupun saya tidak nafikan banyak usaha-usaha memupuk nilai-nilai murni sesuai dengan sosio budaya masyarakat negara ini banyak telah diadakan oleh Kementerian ini, tetapi kita perlu berwaspada agar gejala buruk yang bertentangan dengan sosio budaya dan norma-norma hidup rakyat tidak berleluasa dan

bermaharajalela di negara ini. Saya berharap dengan adanya peruntukan yang mencukupi yang bakal diluluskan kelak, pihak Kementerian ini akan menggunakan segala kebijaksanaan dan keupayaan yang ada bagi mencegah segala bentuk unsur-unsur negatif seperti adegan-adegan seks yang melampaui batas atau kejam, zalim dan sebagainya yang dipaparkan kepada masyarakat umum sama ada menerusi media elektronik atau media cetak. Dan saya mengalu-alukan ikrar yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam Dewan ini mengenai perkara yang tersebut semasa beliau membentangkan Akta Penyiaran sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi lima Bahagian yang mencukupi 23 Fasal. Pertama, saya ingin menyentuh Bahagian II yang meliputi Fasal 3 hingga 9.

*Fasal 3.* Kerajaan hendaklah mempunyai keistimewaan eksklusif untuk:

- (a) menyiarkan bahan penyiaran di Malaysia;
- (b) menyiarkan bahan penyiaran kepada mana-mana tempat, kapal, pesawat udara, atau kenderaan di luar Malaysia; dan
- (c) menerima di Malaysia apa-apa bahan penyiaran yang dipancarkan dari mana-mana tempat, kapal atau pesawat udara di luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya peruntukan ini adalah wajar kerana sebagai sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, Kerajaan mestilah bertanggungjawab dalam semua bentuk komunikasi. Tanggungjawab ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa kuasa yang mutlak seperti yang dicadangkan di atas. Walaupun mungkin terdapat beberapa negara di dunia ini tidak

bersikap demikian dalam bidang komunikasi, tetapi kita tidak boleh terpengaruh secara membabi buta tanpa melihat faktor-faktor yang berikut:

- (i) mengenai norma-norma hidup masyarakat berbilang kaum yang mempunyai perbezaan kepercayaan dan berlainan adat resam yang dipengaruhi oleh budaya sukuan masing-masing;
- (ii) wujudnya pasukan pergerakan di bawah tanah ataupun subversif yang bergerak di bandar-bandar atau di pinggir-pinggir bandar;
- (iii) wujudnya gerombolan komunis militan yang bergerak di pinggir-pinggir hutan atau di hutan-hutan belantara di kawasan-kawasan perbatasan Malaysia-Thailand;
- (iv) wujudnya gerakan-gerakan dakwah yang mempunyai motif untuk memecah-belah perpaduan umat Islam di negara ini di samping kegiatan-kegiatan agama sesat yang datang silih-berganti dan mempengaruhi akidah penganut Islam di negara ini. Jika bahan-bahan pengajaran ini dibiarkan tanpa kawalan, maka dikhuatiri api perpecahan di kalangan umat Islam atau rakyat di negara ini tidak dapat dibendung. Akibatnya boleh membawa kehancuran dan kemusnahan kepada negara.

Berdasarkan hujah-hujah yang tersebut, sekali lagi saya menegaskan peruntukan itu amat wajar dan selaras dengan realiti masyarakat dan situasi negara sekarang ini.

Mungkin ada pihak-pihak yang berkepentingan akan menentang Fasal 3 (a) hingga (c) ini. Tetapi saya ingin

mengingatkan kepada Kerajaan, ingatlah kepada pepatah Melayu "Jauharilah yang mengenal manikam" dan "kukur apa pada kukur, nyior juga yang binasa", "ketawa beramai-ramai, tetapi menangis seorang sahaja".

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Penalti. "Mana-mana orang yang menyiarkan apa-apa bahan penyiaran tanpa suatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Bahagian ini dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya". Kadar penalti ini adalah menasabah dan berpatutan memandangkan betapa besarnya risiko yang bakal dialami oleh rakyat dan negara jika bahan-bahan penyiaran itu digunakan oleh musuh-musuh negara. Tambahan pula di dalam dunia yang penuh dengan tipu muslihat sekarang ini, memang ada mereka yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu bersedia dan sanggup membayar berjuta-juta ringgit jika ada pihak-pihak yang bersedia menerima dan menyiarkan apa-apa maklumat yang menguntungkan kepentingan mereka ataupun mengukuhkan pengaruh mereka di kalangan kumpulan sasaran yang diperlukan. Kita berharap dengan adanya kadar penalti yang tinggi itu, negara akan dapat membendung segala tipu muslihat musuh-musuh negara yang bertujuan untuk melemahkan kita menerusi media massa di samping menghalang nafsu buas mereka yang suka mencabar undang-undang.

Maka dengan itu, saya menyokong Akta Penyiaran 1987.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Seputeh.

6.18 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit-sebanyak atas Rang Undang-undang Penyiaran 1987 yang telah

dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bahagian II Rang Undang-undang Penyiaran tersebut, Fasal 5 menyatakan bahawa mana-mana orang yang menyiarkan apa-apa bahan penyiaran tanpa sesuatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan di Bahagian ini dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Di bawah Bahagian IV mengenai Lesen Bagi Memasang atau Mengendalikan atau Berniaga Alat Terima Siaran Radio atau Alat Terima Siaran Televisyen, mengikut para 14 (2) mengatakan bahawa:

“(2) Mana-mana orang yang memasang atau mengendalikan atau berniaga alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen tanpa suatu lesen adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan dalam mana-mana satu hal alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen yang dipasang atau dikendalikan tanpa lesen boleh dilucuthak”.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Rang Undang-undang Penyiaran 1987 yang akan diluluskan, ianya adalah menunjukkan bahawa Kerajaan berniat menyekat rakyat daripada menerima maklumat luar negeri dan ini merupakan satu kontradiksi yang besar. Sebuah negara yang maju dan berpandangan jauh sentiasa menggalakkan rakyat memperluaskan pengetahuan dan penglihatan malahan membekalkan pelbagai kemudahan bagi tujuan tersebut. Tetapi tindakan Kerajaan

kita nampaknya mundur sekali. Apakah Kerajaan mendapati rakyatnya sudah cukup progresif dengan maklumat yang disalurkan?

Sungguhpun Kerajaan berhak mempertahankan perusahaan penyiaran yang dihakmilik-negarakan selama ini tetapi adalah tidak baik jika mengadakan akta yang ketat sangat demi kepentingan rakyat. Jika kawalan yang melampaui batas dilaksanakan, perusahaan penyiaran tidak akan membawa apa-apa hasil yang positif kepada orang ramai.

Tentang lesen untuk menyiarkan dan lesen bagi memasang atau mengendalikan atau berniaga alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen di bawah Rang Undang-undang Penyiaran tersebut tidak menyebutkan jumlah bayaran lesen-lesen tersebut yang dikenakan. Saya ingin tahu bahawa bagaimana bayaran ditetapkan kepada orang ramai. Adakah bayaran yang dikenakan itu munasabah dan mudah dibayar oleh orang awam?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan siaran RTM ini, saya ingin mengkritik sedikit sebanyak tentang siaran Berita Mandarin. Apabila saya mendengar Berita bahasa Mandarin yang disiarkan oleh RTM, saya merasa lucu sekali sebab nama-nama tempat dalam negeri jika tidak sesuai digunakan dalam bahasa Mandarin, kenapa semua nama tempat luar negeri diterjemahkan kepada bahasa Mandarin? Keadaan ini memberi satu bayangan yang tidak teratur. Mengapa RTM tidak memperbaikinya setelah banyak aduan dibuat selama ini?

Yang kedua, untuk pelaksanaan dasar Kerajaan semua drama bahasa Mandarin tempatan dicampur-adukkan dengan watak Melayu, tetapi sebaliknya kenapa drama Melayu tempatan tidak mengaturkan watak kaum Cina di dalamnya? Bagi tujuan tersebut, saya berharap Kementerian

yang berkenaan dapat memberi penerangan tentang perkara ini.

Dengan ini saya ucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Gopeng.

6.25 ptg.

**Dr Ting Chew Peh (Gopeng):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan kerana mengambil daya-usaha menggubal Rang Undang-undang Penyiaran 1987 dengan tujuan untuk mengawal perkhidmatan penyiaran.

Sebagai satu media-massa yang penting, saya rasa perkhidmatan penyiaran patut diberikan kawalan-kawalan tertentu atas dua sebab. Yang pertama, untuk menjamin mutu penyiaran. Yang kedua, untuk memastikan alat penyiaran tidak disalahgunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab. Mudah-mudahan dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, mutu perkhidmatan penyiaran dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang ini, saya perhatikan Menteri berkenaan diberikan kuasa yang cukup luas. Sebagai contoh, dari segi pelesenan, Menteri boleh mengenakan syarat menggantung atau membatalkan sesuatu lesen. Dari segi pemilihan bahan penyiaran, Menteri berkuasa mengeluarkan apa-apa arahan berhubung dengan bahan yang disiarkan dan membuat pemeriksaan ke atas stesen penyiaran. Demikian juga Menteri mempunyai kuasa mengelidiah mana-mana premis berhubung dengan alat terima siaran radio ataupun televisyen.

Saya percaya dengan kuasa yang begitu luas, Menteri berkenaan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Saya juga berharap Menteri berkenaan dapat menjalankan tugasnya secara berhati-hati, dengan bijaksana dan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melahirkan beberapa harapan berhubung dengan Rang Undang-undang ini. Yang pertama, dari segi menentukan bahan-bahan penyiaran, saya berharap Menteri dapat berhati-hati dan bersikap liberal sedikit. Janganlah terlalu ketat mengenakan kawalan, jangan pula terlalu conservative dari segi menentukan atau memilih bahan penyiaran.

Pada pandangan saya, sebaik-baiknya pelbagai rangkaian TV dibenarkan bersaing secara bebas dan juga sebaik-baiknya para penonton ada pilihan, iaitu para penonton boleh memilih antara RTM1, RTM2 dan TV3 seperti keadaan sekarang. Kita perlu mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan timbulnya satu keadaan nanti di mana para penonton terpaksa menghadapi satu situasi yang kurang sihat iaitu menonton program yang agak membosankan atau terpaksa menutup peti televisyen.

Perkara yang kedua, saya berharap Menteri berkenaan semasa menjalankan tugasnya dapat memastikan TV dan Radio memainkan peranan penting untuk memupuk persefahaman dan perpaduan kaum di negara kita yang bercorak berbilang kaum di samping menyebarkan maklumat dan juga menyediakan rancangan-rancangan yang bercorak hiburan.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

Pada pandangan saya, ini dapat dilakukan dengan memilih bahan-bahan penyiaran yang bertujuan menitikberatkan unsur-unsur

muhabbah, unsur-unsur kerjasama, harmoni dan sebagainya. Di samping itu perkara-perkara berkait dengan adat resam, tradisi, nilai, pantang-larang dan unsur-unsur budaya pelbagai kaum di negara ini harus juga diberikan keutamaan demi memupuk persefahaman kaum.

Perkara yang ketiga berhubung dengan program televisyen dan radio. Saya berharap program yang bercorak pendidikan dalam bidang sains, sains sosial, kemanusiaan dan lain-lain dapat ditambah dari masa ke semasa. Ini bertujuan untuk memastikan alat TV dan radio menjadi alat pendidikan yang penting, terutama sekali bagi para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan ini, saya ingin menyatakan sekali lagi sokongan saya terhadap Rang Undang-undang yang saya sebutkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.31 ptg.

**Tuan Mohamed Subky bin Haji Abdul Raof (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Masanya telah tiba bagi Malaysia mempunyai satu Akta Penyiaran. Perkhidmatan penyiaran di negara kita telah berusia lebih 40 tahun. Ia berkembang pesat sejajar dengan perkembangan negara ini sendiri. Penyiaran memainkan peranan yang penting dalam proses komunikasi yang diperlukan dalam usaha pembangunan negara. Sejak negara mencapai kemerdekaan, peranan penyiaran telah banyak perubahan. Hari ini peranannya menjadi lebih sofistikated. Memandangkan hakikat ini, maka didapati penyiaran perlu mempunyai satu Akta yang menyeluruh. Sebagai termaklum, Rang Undang-undang ini

ialah untuk membuat peruntukan bagi mengawal perkhidmatan penyiaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Di antara perkara yang sangat perlu dikawal ialah perkhidmatan penyiaran secara langsung menerusi satelit atau yang disebut "Direct Satellite Broadcasting", iaitu pemancaran siaran TV secara langsung boleh dibuat dengan lebih meluas sehingga meliputi sebahagian daripada permukaan dunia. Pemilik-pemilik TV biasanya hanya memerlukan beberapa alat khas seperti "disc" penerima dan decoder untuk mengesan siaran secara langsung yang dipancar ke kawasan tersebut. Pemilihan penonton semakin meluas tetapi implikasinya sangat perlu diteliti. Kita tidak dapat mengatur atau menyemak kandungan rancangan siaran secara langsung itu. Tetapi kita boleh mengawal penerimaannya dengan Akta Penyiaran kelak. Mahu atau tidak mahu siaran itu akan datang ke negara kita jika tidak ada satu kawalan rapi oleh pihak Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penyiaran ini juga bertujuan untuk mengawal bahan penyiaran yang akan disiarkan oleh stesen penyiaran. Langkah ini juga amatlah wajar kerana sudah mula terdapat persaingan hebat di antara badan-badan penyiaran swasta dengan badan penyiaran Kerajaan hari ini. Persaingan yang sihat adalah dialu-alukan, tetapi yang dikhuatiri ialah dalam keghairahan mendapat jumlah penonton yang lebih, kedua-dua belah pihak tidak lagi menitikberatkan tentang tata susila dan hakikat masyarakat Malaysia sebenarnya. Akibatnya adalah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian tentang adanya pengesanan yang dibuat terhadap Operator-operator Penyiaran Haram yang akhir-akhir ini telah sedikit sebanyak mengganggu kelicinan

penyiaran stesen-stesen yang diluluskan oleh TV Malaysia. Dipercayai Akta ini akan dapat memberi sumbangan yang berkesan terhadap kegiatan haram seumpama ini. Pengertian bahan penyiaran amatlah luas dan meliputi semua bentuk rancangan yang sedang disiarkan oleh televisyen di negara kita sekarang ini. Saya tidak bertujuan untuk menerangkan secara panjang lebar satu persatu tetapi memadailah saya menggariskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian utama dalam Akta ini iaitu ciri kebudayaan nasional hendaklah diambil kira dan perlu dicerminkan di dalam rancangan perkhidmatan penyiaran kita. Penerapan nilai-nilai Islam hendaklah ditunjukkan tanpa paksaan ke atas mana-mana pihak.

Di samping itu hendaklah menggalakkan corak pengiklanan yang sihat dan tidak semata-mata memperlihatkan daya penerikan sama ada yang menggunakan lakunan wanita ataupun kanak-kanak. Sehubungan dengan itu hendaklah menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia yang baku oleh semua perkhidmatan penyiaran sama ada penyiaran Kerajaan ataupun pihak swasta.

Di samping itu pihak Kerajaan hendaklah menyekat kemasukan filem-filem dan video-video yang boleh menjejaskan semangat dan moral masyarakat Malaysia. Usaha-usaha yang lebih tegas hendaklah dilaksanakan ke arah pencapaian matlamat integrasi nasional yang sejajar dengan semangat Rukunegara.

Akhirnya, pihak Kementerian hendaklah menggalakkan perkembangan perusahaan filem tempatan dan membendung kegiatan-kegiatan cetak rompak, baik dalam bentuk apa sekalipun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.36 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyumbang sedikit sahaja dalam perbahasan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Penyiaran 1987 di atas asas ianya adalah dibuat untuk mengemaskinikan lagi Akta mengenai penyiaran yang sedia ada di bawah Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom untuk mencapai beberapa objektif pembangunan sosio kebudayaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, objektif besar Akta ini ialah untuk menentukan pembinaan satu masyarakat Malaysia yang kukuh dan taat kepada Raja, negara dan agama. Tetapi biarlah saya tekankan di sini bahawa pencapaian objektif-objektif ini perlu diberi ruang sedikit ataupun sedikit space untuk pentafsiran bebas tanpa di "codefy" kan semuanya apa yang hendak di "express" kan, dengan izin. Jikalau sebaliknya kita akan menjadi satu masyarakat robot yang hanya dapat memberi timbal balas atau dengan izin, memberi response mengikut cue dari pihak yang berkuasa sahaja. Misalnya, jikalau sesuatu persembahan lawak jenaka, mesti ditimbunkan dengan mesej-mesej pembangunan Kerajaan, maka kelucuan tidak ada lagi. Saya menyokong mesej-mesej pembangunan Kerajaan ini diselitkan di dalam apa juga rancangan TV atau radio. Tetapi biarlah ianya dibuat secara berpatutan tanpa membunuh aspek lucu atau aspek seni yang hendak diajukan itu. Satu pentafsiran bebas kepada artis yang berkenaan harus diberi untuk memastikan mutu seni itu tidak hilang dan menurun agar sedikit kebebasan diberi dalam kita mengawal pembangunan sosio budaya kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya perhatikan prestasi persembahan program-program tempatan adalah

dalam keadaan naik turun tanpa satu-satu trend peningkatan mutu yang menggalakkan. Saya berpendapat bahawa keadaan begini adalah disebabkan oleh kemudahan dan peluang yang tidak cukup diberi kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Dari segi kemudahan untuk drama misalnya, saya perhatikan bahawa pemilihan lokasi tidaklah begitu luas. Kebanyakan lokasi drama-drama TV misalnya yang dibuat di dalam studio sehingga ternampak betul-betul pokok yang dimaksudkan dalam drama itu adalah dibuat ataupun dipacak dahan-dahan yang dikerat dari pokok di luar studio itu. Saya sedar bahawa ini mungkin disebabkan oleh kekurangan budget, tetapi apakah lokasi-lokasi yang berdekatan dengan Kuala Lumpur atau di dalam Kuala Lumpur sendiri menelan belanja yang terlalu banyak. Saya pasti dengan kebijaksanaan logistik lokasi luar tidak akan memakan belanja yang banyak, malah dalam bandar KL pun ada banyak spot-spot yang baik dan realistik untuk dijadikan lokasi-lokasi.

Mengenai peluang yang kurang kepada pengeluar-pengeluar tempatan, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai pemberhentian program-program yang sedang dalam kemuncak popularitinya, misalnya program "OPAH", program "Kampung Seri Wangi", program "Mekar Sejambak" dan lain-lain lagi. Mengapakah program-program ini diberhentikan dengan tidak semena-mena di masa masyarakat penonton sedang ghairah mengikuti perjalanannya. Adakah RTM tidak peka tentang kehendak dan citarasa masyarakat penonton.

Dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya RTM atau TV3 mewujudkan satu sistem rating seperti yang dibuat di Amerika

Syarikat. Di dalam sistem ini nama-nama program yang tinggi ratingnya diteruskan, pengeluarannya sehingga ratingnya itu jatuh. Dengan cara ini tidaklah masyarakat penonton tergantung nikmatnya dengan tidak semena-mena.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Menteri untuk menswastakan sebahagian besar rancangan-rancangan tempatan dan juga membahasa Malaysiakan program-program yang diimport. Di dalam usaha menswastakan program-program tempatan, saya harap pihak Kementerian dapat menganjurkan supaya satu program peningkatan kebolehan usahawan-usahawan dan artis-artis tempatan.

Kita tidak kurang modal dan keupayaan seni atau talent tetapi apa yang kita kurang ialah isi ataupun substance persembahan seperti plot dan cerita yang bermutu. Ini disebabkan input keilmuan di dalam karya-karya kita adalah berkurangan. Oleh itu, melalui program-program peningkatan persembahan ini Kementerian dapat mewujudkan kumpulan penulis-penulis yang berilmu. Pada masa ini saya pasti tidak kekurangan penulis-penulis ini kerana banyak siswazah-siswazah kelulusan sastera sedang menganggur.

Mengenai mengalihbahasakan rancangan-rancangan yang diimport, saya menyeru agar ianya dijalankan dengan segera andainya objektif pembinaan sosio-budaya kita hendak dicapai secepat mungkin. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri jangan bimbang tentang bantahan-bantahan yang akan datang dari golongan-golongan yang mahu mengekalkan persembahan dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa asal program-program itu. Masyarakat penonton yang tidak dapat menerima hakikat bahawa JR atau Sue Allen

bercakap dalam Bahasa Malaysia akhirnya akan dapat menerimanya juga selepas biasa mendengarnya dua, tiga bulan. Walau bagaimanapun, biarlah mutu terjemahannya ditingkatkan lagi dari apa yang ada sekarang yang mana saya lihat dibuat secara literal sahaja.

Misalannya, dua hari yang lalu satu ungkapan American-English yang berbunyi: *Indians love beads*. Diterjemahkan kepada: Orang-orang Indian yang cintakan manek. Yang sebenarnya terjemahan itu ialah: Manek Pengaseh orang-orang India Merah. Jadi, diterjemahkan kepada orang-orang Indian yang cintakan manek daripada perkataan: *Indian love beads*. Pihak Kementerian harus mewujudkan kumpulan penterjemah yang bukan sahaja memahami bahasa yang diterjemahkan itu, malah juga memahami secara mendalam budaya yang mana bahasa itu dipercakapkan.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

6.43 ptg.

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Penerangan menerangkan bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan mengawal aktiviti-aktiviti penyiaran di negara ini. Beliau mengatakan bahan-bahan dari Barat yang banyak digunakan mengandungi berbagai-bagai unsur yang boleh mencemar nilai-nilai budaya dan masyarakat tempatan jika tidak dikawal dengan hati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini patutlah memberi penghargaan setinggi-tingginya kepada Menteri Penerangan kerana mempertahankan nilai-nilai budaya dan masyarakat kita dengan begitu

bersemangat. Walau bagaimanapun, di samping menahan masuk bahan-bahan Barat yang boleh mengorapsikan budaya dan masyarakat kita, Menteri patut juga menggalakkan masuk dari negara-negara Barat program-program TV dan radio yang berakhlak tinggi. Beliau tentu bersetuju bahawa bukan semua yang datang dari Barat buruk atau semua yang berasal dari Timur baik. Dari mana-mana pihak pun terdapat yang baik dan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rang Undang-undang yang spesifik ini, saya berpendapat bahawa kuasa yang diberi kepada Kementerian Penerangan terlalu luas. Saya takut ia akan menghalangkan dan menyekatkan perkembangan usaha-usaha swasta seperti TV3 apabila ia dikuatkuasakan esok.

Beberapa tahun dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan dasar penswastan dengan publisiti yang luas sekali. Sebagai langkah penswastan pertama Kerajaan meluluskan TV3. Semasa kelulusan diumumkan Kerajaan menegaskan bahawa persaingan yang TV swasta akan memberi kepada TV Kerajaan sangat dialu-alukan kerana Kerajaan berpendapat bahawa persaingan aktif yang sihat dari sektor swasta akan memberi kesan yang baik kepada sektor awam.

Sekarang sekiranya satu perusahaan swasta seperti TV3 dikawal sebagai satu agensi Kerajaan maka dasar penswastan mungkin tidak akan mencapai tujuannya. Saya kluatir apabila Rang Undang-undang ini dilaksanakan esok oleh Kementerian Penerangan yang juga beroperasi televisyen dan radio sektor awam, perkembangan TV3 dan usaha swasta lain akan disekatkan dan akhirnya dasar penswastan di bidang penyiaran akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri Penerangan dapat memberi jawapan yang tepat dan nyata dan saya harap beliau dapat menunjukkan bahawa ketakutan-ketakutan yang saya sebutkan tadi langsung tidak beralasan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pantai.

6.48 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan Rang Undang-undang Penyiaran 1987 yang mana sebentar tadi telah pun dibentangkan dan ulasan oleh Yang Berhormat Menteri Penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dengan penyiaran ini rakyat sama ada dalam bandar, di luar bandar akan dapat mendengar ulasan, nyanyian, drama, berita dan sebagainya iaitu dengan adanya penyiaran yang lebih baik dan memberikan gambaran atau di dalam TV dan sebagainya untuk dijadikan teladan kepada rakyat dalam negara kita ini, lebih-lebih lagi dalam negara kita ini berbilang kaum, bangsa, budaya, agama dan kebudayaan masing-masing. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan. Menteri Penerangan yang baru dilantik semula ini nampaknya telahpun sedikit sebanyak mengubah dasar-dasar dan juga rancangan-rancangan yang boleh membawakan kebaikan kepada rakyat kita.

Saya mengucapkan tahniah di atas usaha yang telah dijalankan oleh Menteri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam soal ini sedikit sebanyak hendak juga saya menegur masalah-masalah yang ada pada hari

ini. Umpamanya, filem-filem. Saya tidaklah hendak mengulas satu persatu dalam Akta ini, hanya saya mengambil sedikit masa berhubung dengan filem-filem yang lama. Ini juga rasa saya memang selalu telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan filem-filem yang lama disiarkan berkali-kali, yang menjemukan penduduk-penduduk khasnya rakyat dalam negara kita ini melalui TV kita.

Di samping itu juga saya ingin menyentuh satu perkara berhubung dengan filem-filem yang bercorak keganasan, dan sekarang ini rasa saya itulah filem-filem yang selalu sangat ditayangkan melalui kaca TV, sama ada TV3 ataupun RTM sendiri yang begitu suka sangat menyiarkannya. Di negara kita ini, saya rasa dalam keadaan inilah anak-anak muda kita yang meniru cara mana merompak, cara mana menghisap dadah, cara mana menumbuk orang, membunuh dan sebagainya dari filem-filemnya ditayangkan ini. Dalam soal ini kita dapat tahu dan kita juga ketahui melalui akhbar-akhbar bagaimana pembunuhan dan sebagainya dilakukan akibat dari filem-filem di kaca TV itu sendiri. Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan supaya dapat pihak Kementerian mengurangkan sedikit sebanyak adegan-adegan ini dan begitu juga adegan-adegan seks, yang ditunjukkan kadangkala kita malu juga kepada anak-anak muda kita. Kadangkala kita melihat bersama-sama, kita segan bagaimana keadaan bercumbu-cumbu, berkasih-kasih dan sebagainya di atas tempat tidur, di bilik-bilik, cara tutup lampu, buka lampu dan sebagainya yang berlaku, kita nampak. Oleh itu dalam masalah ini, saya rasa janganlah siarkan cara-cara yang menggambarkan ini, lebih-lebih lagi kepada anak-anak muda kita. Biarkan mereka sesudah kahwin besok membuatnya sendiri cara-caranya dan jangan ditunjukkan

sangat melalui kaca TV ini yang mencucuk mata kepada kita semua.

Soal yang lain ialah mengenai iklan-iklan. Sungguhpun kita tahu iklan ini dapat menampung sedikit sebanyak perbelanjaan penyiaran, khasnya Radio dan TV kita, tetapi akhir-akhir ini sungguhpun Kerajaan kita mengharamkan siaran iklan menghisap rokok, tetapi syarikat-syarikat rokok ini lebih pintar dengan menggambarkan corak iklan yang lain pula seperti menjualkan tali pinggang dan sebagainya—bukan jualan rokok tetapi jualan asasnya ialah rokok—dengan keadaan menunjukkan bagaimana keadaan wanita-wanita kita berpakaian bikini dan mandi selepas hisap rokok dan sebagainya. Ini juga saya rasa tidak seronok dalam negara kita ini kalau kita benar-benar hendak menunjukkan unsur-unsur keIslaman dan juga kebudayaan bangsa kita supaya kita tidak meniru-niru kebudayaan luar.

Soal filem pula. Program-program dan filem-filem yang ada disiarkan pada hari ini, di RTM 1, 2 dan TV3 kita, saya mengharapkan supaya dapat dikawal sedikit ataupun dibuatkan satu undang-undang kerana dalam satu minggu atau 7 hari kita lihat filem-filem umpamanya di RTM 1, ataupun RTM 2 menggambarkan cerita—di sebelah petang saya tengok selalu—iaitu wayang gambar Cantonese atau Cina dan TV3 pun sama juga, mengeluarkan cerita Cina juga dan begitu juga apabila malam Isnin ataupun malam Jumaat, TV 1 menyiarkan wayang gambar Melayu, di masa yang sama TV3 pun menyiarkan gambar Melayu juga. Apa salahnya dalam masa satu minggu itu dapat dirundingkan dengan TV3 supaya tiap-tiap hari dapat semua penonton melihat filem-filem dan tidak payah tukar sekejap kepada TV3 dan sekejap kepada TV1, melihatkan keadaan yang ada itu supaya rasa saya dapatlah penonton melihat semua

yang disiarkan melalui Siaran 1, Siaran 2 dan juga TV3. Dengan keadaan ini, saya rasa dapat rakyat melihat semua program yang disiarkan itu.

Soal yang lain, saya nampak juga berhubungan dengan menyiarkan program-program yang ada, yang menunjukkan kadangkala kecantikan, wanita-wanita ataupun menyiarkan program-program seperti itu. Rasa saya janganlah kita menunjukkan kecantikan yang terlampau sangat. Kadangkala kita tengok besok rambutnya perang, lusa pula hitam, lepas itu ramput itu bewarna lain, mengikut fesyen. Ini juga rasa saya tidak sesuai untuk ditunjukkan. Kalau hendak tunjuk, tunjuklah di tempat-tempat lain, bukan melalui TV. Sekejap biru, hijau dan sebagainya, rambut yang diwarna-warnakan. Ini tidak sesuai. Yang akhirnya, saya memandangkan keadaan. . . .

**Tuan Haji Mohamed bin Abdullah:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Maran bangun.

**Tuan Haji Mohamed bin Abdullah:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat yang bercakap itu kadangkala dia lebih berminat melihat wanita yang membaca warta berita dan sebagainya itu bertukar-tukar fesyen rambut dan pakaian?

**Tuan Haji Abdul Razak bin Samah:** Tidak. Penerangan saya tadi, saya tidak begitu seronok melihatkan fesyen rambut. Saya suka yang cantik, tetapi jika rambut itu terlampau fesyen sangat, kadangkala rambut diwarnakan merah mengikut stylelah, tetapi rasa saya yang lawa itu mejadikan hodoh rupanya. Saya bukan hendak mengusik—tidak, tetapi dalam soal ini diharap supaya

dapat pandangan dari Menteri yang berkenaan.

Soal yang akhirnya iaitu berhubung dengan alat-alat TV. Banyak orang yang mengetahui hal ini. Katanya "Tengoklah Yang Berhormat, tolonglah cakap dengan Menteri yang berkenaan, kamera-kamera mereka itu begitu lama, sudah 10 tahun, 15 tahun, masih dibawa ke hulu, ke hilir. Kalau dibandingkan dengan zaman sekarang, ini semuanya sudah begitu baik, sudah elok tetapi kamera-kamera yang hitam dan lama itu, yang masih lagi pusing itu, bukanlah otomatik dan masih main pusing. Keadaan ini menyebabkan gambarnya tidak baik. Oleh itu Kementerian ini rasa saya dapat menukar benda-benda yang seumpama itu.

Saya rasa itu sahajalah pandangan saya berhubung dengan Rang Undang-undang Penyiaran 1987. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan, Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Maran. Selepas ini saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.57 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Abdullah (Maran):** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengambil beberapa perkara ringkas.

Pertamanya, saya minta Menteri yang berkenaan supaya kalau boleh semasa siaran di Hari Raya, baik Hari Raya Aidil-Fitri ataupun Aidil-Adha, kerana kedatangan semasa kedua-dua Hari Raya ini program hiburan terlalu banyak—sebenarnya dalam Islam, Hari Raya bukanlah merupakan hiburan yang begitu banyak sehinggakan kita melupakan maksud dan tujuan Hari Raya. Sebab Hari Raya sebenarnya ialah hari kita

berterima kasih dan bersyukur kerana kita telah dapat menunaikan puasa, dan di Hari Raya juga kita memuji nama-nama Allah. Tetapi apa yang kedatangan, contohnya pada Hari Raya lepas pada 28-5-1987, program agama hanya disiarkan selama 22 minit, pengetahuan hanya 85 minit tetapi hiburan 314 minit.

Pada Hari Raya yang pertama 29-5-87, program agama hanya diuntukkan selama 170 minit, hiburan 660 minit.

Pada Hari Raya kedua, program agama tidak ada langsung kecuali azan, pengetahuan 130 minit, tetapi hiburan 890 minit. Jadi, ini terlalu banyak hiburan. Kadangkala mereka hendak sembahyang raya pun tidak sempat dan tidak mahu pergi. Anak-anak kita sendiri pun kalau diajak sembahyang raya mengatakan "Tidak mahu pergi pak, kerana siaran hiburan sudah menunggu". Ini adalah satu yang kurang manis kalau kita perhatikan. Apatah lagi anak-anak kita. Kita hendak mengajak menziarahi orang-orang tua ataupun ke kubur, jauh sekali hendak pergi kerana program hiburan di TV terlalu banyak. Jadi, itulah kalau boleh supaya kita mengurangkan program hiburan ataupun kita menentukan sama ada malam sahaja, waktu pagi diberikan program lain supaya kita boleh pergi berjumpa dengan orang-orang tua dan mengajak anak-anak kita berjumpa dengan orang tua dan menziarah ke kubur dan sebagainya.

Yang kedua, ialah mengenai siaran langsung. Apabila ada sesuatu pertandingan baik peringkat Kebangsaan ataupun antarabangsa, selalunya siaran langsung yang kita lihat ialah di waktu maghrib. Walaupun kita cuba hendak mengelakkan, tetapi kadangkala terpaksa. Tetapi seelok-eloknya hendaklah kita cuba selepas waktu maghrib dimulakan ataupun lebih awal kerana kedatangan memang

banyak baik permainan bulu tangkis ataupun sepak takraw yang baru ini memang jelas siaran langsung itu di dalam waktu maghrib. Dan di sana kedapatan memang ramai orang Islam—bukanlah mereka tidak sembahyang, tetapi nampaknya tidak bergerak daripada tempat itu mula masuk maghrib sampailah habis waktu maghrib. Jadi kalau boleh kita cuba supaya kita menentukan masa itu kalau boleh sebelum masuk waktu maghrib ataupun selepas waktu maghrib. Ini adalah menjadi perhatian terutama sekali kepada orang-orang kampung. Jadi kalau kita tidak mendapat perhatian ini sudah tentu ada sungutan daripada orang-orang berkenaan.

Yang ketiga, ialah di bawah peruntukan Fasal 19, kuasa mengeledah. Saya tidak tahu setakat mana kuasa mengeledah ini diberikan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Kalaulah sekiranya kuasa mengeledah ini ditentukan kepada pegawai yang berkenaan, tempat yang diperiksa itu bersalah. Kalau sekiranya mereka ini disue ke mahkamah, siapakah yang bertanggungjawab, kerana mereka ini telah mengeledah kawasan mereka sedangkan mereka tidak membuat apa-apa kesalahan. Jadi ini perlulah juga mendapat penjelasan, sebab di sini mereka yang mendapat kuasa mengeledah ini ialah mereka yang mendapat kebenaran bertulis secara khas. Jadi setakat mana kuasa mereka ini boleh didakwa ataupun tidak.

Masalah lain ialah Fasal 22. Fasal 22 ini memang baik sekali kerana tempat-tempat penyiaran inilah yang selalunya apabila sesuatu kuasa lain hendak mengambil kuasa atau merampas kuasa Kerajaan, Jabatan Penyiaranlah tempat yang pertama mereka mengambil kerana mereka akan mengumumkan kepada rakyat bahawa dia kata negara ini telah dirampas kuasanya oleh orang

tertentu. Sebab itulah memang baik sekali supaya Perdana Menteri memegang kuasa ini. Mana-mana Jabatan Penyiaran apabila sampai masa keadaan darurat maka perlulah kita mengambil segera tempat-tempat penyiaran ini kerana kalau kita lewat mengambilnya, sudah barang tentu orang yang hendak mengambil kesempatan akan menggunakan tempat-tempat ini sebagai tempat mereka hendak mengumumkan kepada orang ramai bahawa mereka telah merampas kuasa, dan memerintah negara. Ini banyak berlaku di negara-negara luar dan tempat penyiaranlah yang menjadi tempat utama mereka mengumumkan mengenai kuasa mereka.

Yang lainnya saya rasa tidak ada apa yang saya hendak sentuh, sebab banyak perkara telah pun disentuh, sebab oleh rakan-rakan saya. Jadi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*7.04 mlm.*

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya dari Tasik Chenderoh, Pasir Putih, Gopeng, Balik Pulau, Padang Terap, Nibong Tebal, Lembah Pantai dan Maran di atas pandangan dan sokongan mereka kepada Rang Undang-undang Penyiaran, 1987 ini.

Saya amat menghargai segala pandangan-pandangan yang telah diberikan itu, kerana saya nampak pandangan-pandangan yang telah diberikan itu adalah baik dan daripada pandangan-pandangan yang telah diberi itu saya nampak juga bahawa di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat

memang merupakan peminat-peminat TV juga. Oleh itu dalam menunaikan tugas ini terutama dalam mengendalikan undang-undang ini, saya terpaksa menentukan bahawa segala-galanya berjalan dengan sempurna sebab kalau tidak sempurna akan terus dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat kita untuk mencari kebaikan dan kebaikan ini kadangkala hanya dapat kita sempurnakan melalui pelaksanaan sesuatu undang-undang. Dalam hubungan ini juga ingin saya menjelaskan bahawa undang-undang yang ada ini tidak bertujuan tidak baik dan tidak bermaksud bahawa undang-undang ini akan menyekat seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ataupun akan menimbulkan ketakutan sepertimana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Ini bukanlah bermaksud untuk menimbulkan ketakutan pihak swasta berbangkit daripada wujudnya undang-undang ini. Dan bukanlah maksud undang-undang ini untuk memberi kuasa yang amat luas bagi Menteri Penerangan untuk berbuat apa sahaja. Ini bukan maksudnya. Sepertimana yang saya katakan tadi, pertamanya ia bertujuan untuk menentukan bahawa perkembangan industri penyiaran di dalam negara kita berjalan sejajar dengan hasrat negara dan hasrat rakyat dan bahawa industri penyiaran di dalam negara ini baik yang dikendalikan oleh Kerajaan mahupun yang dikendalikan oleh pihak swasta akan terus menyumbang ke arah pertumbuhan dan perkembangan negara dan bangsa secara positif dan bukan sebaliknya.

Keduanya, ia bertujuan supaya segala sesuatu yang hendak disiarkan mestilah mengandungi nilai-nilai yang membina bukan nilai-nilai yang boleh merosakkan. Lebih-lebih lagi, menimbangkan bahawa Malaysia

merupakan sebuah negara yang sedang berkembang maju, yang mempunyai masalah-masalah yang banyak jua terutama keadaan sensitiviti yang ada di dalam negara, menimbangkan kepada Malaysia terdiri daripada masyarakat yang majmuk, maka kawalan yang akan dikenakan dari segi bahan ini bukanlah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi bahawa dalam jangkaannya akan menghalang rakyat Malaysia menerima maklumat yang bebas daripada luar. Ini bukan maksudnya, kerana dari segi rancangan-rancangan RTM mahupun rancangan-rancangan yang akan disiarkan oleh stesen-stesen televisyen di dalam negara yang akan mengandungi bahan-bahan yang dibuat di dalam negeri mahupun bahan-bahan yang diimport daripada luar negeri. Kita hanya hendak tahu apakah dia bahan-bahan di dalam negeri yang hendak dibuat atau disiarkan dan apakah pula bahan-bahan daripada luar negeri dan dibawa masuk dan disiarkan untuk tontonan masyarakat di sini.

Saya akui bahawa ada bahan daripada luar yang baik dan sebaliknya ada juga yang tidak baik. Saya juga akui bahawa ada bahan-bahan di Timur ini yang baik dan juga yang tidak baik. Kita akan terus mengizinkan mana satu yang baik dan mana yang dianggap tidak baik kita akan mengkaji sehalus-halusnya supaya perkara-perkara yang terlalu tidak baik, yang tidak akan menyumbangkan ke arah kesejahteraan negara dan rakyat, ini akan cuba kita kawal dengan sebaik-baiknya.

Maksudnya ialah kita tidak bertujuan untuk menjadikan masyarakat Malaysia ini sebagai masyarakat yang duduk di bawah tempurung, yang tidak dapat melihat dunia di luar daripada dunianya sendiri. Sebagai masyarakat dan

negara yang sedang berkembang, kita harus mendedahkan jua masyarakat kita kepada perkara-perkara yang berlaku di sekeliling dunia, kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di seluruh dunia, kepada perkembangan dan kemajuan ilmu yang kita fikir patut kita dedahkan bagi kepentingan masyarakat dan negara kita sendiri.

Oleh itu saya ingin menyatakan di sini bahawa bahan-bahan daripada luar yang kita fikir wajar yang mempunyai nilai-nilai yang baik, yang boleh menyumbang ke arah perkembangan dan kesejahteraan negara, ini akan terus kita izinkan disiarkan. Hanya sebelum ianya disiarkan maka perlulah ditapis dahulu dan dilihat apakah rancangan-rancangan itu memang baik dan apakah dia mengandungi. Mungkin rancangan itu baik tetapi di dalamnya apakah dia mengandungi?

Banyak perkara telah dibangkitkan tadi baik Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh, daripada Gopeng, juga daripada Balik Pulau, daripada Padang Terap dan berbagai lagi. Dan maklumlah perkembangan televisyen dan filem di dunia pada hari ini telah menuju kepada suatu perkembangan yang agak luar biasa.

Saya ambil satu contoh sahaja. Dahulu filem-filem yang dibuat di India, kalau dia hendak menyatakan bahawa seorang lelaki sedang bercinta dengan seorang perempuan, mereka tidak berpeluk, mereka tidak bercium, mereka hanya lari keliling pokok sambil bermain mata dan dengan gerakan yang membayangkan rasa cinta atau kalau dia betul-betul hendak menyatakan rasa cintanya kepada orang yang dia cinta, dia akan menyanyi dengan nyanyian yang amat merdu sekali. Hari ini kita dapati filem-filem daripada India pun akibat daripada perkembangan televisyen di

India sendiri dan adanya competition, dengan izin, yang amat besar antara televisyen dengan filem, kita dapati tidak banyak sekarang ini filem-filem India yang menunjukkan cintanya itu melalui lari di keliling pokok atau gerakan yang mengghairahkan atau nyanyian-nyanyian merdu malahan gambar yang sedemikian sudah memasuki ke bilik tidur.

Ada juga adegan-adegan dalam bilik tidur di atas katil yang dibuat sekarang akibat daripada persaingan antara TV dengan filem-filem. Itu di India sahaja dan sudah tentu perkembangan di barat pun lebih hebat lagi. Hari ini kalau tidak ada unsur "sex" rating kepada filem atau program itu akan turun.

Kita tengok sahaja sekarang iklan rokok, misalnya. Ada satu iklan rokok itu, dia mesti tunjukkan walaupun dia hendak menyatakan tentang pelancongan, tentang bercuti, dia mesti tunjukkan keadaan perempuan yang amat ghairah mungkin di tepi pantai dengan menggambarkan bentuk wanita itu yang boleh mengghairahkan padahal dia hanya hendak menjual rokok dia. Sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, kenapa hendak siarkan iklan rokok ini. Memang dari segi iklan yang menggambarkan rokok itu atau menghisap rokok itu tidak ada, iklan seperti itu memang sudah diharamkan siarannya melalui TV dan radio. Dasar Kerajaan mengenai iklan rokok ini di TV dan radio ialah supaya product sampingan atau hasil sampingan daripada syarikat rokok itu sahaja yang diizinkan untuk digunakan bagi iklan atau perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dikendalikan oleh syarikat rokok. Tetapi untuk menunjukkan keghairahan-keghairahan yang tidak menentu terutama di kalangan anak-anak muda, ini satu perkara yang kita harus kaji.

Saya setuju dan saya sukacita juga bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat semua setuju bahawa kawalan yang lebih rapi harus dibuat dan memang semangat daripada Akta ini sendiri yang paling penting ialah mengawal bahan-bahan yang akan disiarkan melalui radio dan TV khususnya melalui televisyen supaya bahan-bahan itu sesuai dan untuk ini Menteri akan diberi kuasa membuat peraturan-peraturan. Malahan ini bukanlah bererti Menteri boleh buat apa sahaja sebenarnya. Saya ingin memaklumkan, memandangkan bahawa masalah kandungan bahan-bahan siaran ini amat penting, apatah lagi dengan adanya stesen-stesen swasta pada hari ini maka Kerajaan merasa perlu mewujudkan suatu Jawatankuasa Kabinet yang akan menentukan apakah dia garis-garis panduan yang harus diikuti mengenai rancangan-rancangan di dalam TV dan radio ini.

Kerajaan telah pun melantik suatu Jawatankuasa Kabinet yang dianggotai oleh saya sendiri sebagai Menteri yang bertanggungjawab, keduanya Menteri Pelajaran, ketiganya Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, keempatnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Dato' Dr Mohamad Yusof Nor dan juga Menteri Belia dan Sukan iaitu Dato' Seri Haji Mohd. Najib.

Kami telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan garis-garis panduan atau satu etika yang harus diikuti bagi menentukan bahawa bahan-bahan yang akan disiarkan melalui radio dan TV ini adalah sesuai. Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat dan cadangan garis panduan itu sudah pun ada dan daripada apa yang sudah kami bincangkan dan kami persetujuan, tidaklah seperti yang dijangkakan oleh setengah-setengah Ahli Yang Berhormat tadi yang menyatakan kalau banyak sangat kawalannya nanti

tidak ada orang hendak tengok televisyen sebab tidak ada program-program yang baik yang boleh menarik hati penonton-penonton.

Sebenarnya daripada apa yang kita putuskan melalui panduan-panduan ini, kita akan cuba bersikap agak liberal sedikit dengan maksud bahawa bukanlah kita akan tunjukkan keganasan atau menunjukkan tentang hal-hal yang terlalu mengghairahkan tetapi lebih penting lagi ialah untuk membawa masuk nilai-nilai positif dan mendedahkan kepada masyarakat Malaysia nilai-nilai yang baik yang boleh mereka contohi atau tauladani supaya kemajuan negara dan kemajuan rakyat akan terus berjalan. Masalah perpaduan antara kaum akan dapat diwujudkan dengan lebih baik lagi. Masalah untuk menentukan bahawa nilai-nilai yang murni yang boleh diterima oleh masyarakat Malaysia dapat juga kita wujudkan dengan sebaik-baiknya.

Pendek kata pelaksanaan Akta ini dari segi kawalan bahan-bahannya akan kita laksanakan dengan sebaik-baiknya, dengan tidak mengeneppikan pula kepentingan-kepentingan nasional dan pencapaian matlamat-matlamat nasional daripada segala aspek yang ada. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang. Walaupun Menteri akan diberi kuasa membuat peraturan, tetapi Menteri juga akan dipandu oleh satu Jawatankuasa Kabinet mengenai kawalan, terutama kawalan bahan-bahan siaran ini. Saya percaya apabila undang-undang ini diluluskan nanti dan terlaksana bahawa kepentingan negara dan kepentingan rakyat jelata daripada semua pihak dan golongan akan tetap kami jaga dan kami pelihara.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang menganggap bahawa wujudnya undang-undang ini ialah untuk lebih mengawal TV3 atau untuk lebih menekan TV3. Ini bukan maksud

undang-undang ini. RTM pun kena kawal. Walaupun ianya sebuah Kerajaan, RTM pun mesti kita kawal dan TV3 pun dari segi kandungan yang akan disiarkan akan dikawal. Saya ingin menafikan bahawa maksud undang-undang ini ialah untuk menekan—tidak. Wujudnya TV3 memang baik, saya fikir, kerana ia merupakan satu persaingan yang sihat antara RTM dan TV3 dan memberi pilihan yang lebih luas kepada rakyat untuk menonton, sama ada hendak menonton RTM1 atau RTM2 ataupun TV3. Hanya timbul masalah kenapa kalau ada program dalam bahasa Cina atau filem Cina, kedua-dua stesen menyiarkan pada satu waktu atau mengapa kalau ada filem Melayu, kedua-dua stesen pun menyiarkan secara sama. Demikian juga dengan Berita, dahulu orang berkata mengapa pada pukul 8.00 malam kedua-dua stesen siarkan Berita juga, kedua-dua pun dalam Bahasa Malaysia juga. Banyak perkara seperti ini sudah dibangkitkan.

Dari segi Berita, saya ingin menyatakan bahawa Kabinet telah memutuskan bahawa semua stesen TV pada pukul 8.00 malam mesti menyiarkan Berita dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi 8.00 malam pada tiap-tiap hari itu merupakan masa perpaduan. Penggunaan Bahasa Malaysia dalam Berita pukul 8.00 malam itu merupakan titik-titik pertemuan dan perpaduan bagi semua rakyat. Sebab itu dahulu Berita Perdana di TV hanya disiarkan pada RTM1, sekarang RTM2 juga terpaksa menyiarkan Berita Perdana pada pukul 8.00 malam. Jadi tak ada pilihan, semua Berita Malaysia pada pukul 8.00 malam. Ini keputusan Kerajaan.

Dari segi gambar Cina dan gambar Melayu akan ada perubahan-perubahannya dan perubahan-perubahan ini akan dikaji kerana kalau saya sebut filem Cina, filem-filem itu bukan untuk orang-orang

Cina sahaja sebenarnya atau kalau ada filem Tamil pun bukan untuk orang-orang India sahaja. Kalau kita lihat daripada laporan atau kajian yang kita buat, ambil sahaja filem Tamil atau filem Hindi, yang menengok filem Tamil dan filem Hindi lebih banyak orang bukan India daripada orang India. Juga filem-filem bersiri daripada Hong Kong ini, yang menengoknya banyak juga penonton yang bukan Cina. Jadi kalau orang menganggap, kalau ada filem Cina itu untuk orang Cina sahaja. . . .

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta penjelasan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di Pertua, terhadap siri drama dari Hong Kong, saya ada menerima banyak komplek kerana ianya dalam bahasa Kantonis dan ramai orang Cina yang warganegara Malaysia bukan Kantonis. Ini satu masalah.

Yang keduanya, drama dari Hong Kong ini selalu menyiarkan cerita yang kurang sihat. Kalau kita mengkaji ceritanya yang penuh dengan keganasan, satu. Yang keduanya, moral pun tak baik, iaitu perempuan ikut laki "A" hari ini, esok ikut laki "B" dan sebagainya, seperti "Dynasty" pun sama juga. Saya berpendapat bahawa nilai yang dibayangkan oleh siri ini bukan nilai Malaysia, bukan nilai apa-apa bangsa Malaysia. Saya harap mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata perkara filem siri Cina ini mahupun filem movie Cina ini akan dikaji kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching memang benar

dan banyak sudah pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah diberi kepada RTM sendiri. Tetapi saya hendak menekankan bahawa semua rancangan RTM, baik dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris atau bahasa Tamil atau bahasa Cina, ia merupakan program-program untuk semua kaum sebab penonton-penontonnya, kalau dalam Bahasa Malaysia penontonnya pun semua kaum. Malahan pada hari ini kita dapati jumlah penonton yang bukan Melayu yang menonton rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia sudah meningkat sekali. Ini hasil daripada kejayaan kita melaksanakan dasar Bahasa Malaysia dan Dasar Pelajaran Kebangsaan di mana banyak anak-anak muda yang sedang bersekolah atau yang sedang menuntut untuk lebih memfasihkan dirinya dalam Bahasa Malaysia. Mereka banyak menonton rancangan-rancangan di dalam Bahasa Malaysia, rancangan bahasa Inggeris pun begitu juga. Sebagai satu alat hiburan, rancangan-rancangan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil juga diikuti oleh semua kaum.

Jadi dalam hal ini kita merasa sukacita bahawa semangat perpaduan melalui RTM atau Televisyen ini sudah dapat berkembang dengan baik. Oleh itu, kalau adalah tuntutan daripada golongan-golongan tertentu yang mengatakan bahawa dia berkehendakkan rancangan dalam bahasa dia mesti ditambah dan sebagainya, agak sukar sedikit saya hendak menimbangkannya kerana saya harap anggapan ini sebagai rancangan-rancangan nasional, tetapi atas kepentingan nasional kalau kita rasakan perlu daripada satu waktu ke satu waktu, ini akan kita timbangkan juga.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Inilah kerana kita tidak mahu rakyat Malaysia ini masih berfikir ikut petak-petak perkaumannya, kita

bertanggungjawab untuk memisahkan mereka daripada petak-petak ini, malahan tembok-tembok perkauman yang ada ini harus kita robohkan dengan seberapa segera supaya kita dapat menerima satu sama lain dengan lebih baik, kita dapat menikmati hiburan dalam semua bentuk pun dengan baik. . . .

**Tuan Liew Ah Kim: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Saya hendak habiskan dengan seberapa cepat, fasal banyak undang-undang lagi, tadi Yang Berhormat sudah pun bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Jadi ini saya harap rakyat mesti faham bahawa semua rancangan RTM adalah untuk semua kaum dan sekali lagi saya hendak menegaskan bahawa undang-undang ini bukan bermaksud untuk melemahkan sesiapa, kalau ada yang mengatakan bahawa ianya hendak melemahkan TV3—tidak. Malahan kita harap dengan adanya panduan-panduan yang akan diberi ini bahawa kedua-dua stesen baik RTM ataupun TV3 akan berusaha untuk memperbaiki lagi mutu persembahannya sesuai dengan peraturan-peraturan yang akan dibuat melalui undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau menyentuh tentang "direct broadcast" daripada satelit tentang keraguan yang dibangkitkan oleh beliau itu. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk tidak membenarkan rakyat menerima siaran secara langsung daripada satelit itu. Pada hari ini Kerajaan hanya membenarkan perwakilan-perwakilan

asing sahaja yang memerlukan maklumat daripada negaranya menerima signal daripada satelit ini dan bagi rakyat jelata Kerajaan tidak mengizinkan.

Namun begitu, masalah "direct broadcast" ini akan merupakan satu masalah nanti dan kita akan lihat perkara ini apabila sampai waktunya nanti, tetapi setidak-tidaknya melalui satelit ini RTM telah memperolehi faedah yang amat besar. Kita telah menggunakan satelit Palapa kepunyaan Indonesia bagi hubungan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak iaitu untuk membekalkan rancangan televisyen dan radio ke Sabah dan Sarawak daripada Angkasapuri.

Dengan adanya hubungan satelit ini hampir seluruh Indonesia sekarang atau hampir semua rakyat Indonesia sekarang dapat menonton rancangan-rancangan RTM1 kerana Kerajaan Indonesia telah memberikan rakyatnya menerima signal daripada satelit untuk program RTM1 yang kita siarkan ke Sabah dan Sarawak untuk ditonton oleh rakyat Indonesia.

Di Papua New Guinea pun rancangan-rancangan RTM dapat diterima, malahan di sebuah pulau kecil iaitu di Pulau Kelapa atau Pulau Kokos, rakyat di Pulau Kokos pun menerima signal daripada RTM. Selain daripada itu, seluruh Singapura diliputi oleh siaran RTM, seluruh Brunei Darussalam, Selatan Thailand dan sebahagian daripada Filipina. Ini bererti RTM pada hari ini memainkan peranan yang lebih besar. Ia telah menjadi salah satu regional station yang penting yang mana siaran-siarannya diikuti oleh lebih kurang 100 juta rakyat, boleh jadi lebih.

Oleh itu adalah mustahak bagi RTM sendiri memperbaiki rancangan-rancangan. Sebab itu, pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat

mengenai pembaikan rancangan-rancangan ini saya terima dengan baik dan akan cuba kita laksanakan dengan sebaik-baiknya. Tetapi RTM sendiri ada kemampuan, apatah lagi menimbang RTM pada hari ini apabila dengan tenaganya yang kurang dan dengan peralatan yang agak sudah lama, kerana peralatan daripada RTM ini terutama peralatan pembentukan warnanya sudah pun berumur 10 tahun, baik kameranya dan bahan yang ada di studio, mahupun dari segi transmittersnya dan mengikut apa yang saya dimaklumkan alat-alat ini mesti diganti dalam masa 15 tahun. Bererti dalam masa 5 tahun lagi kita terpaksa menggantikan alat-alat ini dan perbelanjaan untuk menggantikan alat itu memang mahal.

Walaupun kita bekerja dalam keadaan yang amat berat juga, kami menganggap ini sebagai satu cabaran dan kami akan cuba untuk menunaikan tanggungjawab ini dengan baik dan dapat memuaskan hati semua pihak. Namun begitu, untuk kepentingan RTM sendiri dan juga untuk menggalakkan pihak swasta sama-sama mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan RTM dan membantu RTM berkembang dengan lebih positif dan untuk menentukan peningkatan mutu yang ada, maka penswastaan yang telah kita lakukan seperti Drama Swasta yang telah pun berjaya akan diperluaskan lagi kepada program-program yang lain. Ini secara prinsipnya telah kita bersetujukan dan sekarang kita sedang memikirkan peraturan-peraturan yang akan kita wujudkan.

Dengan cara ini kita dapat juga membantu perkembangan dan pertumbuhan industri filem tempatan yang memang memerlukan sokongan daripada RTM sendiri dan untuk menentukan bahawa penggambaran-penggambaran yang akan dibuat adalah lebih sempurna. Ini berbangkit

daripada pandangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

Saya ingin memaklumkan bahawa ada "film shooting" di dalam studio dan ada "shooting" di luar studio. Kadangkala di dalam studio itu kita terpaksa hendak membeli pokok plastik yang nampak hidup dan memang harganya mahal. Kadangkala kita terpaksa potong, terbang, pacak dalam pasu, nampak dia macam pokok yang hidup tetapi setelah beberapa jam dihentam oleh cahaya yang agak panas keringlah dia. Dan untuk mengatasi masalah ini, maka penggambaran yang dibuat oleh RTM sekarang banyak di luar studio dan untuk membantu RTM di dalam membuat rancangan-rancangan yang bermutu dan supaya kemudahan-kemudahan yang ada ini akan dapat mengurangkan kos pengeluaran rancangan-rancangan, Kementerian telah meminta kepada FINAS bagi menimbangkan untuk mewujudkan satu "film village" di mana di dalam perkampungan filem itu dan akan disediakan lokasi-lokasi untuk penggambaran akan diadakan set-set yang sudah siap. Melalui perkampungan filem-filem ini yang akan digunakan oleh industri filem dan juga oleh RTM nanti, kita harap kos pengeluaran akan dapat kita kurangkan dan mutu daripada rancangan-rancangan yang akan dibuat melalui "film village" ini akan juga ditingkatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Banyak lagi Yang Berhormat?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Saya hendak habiskan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang hendak saya sebutkan.

Sebelum saya habiskan, ada satu lagi teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Maran di mana siaran

pertandingan sepak takraw pada Hari Raya menyeberang kepada waktu Maghrib. Itu saya mohon maaf, sebab kita telah menjadualkan siaran secara langsung itu daripada pukul 3.00 sampai pukul 6.00 petang. Kita menjangkakan pertandingan akhir itu akan tamat pada pukul 6.00 petang tetapi Pasukan Kedah tak mahu mengalah kepada Wilayah dan Pasukan Wilayah pun tak mahu mengalah kepada Kedah. Permainan berlangsung kepada "rubber set". Malaysia pun tak mahu mengalah kepada Thailand dan Thailand pun tak mahu mengalah kepada Malaysia dan permainan akhir ini berlangsung kepada "rubber set", maka terpaksa memang masa yang agak panjang sehingga menyeberang waktu Maghrib dan menyeberang juga waktu Isyak. Tetapi walaupun ada rancangan siaran langsung tetapi apabila tiba waktu azan Maghrib dan waktu Isyak, RTM tetap mengingatkan penonton bahawa waktu Maghrib dan waktu Isyak telah sampai.

Bukanlah maksud kita untuk memperkecil-kecilkan kedudukan Islam dan umat Islam oleh kerana ianya merupakan satu siaran langsung atas perkara yang agak penting juga, maka siaran langsung itu terpaksa diteruskan sehingga akhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang hendak saya bangkitkan dalam jawapan saya ini. Sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan segala pandangan itu akan diambil perhatian dan tindakan. Saya harap Rang Undang-undang ini dapat diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 23—*

*7.43 mlm.*

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 9 dan ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pembatalan ataupun penggantungan lesen. Dalam Fasal 9 ini ada tersebut bahawa "Menteri boleh . . . . menggantung atau membatalkan suatu lesen yang diberi di bawah Bahagian ini jika dia berpuas hati bahawa salah satu daripada alasan-alasan berikut wujud."

Ada berbagai alasan di sini iaitu di (a) sampai ke (g). Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri mengenai alasan (c) dan alasan (g), dan minta Yang Berhormat memberi penjelasan apakah yang dimaksudkan di bawah alasan (c) dan (g) yang berbunyi:—

- “(c) Pemegang lesen tidak lagi menjadi seorang yang layak dan sesuai untuk memegang lesen; dan
- (g) Adalah lebih baik untuk kepentingan awam, atas suatu sebab khas untuk berbuat demikian.”

Saya ingin mendapat penjelasan atas apakah yang dimaksudkan “suatu sebab khas” itu.

*7.45 mlm.*

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Fasal 10 (2) yang menyatakan

bahawa Menteri boleh melarang satu siaran melalui notis yang dihantar dengan telegram atau surat atau apa-apa bentuk komunikasi yang lain. Dan stesen yang menerima notis Menteri itu dikehendaki mematuhi notis dengan segera.

Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri sama ada melalui kuasa ini Menteri boleh menghantar satu teleks kepada satu stesen seperti stesen TV3 dan meminta satu siaran diberhentikan dengan serta-merta. Sekiranya Menteri berkuasa boleh berbuat demikian, sama ada ini akan menjejaskan sektor swasta yang mencari keuntungan daripada perusahaannya—sama ada perniagaan atau businessnya akan dijejaskan. Ini minta penjelasan Menteri.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri, sila.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 10 (2) tentang notis ini, ini dalam keadaan yang agak luar biasa. Katakanlah ada satu drama yang keluar pada suatu stesen dan drama itu menceritakan satu keadaan yang berlaku, katakanlah di negara ini drama yang berbentuk rekaan sahaja dan drama itu menyebutkan bahawa “Kuala Lumpur sedang dibom sekarang”. Itu sebagai satu cerita atau satu rekaan. Tentu perkara yang sedemikian itu boleh menggemparkan sekali.

Bagi orang yang menonton menganggap benda itu betul. Jadi, dalam keadaan yang demikian, kalau hendak buat surat pun tentu akan memakan masa untuk memberhentikan siaran itu sahaja. Tentu cara yang paling cepat sekali untuk mengelakkan rakyat dan negara menjadi gempar maka boleh dihubungi dengan telefon, ataupun dengan telegram. Itu dalam keadaan yang amat luar biasa dan untuk mengelakkan sebarang kegemparan

dari berlaku akibat cerita yang tidak sah, yang boleh membimbangkan rakyat jelata. Itu sebagai satu alasan sahaja yang saya beri dalam keadaan yang tertentu oleh kerana hal itu dirasakan amat mendesak.

Mengenai Fasal 9, ianya tertakluk kepada masalah kandungan rancangan-rancangan. Akan diadakan peraturan-peraturannya dan kalau ada sebarang pelanggaran daripada peraturan-peraturan maka tindakan akan kita ambil. Tetapi sebelum tindakan diambil, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita akan meneliti dengan sebaik-baiknya.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apa Yang Berhormat minta penjelasan tadi ialah mengenai Fasal 9 (1) (c) atas apakah maksud "seorang yang layak" dan mengenai Fasal 9 (1) (g) apa maksud "suatu sebab khas".

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** "Sebab khas" tadi ialah perkara-perkara yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau perkara-perkara yang dianggap boleh menjejaskan ketenteraman awam.

Mengenai Fasal 9 (1) (c) jika sekiranya pemegang lesen ini keadaannya tidak waras atau dia tidak siuman lagi, tentulah tidak wajar dan tentulah ianya dianggap sebagai kehilangan kelayakannya dalam keadaan-keadaan yang tertentu dan bukanlah untuk sebarang hal sematamata.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sekarang saya merujuk kepada Fasal 16 berkaitan dengan mengkompaunkan kesalahan.

Di sini di bawah Fasal 16 ada tersebut bahawa kuasa diberi oleh Menteri kepada mana-mana pegawai untuk mengkompaun sesuatu

kesalahan di bawah Seksyen 14 atau mana-mana peraturan dibuat di bawah Bahagian V dengan menerima daripada mana-mana orang dengan munasabah disyaki telah melakukan kesalahan tersebut, suatu jumlah wang tidak melebihi \$300.

Di bawah Seksyen 14 yang dimaksudkan itu ada tersebut bahawa tidak seorang pun boleh memasang ataupun mengendalikan mana-mana alat terima siaran dan jika didapati salah di bawah subseksyen (2) melakukan satu kesalahan dan apabila disabit boleh dikenakan denda tidak melebihi \$3,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 12 bulan dan dalam mana-mana satu hal alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen yang dipasang atau dikendalikan tanpa lesen boleh dilucut hak.

Jadi, soalan saya, adakah kuasa yang diberi kepada pegawai tadi di bawah Fasal 16 untuk menerima kompaun tidak melebihi \$300 termasuk kuasa untuk melucut hak alat-alat yang didapati dalam rumah tersebut? Itu satu.

Kedua, adakah kuasa ini termasuk juga kuasa mengkompaun seseorang yang menghalang seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menggeledah mana-mana premis di bawah seksyen 19 (2) kerana dalam Fasal 16 ada disebut bahawa mana-mana pegawai boleh mengkompaun sesuatu kesalahan di bawah seksyen 14 dan juga mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian V. Di bawah Fasal 19 (2), termasuk juga di bawah Bahagian V, mana-mana orang yang tidak memberi pegawai tersebut access kepada premis atau kenderaan atau sebaliknya menggagal atau menghalangnya memasuki ke tempat itu adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi \$2,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi

6 bulan atau kedua-duanya. Jadi, soalan yang kedua, adakah Fasal 16 ini memberi kuasa kepada pegawai itu mengkompaun kesalahan yang disebutkan di bawah seksyen 19 (2) juga?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, bukankah itu jelas dalam peraturan di sini? Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Menjawabnya, tidak.

*Fasal 1 hingga 23* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.54 mlm.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terperinci tentang bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987. Pindaan-pindaan penting kepada Akta tersebut ialah seperti berikut.

Dalam Akta Persatuan Nelayan 1971, tidak diberi tafsiran yang jelas mengenai "Persatuan Nelayan". Dalam Rang Undang-undang ini telah diberi tafsiran bahawa Persatuan

Nelayan, bermakna Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan Nelayan Kebangsaan. Tafsiran yang jelas bagi ketiga-tiga peringkat Persatuan Nelayan dapat mengurangkan pertindihan fungsi, aktiviti atau projek. Satu garis panduan telah pun disediakan oleh LKIM untuk membezakan ketiga-tiga peringkat Persatuan Nelayan. Akta Persatuan Nelayan 1971 tidak membenarkan Persatuan Nelayan menjalankan aktiviti-aktivitinya tanpa melibatkan ahli-ahli secara langsung. Dari pengalaman Persatuan Nelayan adalah sukar bagi mereka untuk melibatkan semua ahli-ahlinya dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Oleh kerana itu, aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah terhad. Memandangkan kepada penyelesaian masalah ini adalah perlu, subseksyen yang berkenaan telah dipinda dan Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 ini memberi kebenaran kepada Persatuan Nelayan itu sendiri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi tanpa memerlukan penglibatan ahli-ahlinya. Namun demikian, ahli-ahli masih mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Nelayan.

Akta Persatuan Nelayan 1971 tidak mempunyai peruntukan yang nyata sama ada ia membolehkan Persatuan Nelayan menceburi, tanpa ragu-ragu, bidang perniagaan dan perusahaan seperti membeli ekuiti dan menubuhkan syarikat yang boleh mendatangkan keuntungan dan memberi lebih manfaat kepada ahli. Perluasan skop kegiatan Persatuan Nelayan seperti yang dibenarkan di bawah Rang Undang-undang ini akan mendorong Persatuan Nelayan mempergiatkan usaha ke arah mencapai matlamat dasar-dasar Kerajaan untuk memajukan sosio-ekonomi nelayan dan industri perikanan. Walaupun kuasa yang luas

diberi kepada Persatuan Nelayan menubuhkan syarikat membuat usahasama dan memiliki ekuiti, tetapi ianya perlu memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu. Di antara syarat-syaratnya ialah sebuah Persatuan Nelayan yang ingin menubuh syarikat atau menyertai ekuiti mesti mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu dari Pendaftar dan dalam memberi kebenaran tersebut, Pendaftar berkuasa untuk mengenakan apa-apa syarat wajar.

Di antara cadangan, syarat-syarat bagi penubuhan anak syarikat ialah hanya Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) atau Persatuan Nelayan Negeri sahaja boleh menubuhkan anak syarikat dan Persatuan Nelayan berkenaan mestilah memiliki modal berbayar tidak kurang dari \$500,000. Persatuan Nelayan kawasan tidak dibenar menubuhkan anak syarikat kecuali mendapat kebenaran Menteri. Walau bagaimanapun, Persatuan Nelayan Kawasan boleh memiliki saham dalam anak syarikat. Kerana adanya kuasa ini, Kementerian Pertanian berpendapat penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti oleh Persatuan Nelayan dapat dikawal dan Persatuan Nelayan akan lebih berhati-hati untuk menubuh anak syarikat atau memiliki ekuiti.

Dalam Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987, kuasa tambahan diberi kepada Pendaftar untuk menghad dan mengawalselia aktiviti-aktiviti Persatuan Nelayan bagi memastikan tidak berlakunya penyelewengan dan persaingan perniagaan yang tidak sihat di kalangan Persatuan Nelayan. Manamana Persatuan Nelayan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar di bawah Perkara 5 (2) atau 5 (3) iaitu kelulusan penubuhan syarikat atau pemilikan ekuiti serta syarat-syarat bagi mengawalselia, boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan

itu dibuat dan apa-apa keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah.

Akta Persatuan Nelayan 1971, seksyen 11 (3) melarang seorang menjadi ahli dalam lebih dari satu Persatuan Nelayan Kawasan. Perkara ini lebih mengelirukan apabila seksyen 2 Akta ini mentakrifkan Persatuan Nelayan adalah termasuk sesuatu syarikat kerjasama nelayan. Ini telah menimbulkan masalah dan terdapat nelayan-nelayan yang menjadi ahli Persatuan Nelayan Kawasan di samping menjadi ahli Syarikat Kerjasama Nelayan.

Kedadaan ini berlaku di setengah-setengah kawasan dan sukar dicapai suatu keputusan kecuali dengan membuat pindaan ke atas seksyen berkenaan dalam Akta ini. Bagi mengatasi masalah tersebut, dimasukkan satu peruntukan baru iaitu subseksyen 11(7) yang memberi pengecualian kepada seorang nelayan supaya ia boleh menganggotai dua pertubuhan nelayan iaitu Persatuan Nelayan Kawasan dan Syarikat Kerjasama Nelayan dalam masa yang sama.

Seksyen 11 Akta Persatuan Nelayan, 1971 tidak mempunyai peruntukan bagi membolehkan suatu daftar atau senarai anggota sesebuah Persatuan Nelayan dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan *prima facie*. Dalam Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan), 1987, seksyen ini diperluaskan bagi membolehkan perkara tersebut dikemukakan ke mahkamah, jika perlu.

Kuasa Persatuan Nelayan untuk membuat pinjaman tidak diperuntukkan dalam Akta Persatuan Nelayan, 1971. Kuasa ini, walau bagaimanapun, diperuntukkan dalam perlembagaan sesebuah Persatuan Nelayan. Oleh itu kuasa ini telah

diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 bagi mengelakkan kemungkinan perlembagaan sesebuah Persatuan Nelayan terkeluar dari kuasa yang diberikan oleh Akta ini atau, *ultra vires*, dengan izin.

Dalam Akta Persatuan Nelayan, 1971, tidak ada peruntukan yang memberi kuasa kepada Persatuan Nelayan untuk melabur kumpulan wangnya dalam mana-mana badan atau institusi. Peruntukan ini adalah perlu bagi memastikan pelaburan wang yang dibuat adalah terjamin dan sah dari segi undang-undang.

Peruntukan Seksyen 25 Akta Persatuan Nelayan, 1971 hanya memberi kuasa kepada Pendaftar atau wakilnya mengaudit akaun Persatuan Nelayan tanpa memberi kuasa-kuasa tambahan seperti membuat perintah mana-mana orang yang terlibat memberi keterangan ke atas akaun yang berkenaan. Kuasa seperti ini, walau bagaimanapun, terdapat dalam Seksyen 35C (2) Akta Syarikat Koperatif 1948, (Semakan) 1983. Oleh yang demikian, peruntukan yang sama perlu diadakan dalam Akta Persatuan Nelayan iaitu seksyen baru 25A bagi membolehkan Pendaftar melaksanakan tugasnya dengan lebih rapi, teliti dan berkesan. Ini bertujuan untuk membolehkan tindakan diambil ke atas mereka yang melakukan penyelewengan dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah Persatuan Nelayan.

Peruntukan ini juga membolehkan Pendaftar memerintahkan segala wang atau harta yang telah disimpan secara tidak jujur atau yang telah disalahgunakan dikembalikan.

Peruntukan Seksyen 32 Akta Persatuan Nelayan, 1971 hanya memberi kuasa kepada mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap sesiapa yang cuai, memberi maklumat

palsu, tidak menurut permintaan bertulis atau melanggar atau tidak mematuhi apa-apa kehendak lain dalam Akta atau kaedah yang dibuat di bawahnya.

Seksyen 32A yang baru membolehkan catatan-catatan dalam buku-buku Persatuan Nelayan diterima dalam mana-mana prosedur undang-undang sebagai keterangan *prima facie* yang menjadi bukti terhadap kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh sesiapa juga yang berkaitan di dalam perbicaraan mahkamah. Keluasan seksyen ini dapat melicinkan proses perbicaraan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 dapat meluaskan lagi aktiviti Persatuan Nelayan terutama dalam bidang ekonomi sesuai dengan perkembangan semasa. Walaupun kuasa-kuasa Persatuan Nelayan bergiat dalam bidang perniagaan dan perdagangan diperluaskan, Rang Undang-undang pindaan ini juga memperuntukkan kuasa yang secukupnya kepada Pendaftar Persatuan Nelayan untuk mengawal kegiatan tersebut dan mengambil tindakan yang perlu terhadap apa-apa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di bawah Akta ini.

Kementerian Pertanian mengambil berat tentang semua perkara ini dan berharap dengan adanya pindaan-pindaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, matlamat bagi membangunkan sosio-ekonomi nelayan dan industri perikanan keseluruhannya boleh dicapai.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan, 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Marang.

8.05 mlm.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan), 1987 yang telah dibaca buat kali yang kedua oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sebentar tadi.

Terlebih dahulu izinkan saya memberikan penerangan yang serba ringkas mengenai Persatuan Nelayan yang telah ditubuhkan dengan kuatkuasa Rang Undang-undang Persatuan Nelayan pada 2hb September, 1971. Persatuan Nelayan adalah merupakan sebuah institusi nelayan yang secara asasnya bertujuan untuk:

- (a) menyelaraskan badan-badan nelayan yang telah ditubuhkan supaya menjadi satu badan nelayan yang kukuh dan berdikari;
- (b) mempercepatkan proses peningkatan taraf sosio-ekonomi nelayan ke arah mewujudkan masyarakat nelayan yang maju, bebas dari kemiskinan;
- (c) memupuk semangat bekerjasama dan berusaha memperbaiki mutu kehidupan nelayan; dan
- (d) memudahkan penyaluran bantuan Kerajaan kepada masyarakat nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa bersyukur kerana sejak pemakaian Akta Persatuan Nelayan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak pada tahun 1971, bilangan Persatuan-persatuan Nelayan yang telah ditubuhkan adalah sebanyak 61 buah Persatuan Nelayan Kawasan, iaitu 51 di Semenanjung Malaysia dan 10 di Sarawak. Seramai kira-kira 40,000 orang nelayan telah menjadi ahli Persatuan Nelayan Kawasan dan 14,000 orang lagi telah menjadi ahli kepada 40 buah Syarikat Kerjasama Nelayan yang telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat Koperatif, 1948. Jumlah nelayan seramai kira-kira 60,000 orang yang telah menjadi ahli kepada kedua-dua pertubuhan ini ialah sebanyak 63% daripada jumlah nelayan keseluruhannya seramai lebih kurang 100,000 orang, tidak termasuk Sabah seramai 15,000 orang.

Untuk membolehkan Persatuan Nelayan bergiat demi kepentingan ahli-ahlinya, berbagai bentuk khidmat sokongan telah diberikan oleh Kerajaan. Di antaranya ialah penempatan pegawai, kakitangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Persatuan-persatuan Nelayan untuk memastikan bahawa pentadbiran dan perjalanan urusan projek-projek Persatuan Nelayan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan kemudahan pejabat kepada Persatuan Nelayan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun setiap nelayan yang menjadi ahli akan membeli saham Persatuan, tetapi jumlah saham dimiliki adalah terlalu kecil iaitu antara \$5 sehingga \$10 sahaja. Jumlah ini sukar untuk membolehkan Persatuan Nelayan menjalankan projek dengan hanya mengharap modal saham daripada kutipan saham ahli-ahli. Oleh itu, untuk membantu membangunkan Persatuan Nelayan, Kerajaan telah memperuntukkan modal pelancaran

(launching grant) kepada Persatuan-persatuan Nelayan.

Daripada tahun 1977 hingga 1983, sebanyak \$9 juta modal pelancaran telah diberikan kepada Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan yang melibatkan sebanyak 321 buah projek-projek ekonomi. Projek-projek yang dijalankan adalah merupakan projek-projek yang menyediakan kemudahan asas menangkap ikan dan keperluan harian kepada nelayan seperti air batu, minyak diesel, alatganti, kedai runcit akuakultur dan sebagainya. Secara keseluruhannya, sambutan nelayan terhadap projek-projek ini adalah menggalakkan. Jelaslah didapati bahawa projek-projek ekonomi yang dijalankan oleh Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan ini telah dapat membantu untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi masyarakat nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan, Negeri dan Kebangsaan atau ringkasnya NEKMAT, telah lengkap ditubuhkan mengikut kuatkuasa Akta Persatuan Nelayan, 1971 yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini sebagai satu langkah Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Dalam usaha Kerajaan membasmi kemiskinan, kita telah lihat kadar kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan telah menurun. Contohnya: 1970—73.7%; 1976—62.7%; 1980—48.3%; 1984—27.7%. Kemajuan yang telah dicapai ini adalah hasil daripada kejayaan Kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan serta melibatkan masyarakat nelayan sendiri dalam proses pembangunan. Kejayaan ini juga dapat memperjelaskan bahawa falsafah yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi

Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Dewan yang mulia ini pada 29hb Mac, 1984 semasa membentangkan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang berbunyi:

“Walaupun bantuan wang yang akan diberi oleh Kerajaan dalam keadaan tertentu dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan, kita akan bergantung lebih kepada membekal ilmu dan kemahiran dan mewujudkan peluang dan rancangan yang akan membolehkan rakyat mendapat pendapatan dengan usaha mereka sendiri.”

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perangkaan ada menampakkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan telah menurun tetapi umum mengetahui bahawa nelayan-nelayan, terutamanya nelayan Melayu yang masih mengusaha sampan-sampan, perahu-perahu berenjin sangkut dan bot berenjin dalam yang menggunakan perkakas tradisi masih lagi miskin. Mereka hanya mampu untuk menerokai perairan pantai dan akan lebih malang lagi hanya mampu menjadi pemerhati pada usaha-usaha penangkapan ikan laut dalam di negara sendiri. Mereka tidak mempunyai modal untuk memiliki bot-bot besar, juga mereka tidak ada tanah untuk dicagarkan kepada bank-bank dalam mendapatkan pinjaman modal untuk membina bot-bot besar yang bernilai di antara \$200,000 hingga \$300,000. Malahan bot-bot ini masih kecil kalau dibandingkan dengan bot yang digunakan oleh syarikat tempatan yang bekerjasama dengan pihak swasta Thai yang menelan belanja lebih kurang \$800,000 bagi sebuah bot laut dalam. Kalaulah mereka mengharapkan kepada Persatuan Nelayan untuk mencebur diri dalam bidang laut dalam, mereka juga akan kecewa. Persatuan-persatuan juga dianggotai oleh nelayan-nelayan pantai yang

tidak dapat menyumbangkan modal saham yang begitu banyak. Persatuan juga tidak dapat membuat pinjaman dan bank untuk mengadakan modal sebanyak \$800,000 bagi sebuah bot. Untuk meneroka laut dalam ianya tidaklah memadai dengan sebuah bot. Ianya mestilah ada satu bilangan bot yang boleh menjadi satu angkatan (armada) bot dalam lingkungan 30-40, yakni satu armada angkatan nelayan laut dalam, dan ini hendaklah dilaksanakan mulai tahun depan dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam arus perkembangan ekonomi negara semasa, Persatuan-persatuan Nelayan tidak dapat memainkan peranannya seperti yang diharapkan oleh Kerajaan untuk memajukan sektor perikanan negara ketika ianya digubal dalam tahun 1971. Penemuan perusahaan perikanan laut dalam Malaysia hanya boleh dimulakan dalam tahun 1985 selepas Dewan yang mulia ini meluluskan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1985. Ketika itu perairan menangkap ikan negara hanya dari kosong hingga 12 batu yang mempunyai keluasan kira-kira 46,000 batu persegi telah diperluaskan hingga menjadi 200 batu nortika menjadikan keluasan perairan negara hingga 160,000 batu persegi. Impian peneroka perikanan laut dalam di Malaysia yang menjadi igauwan usahawan-usahawan dan nelayan tempatan dalam hanya bermula pada 19hb September, 1987 sempena pelancaran bersama 40 buah bot tuna kepunyaan syarikat tempatan—Kassim dan Idrus ataupun K&I Industries (Malaysia) Sdn Bhd yang bekerjasama dengan syarikat White Star dari Thailand oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dengan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand di Kuantan baru-baru ini.

Penubuhan Persatuan Nelayan (NEKMAT) pada bulan November, 1985 dengan modal pelancaran dari

Kerajaan sebanyak \$5 juta untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 dikira tidak berupaya untuk mengembangkan modal tersebut dalam memajukan industri perikanan di negara ini di samping meninggikan taraf hidup nelayan. Dengan modal yang ada, NEKMAT tidak boleh membeli saham dalam Syarikat Laut Dalam. Syarikat K&I juga tidak boleh membeli saham dalam kilang jaring Norsham Sdn. Bhd. atau dalam kilang-kilang mengetin ikan ataupun dalam syarikat membina bot seperti Syarikat Limbungan Timur yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu untuk membina bot-bot perikanan. NEKMAT juga tidak boleh meminjamkan modal-modal tambahan dari bank-bank perdagangan untuk melaburkan modal-modal tersebut dalam mana-mana syarikat yang dibenarkan oleh Pendaftar ataupun menubuhkan anak-anak syarikat. Malahan NEKMAT juga tidak boleh mengambil alih projek-projek komersial yang dijalankan oleh LKIM dan sebagainya. Begitulah juga yang terjadi kepada persatuan-persatuan Nelayan di kawasan dan juga di negeri.

Kebenaran untuk meminjam, melabur dan menubuhkan syarikat-syarikat adalah merupakan sebahagian besar dari pra syarat pada pembesaran pelaburan dan pemilikan harga modal yang lebih besar bagi persatuan untuk bertanding dalam dunia perdagangan bebas yang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah badan induk kepada Persatuan-persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan, keadaan kewangan yang ada tidak mencukupi bagi NEKMAT untuk membantu ahli-ahlinya menikmati kekayaan-kekayaan yang boleh dihasilkan dari pembangunan sektor perikanan. Pada hakikatnya, Persatuan Nelayan sebagai sebuah

persatuan yang diperbadankan seharusnya boleh melakukan perkara-perkara yang tersebut di atas untuk menjadi pemaju kepada industri perikanan dan penyelamat kepada masyarakat nelayan. Akan tetapi Akta Persatuan Nelayan yang digubal dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1971 tidak memberi kuasa kepada Persatuan Nelayan untuk melakukan perkara-perkara seperti berikut:

- (1) membeli saham-saham syarikat yang dibenarkan;
- (2) menubuhkan anak syarikat;
- (3) melaksanakan projek secara tidak langsung; dan
- (4) tidak boleh membuat pinjaman dari Institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau bantuan wang kita telah berikan, kalau pemimpin-pemimpin nelayan kita telah dilatih dengan soal-soal perundangan dan pengurusan persatuan, kalau perancangan-perancangan kita aturkan dengan bantuan pakar yang dijemput dari luar negeri seperti pakar FAO untuk memajukan rancangan pembangunan Persatuan Nelayan, namun ianya pasti tidak akan membuahkan hasil yang baik untuk dinikmati sekiranya persatuan itu sendiri dibelenggu oleh undang-undang yang digubal pada tahun 1971. Justeru itu, saya merasakan langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian dengan agensinya LKIM mengkaji semula pindaan kepada Akta Persatuan Nelayan seperti yang dibentangkan dan dibacakan buat kali kedua tadi patutlah disanjung tinggi kerana tepat pada waktunya dan diucapkan syabas. Rantainya halangan yang disebutkan tadi digugurkan bagi membolehkan Persatuan Nelayan mengambil bahagian yang cergas dalam bidang-bidang perikanan yang menjadi semakin luas dan dinamik dengan

pelancaran era baru perikanan laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengakui bahawa mungkin ada pihak yang akan mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri mempergunakan Persatuan Nelayan dengan kelonggaran syarat-syarat yang membolehkan Persatuan Nelayan mengambil bahagian cergas dalam perniagaan. Namun begitu, saya amat berterima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian, dengan nasihat pihak Peguam Negara untuk menguatkan lagi kuasa pengawalseliaan yang diberikan kepada Pendaftar dalam mengawasi pergerakan Persatuan-persatuan Nelayan mengikut Akta Persatuan Nelayan yang baru dipinda. Kuasa juga diberi kepada Pendaftar untuk mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai Persatuan Nelayan yang mungkin cuba mengikut jejak langkah pegawai Koperasi Pengambilan Deposit.

Walau bagaimanapun, kita merasa bertuah kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kita sendiri selaku Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Sanusi sendiri yang akan mengawasi Akta Persatuan Nelayan ini, terkenal dengan kesungguhannya untuk mengawal percubaan-percubaan penyelewengan yang hendak dilakukan oleh pegawai-pegawai dan Lembaga Pengarah Persatuan-persatuan Nelayan, insya Allah.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas bacaan kali kedua Rang Undang-undang Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 untuk diterima dan diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jemput Yang Berhormat dari Pontian.

8.20 *mlm.*

**Tuan Law Lai Heng (Pontian):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama berdiri membahs Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi dan saya menyokong benar apa huraian dan hujah-hujah yang telah disampaikan oleh beliau. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Pindaan Rang Undang-undang ini yang telah melegakan antara ahli-ahli Persatuan Nelayan dan juga ahli-ahli Syarikat Kerjasama Nelayan yang ditubuhkan dalam negara kita ini. Dengan pindaan ini saya fikir dari segi perindustrian perikanan pada masa hadapan akan terjamin lagi kerana kedua-dua persatuan dan juga Syarikat Kerjasama Nelayan itu akan bekerjasama meningkatkan perindustrian perikanan itu.

Pada masa yang lampau—sebelum pindaan yang dibuat ini akan disahkan sebentar lagi, memang ada kekeliruan antara ahli-ahli satu-satu Syarikat Kerjasama dengan Persatuan Nelayan itu sentiasa telah dibangkitkan semasa mereka itu mengadakan mesyuarat agung dan sebagainya atau perjumpaan-perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan juga dengan Wakil-wakil Rakyat di kawasan-kawasan yang tertentu. Saya percaya dengan adanya pindaan ini kedua-dua pertubuhan iaitu Persatuan Nelayan dan juga Syarikat Kerjasama Nelayan kita ini dapat berganding bahu bersama-sama meningkatkan usaha dalam segi perikanan kita ini.

Saya percaya dengan adanya penggalakan ini, kedua-dua pertubuhan ini dapat menunaikan tujuan-tujuan yang mulia dan juga semangat-semangat dan kerjasama dari segi semua aspek dan juga saya percaya dengan adanya pelaburan itu akan meningkatkan lagi taraf hidup nelayan-nelayan kita yang mana kita sudah tujukan.

Dengan ini, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang sepertimana yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian kita sebentar tadi. Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

8.23 *mlm.*

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian sedikit sahaja berhubung dengan suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971.

Sungguhpun di Wilayah Persekutuan tidak ada nelayan tetapi dalam masalah ini kita tahu dalam soal nelayan ini mereka jugalah yang bertanggungjawab memberikan kita benda makanan seperti ikan dan seterusnya dan nelayan-nelayan inilah berhempas-pulas di lautan dalam, di samudera yang begitu luas, bergadai nyawa dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, dengan adanya Akta Persatuan Nelayan ini saya rasa memanglah begitu baik, kita alu-alukan usaha Kerajaan bagi menolong Persatuan-persatuan Nelayan ini dari segi persatuan mereka, dari segi harga ikan dan seterusnya.

Apa yang saya dapati di sini, persatuan ini hanya semata-mata bagi kepentingan persatuan itu sahaja dan juga Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Soal keselamatan nelayan-nelayan rasa saya tidak ada disebutkan di dalam Bil ini. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan supaya di dalam hal persatuan ini—sebab tidak ada peruntukan di dalam Bil ini—diadakan satu peruntukan, umpamanya dalam syarikat ini diselitkan salah satunya syarikat kematian ataupun kemalangan yang berlaku kepada nelayan-nelayan ini.

Kita sering mendengar apabila ada nelayan-nelayan hilang di lautan, anak-isteri yang meraung, menunggu dan sebagainya, tidak ada bantuan atau apa-apa yang ada. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan di masa yang akan datang sama ada boleh ataupun tidak, saya pun tidak faham, tidak arif dalam soal ini tetapi untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan ini, anak-isteri dan keluarga mereka kalau mereka ini meninggal dunia, apa salahnya kalau boleh diinsurankan nelayan-nelayan ini, adakan satu undang-undang yang mana mereka ini boleh insurankan nyawa mereka dan juga bot-bot mereka yang telah pecah, hilang dan seterusnya.

Kadangkala saya mendengar bot-bot yang hilang, hilang begitu sahaja; pecah, pecah begitu sahaja dan tidak dapat diclaim ataupun dituntut gantirugi daripada syarikat-syarikat insuran yang boleh menampung balik keperluan yang telah hilang dan seterusnya. Dalam masalah ini saya pun tidak dapat melihat sama ada boleh ataupun tidak nelayan-nelayan dalam negara kita ini boleh diinsurankan nyawa mereka—saya tidak tahu. Oleh itu saya mengharapkan untuk mendapat penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian yang ada pada hari ini mengenai hal ini bagi menjaga keselamatan dan juga nyawa nelayan-nelayan kita yang kena tembak dan sebagainya. Sekarang tidak ada pembelaan daripada Kerajaan dan sebagainya, hanya yang ada pada hari ini ialah berhubung dengan Syarikat Kerjasama sahaja yang dibincangkan tetapi soal keselamatan tidak ada.

Dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Mas.

8.27 mlm.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama rakan-rakan saya untuk membahar Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971.

Saya mengalu-alukan pben-tangan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemaskinkan Akta Persatuan Nelayan yang ada sekarang dan untuk melindungi hak-hak dan kepentingan para nelayan kita di seluruh negara supaya kepentingan para nelayan kita dapat dipertahankan dan supaya daripada industri menangkap ikan ini para nelayan kita menerima hasil dan pendapatan yang lumayan.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian supaya apabila Kementerian memberi lesen untuk menangkap ikan di laut dalam di pantai Sabah dan Sarawak, sebelum kuota-kuota itu diberikan saya merayu supaya Persatuan-persatuan Nelayan yang ada sekarang di Sarawak dan Sabah dapat diberi peluang untuk mengambil saham ataupun mengambil tempat dalam usahasama dalam usaha menangkap ikan di laut dalam. Oleh kerana kalau saya tidak salah kuota-kuota yang disediakan oleh Kementerian, di Semenanjung sudahpun diambil semua oleh pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur-pelabur asing dan hanya permit-permit yang masih wujud di Sarawak dan Sabah belum diambil. Dan apabila Kementerian memberi lesen, saya mintalah supaya Kementerian dapat menekankan bahawa peranan Sarawak dan Sabah dalam penangkapan ikan di laut dalam itu dikirakan oleh kerana saya khawatir tidak ramai pelabur-pelabur tempatan yang mungkin mempunyai teknologi atau technical know-how, dengan

izin, dan juga kemampuan dari segi kewangan untuk membuat usahasama secara besar-besaran kalau dibanding dengan Semenanjung. Oleh sebab itu saya membuat rayuan ini supaya Kementerian dapat menyelenggarakan participation, dengan izin, Sabah dan Sarawak dalam usaha menangkap ikan di laut dalam.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang kedua, saya juga ingin merayu kepada Kementerian supaya dapat membuat satu kajian yang menyeluruh supaya bot-bot dan para nelayan yang menangkap ikan di Laut China Selatan yang berdekatan dengan oil rigs yang terdapat di Labuan, di Miri dan juga di Bintulu supaya tidak terdapat "accident" oleh kerana terdapat di tempat-tempat ini galian dibuat. Oleh kerana itu, saya harap supaya Kementerian dapat membuat kajian yang mendalam dan memelihara kepentingan para nelayan dan melindungi para nelayan yang menangkap ikan di sekitar oil rigs yang terdapat dengan banyaknya di Laut China Selatan dekat Miri, Bintulu dan Sabah.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.30 m.m.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menghulur ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 1987 sekejap tadi, dan saya dapati bahawa Yang Berhormat dari Marang, Pontian, Lembah Pantai dan Bukit

Mas semuanya memberi sokongan yang penuh terhadap pindaan ini.

Walau bagaimanapun, suka saya memberi kenyataan sedikit sebanyak terutama sekali berhubung dengan kuota lesen atau unit lesen yang diperuntukkan bagi meneroka sumber-sumber ikan di perairan Zon Ekonomi Eksklusif. Sebenarnya 646 unit lesen telah diperuntukkan bagi Pantai Timur Semenanjung, 350 untuk Sarawak dan 50 untuk Sabah. Ini membawa erti bahawa Kerajaan memandang serius terhadap industri ini dan sukacita saya nyatakan sedikit lagi iaitu daripada 646 unit lesen yang diperuntukkan pada keseluruhannya, 356 unit lesen telah diluluskan, di mana 101 buah bot beroperasi dan 45 buah bot masih lagi dalam peringkat pembinaan dan dari 101 bot yang beroperasi ini, pembinaan sejumlah 40 buah bot telah mendapat kemudahan pinjaman dari sekim kemudahan kewangan, hasil dari kerjasama LKIM dan Bank Pertanian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menekankan sekali lagi bahawa pada amnya Rang Undang-undang Persatuan Nelayan ini adalah bertujuan untuk menekankan soal-soal industri perikanan secara besar-besaran. Oleh sebab industri perikanan pada masa hadapan ini akan menjadi semakin mencabar dan ini memerlukan Pertubuhan Nelayan yang kukuh dan berupaya menahut cabaran tersebut, umpamanya penerokaan Zon Ekonomi Eksklusif yang memerlukan kemahiran dan modal yang besar. Pindaan-pindaan yang dibuat akan memperlengkapkan Persatuan Nelayan dari segi undang-undang untuk membolehkan mereka bergiat cergas dalam bidang-bidang tertentu selaras dengan strategi pembangunan dan perkembangan sektor perikanan.

Dengan pindaan-pindaan ini projek Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia seperti kilang air batu, ternakan

kerang dan lain-lain projek yang berpotensi dan berdaya maju boleh dipertimbangkan untuk diserahkan atau dijual kepada Persatuan Nelayan. Jadi seterusnya ia juga membolehkan Persatuan Nelayan mengadakan usahasama dalam projek-projek seperti menangkap ikan laut dalam di Zon Ekonomi Eksklusif dengan pihak swasta, dalam negeri dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Lembah Pantai membangkitkan soal keselamatan nelayan dan juga keluarganya. Jikalau kita melihat kepada Seksyen 5(1)(e), kita dapati bahawa Seksyen ini membolehkan bantuan dan insuran bagi menjaga kepentingan ahli-ahli Persatuan Nelayan. Ahli-ahli Persatuan Nelayan juga telah dilindungi oleh dasar yang dibuat oleh Kementerian Pertanian yang mewajibkan tiap-tiap tuanpunya bot mengambil insuran yang melindungi pekerja-pekerja bot mereka.

Yang Berhormat dari Pontian membangkitkan soal kekeliruan tentang ahli-ahli Persatuan Nelayan Kawasan dan Syarikat Kerjasama Nelayan. Pihak Kementerian sedar masalah ini sejak tahun 1974 dan pindaan ini dibuat mengikut Seksyen kecil 11 (7) dalam Rang Undang-undang yang digubal. Perhatian yang seimbang akan diberi oleh Pendaftar dan LKIM untuk memastikan kedua-dua badan ini berjaya dalam tujuan penubuhan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan itulah sahaja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang keempat-empat tadi dan saya sekali lagi menghulur ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah mengambil bahagian dan saya berdoa dan berharap supaya apakala Rang Undang-undang diluluskan maka segala pelaksanaan tugas yang dikendalikan oleh Persatuan Nelayan ini berjalan dengan sempurna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 22* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.40 mlm.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminta Dewan yang mulia ini menimbang serta memberikan persetujuan kepada cadangan untuk meminda Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973.

Akta Arkitek yang diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1967 telah berkuatkuasa mulai 1hb Oktober, 1973 sebagai menggantikan Ordinan Arkitek 1951. Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta, Lembaga

Arkitek Malaysia adalah bertanggungjawab untuk mengada dan mengemaskinikan daftar-daftar arkitek dan pelukis pelan bangunan berdaftar serta mengawal tata-kelakuan dan kesusilaan profesion kesenibinaan pada keseluruhannya.

Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 ialah sebuah dokumen undang-undang yang mengandungi 39 Seksyen. Semenjak Akta ini berkuatkuasa selama empat belas tahun, beberapa pindaan telah dibuat. Contohnya dalam tahun 1974, suatu peruntukan telah diadakan untuk menghalang mereka yang tidak berdaftar menjalankan tugas-tugas kesenibinaan. Selain daripada itu pindaan juga telah dikuatkuasakan bagi membolehkan sesebuah pertubuhan, perbadanan menjalankan amalan kesenibinaan dengan kelulusan Lembaga, tertakluk kepada syarat bahawa kesemua pengarah dalam pertubuhan perbadanan tersebut adalah arkitek berdaftar dan kesemua syer perbadanan tersebut dipegang oleh arkitek-arkitek berdaftar.

Daripada pengalaman empat belas tahun menguatkuasakan Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 ini, Lembaga Arkitek mendapati bahawa peruntukan di dalam beberapa seksyen Akta tersebut adalah terlalu longgar dan perlu diperkemas bagi membolehkan Lembaga berkenaan menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Dengan pindaan ini, antara lain Lembaga Arkitek akan mendapat kuasa tambahan yang membolehkannya mengambil tindakan disiplin yang lebih ketat ke atas arkitek-arkitek yang tidak mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan oleh Akta. Di samping itu juga, pihak Lembaga berpendapat bahawa beberapa seksyen baru patut diadakan bagi meliputi perkara-perkara yang penting yang tidak

disentuh dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang, seperti menguatkuasakan pendaftaran arkitek asing bagi maksud mengawal kepentingan arkitek-arkitek tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri utama dalam pindaan kepada Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 adalah seperti berikut.

Seksyen 2 Akta yang ada sekarang tidak mempunyai takrif bagi istilah "body corporate practising as architects", dengan izin. Pindaan ini bertujuan memperuntukkan takrif tersebut yang mempunyai kaitan dengan pindaan kepada Seksyen 7A.

Seksyen 4, dalam Akta sekarang tidak ada peruntukan yang membolehkan Lembaga Arkitek memiliki tanah dan bangunan sendiri. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya Seksyen 4 ini dipinda untuk memberi kuasa kepada Lembaga Arkitek memperolehi harta alih dan harta takalih bagi maksud-maksud Lembaga dan untuk mendapatkan wang bagi membiayai pembelian harta tersebut.

Cadangan adalah dibuat bagi memperbaiki kelemahan yang terdapat di dalam Seksyen 7A yang ada sekarang di mana Seksyen itu mensyaratkan supaya Lembaga Pengarah pertubuhan perbadanan terdiri sepenuhnya daripada para arkitek, dan syer pertubuhan perbadanan itu dipegang sepenuhnya oleh arkitek. Syarat-syarat ini adalah terlalu ketat dan menghadkan skop perkhidmatan hanya kepada bidang kesenibinaan sahaja.

Pindaan ini dicadangkan oleh kerana pada masa ini projek-projek telah menjadi semakin kompleks dan memerlukan perkhidmatan daripada konsortium perunding-perunding yang meliputi para arkitek, jurutera dan lain-lain profesional. Oleh itu, Seksyen 7A ini perlu dipinda bagi membolehkan golongan profesional

lain, seperti jurutera profesional berdaftar, jurutera ukur bahan berdaftar, atau profesional-profesional yang lain yang diluluskan oleh Lembaga Arkitek untuk menjadi pengarah dan pemegang syer di dalam pertubuhan perbadanan tersebut. Langkah ini juga adalah diperlukan untuk membolehkan arkitek-arkitek perunding tempatan bersaing dengan konsortium profesional daripada luar negeri.

Satu lagi kelemahan yang agak ketara di dalam Akta Arkitek yang ada sekarang ialah bahawa tidak terdapat apa-apa cara bagi membolehkan Lembaga Arkitek mengesan dan mengawasi perjalanan pertubuhan-pertubuhan perbadanan menjalankan amalan sebagai arkitek selepas kelulusan diberi. Mengikut peruntukan sekarang, kelulusan tersebut adalah bagi satu jangka masa yang tidak ditetapkan, dan hanya dapat ditarik balik jika sesebuah pertubuhan perbadanan itu didapati melakukan kesalahan kerana melanggar syarat-syarat yang dikenakan. Untuk mengatasi kelemahan ini dan membolehkan Lembaga mengesan dan mengawasi perjalanan pertubuhan-pertubuhan perbadanan tersebut dengan lebih berkesan lagi, adalah dicadangkan supaya kelulusan yang diberikan dibuat atas dasar dari setahun ke setahun.

Seksyen 8 (2) yang baru ini adalah dicadangkan untuk memberi kuasa kepada arkitek membuat penilaian mengenai bangunan-bangunan dan struktur, loji, jentera dan kelengkapan yang berkaitan dengan bangunan-bangunan atau struktur yang ada hubungan dengan amalan profesionnya. Oleh itu adalah dicadangkan supaya satu Seksyen baru ditambah kepada Seksyen 8 bagi mengekalkan hak arkitek untuk membolehkannya membuat penilaian ke atas perkara-perkara yang bersabit dengan profesionnya.

Peruntukan Seksyen 10 (3) yang ada sekarang ini tidak membenarkan seseorang arkitek yang tidak menjalankan praktis didaftarkan dengan Lembaga. Seksyen ini dicadang dibatalkan supaya ia selaras dengan Akta Badan-badan Profesional yang lain. Peruntukan yang ada sekarang tidak menghadkan pendaftaran arkitek kepada warganegara Malaysia sahaja. Oleh itu adalah dicadangkan supaya beberapa seksyen baru, iaitu Seksyen-seksyen baru 10 (3), 10 (4), dan 10 (5) diperuntukkan bagi menghendaki pendaftaran arkitek dihadkan kepada warganegara Malaysia sahaja atau pemastautin tetap Malaysia yang telah tinggal di Malaysia tidak kurang dari 6 bulan, sebelum mengemukakan permohonan untuk pendaftaran.

Seksyen baru 10A yang baru ini adalah dicadang bagi membolehkan pengawalan ke atas arkitek-arkitek asing yang berdaftar sebagai arkitek dengan Lembaga Arkitek. Pada masa ini terdapat arkitek-arkitek asing di dalam Daftar walaupun ada di antara mereka tidak lagi berada di dalam negara ini. Pendaftaran mereka tidak dapat dibatalkan oleh kerana tidak ada peruntukan dalam Akta yang membolehkan pembatalan nama mereka atas sebab-sebab demikian dan mereka pula tidak pernah melanggar apa-apa syarat pendaftaran. Seksyen baru ini bertujuan supaya Lembaga dapat mengawal kemasukan arkitek-arkitek asing.

Pindaan Seksyen 15 yang dicadangkan kepada Seksyen ini adalah bagi mengetatkan lagi pengawalan ke atas arkitek. Di antara pindaan yang dicadangkan termasuklah memberi kuasa tambahan kepada Lembaga Arkitek untuk memerintahkan pengeluaran celaan secara bertulis, penaanan denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan penggantungan pendaftaran selama

tempoh tidak lebih dari satu tahun kepada arkitek atau siswazah arkitek yang berdaftar yang telah melakukan kesalahan-kesalahan yang disenaraikan.

Pindaan ini dicadangkan oleh kerana seseorang Arkitek itu merupakan profesional yang pertama sekali terlibat dalam sesebuah projek dan juga yang terakhir sekali meninggalkan projek itu. Adalah didapati tidak menguntungkan mana-mana pihak sama ada pelanggan ataupun orang awam semasa pelaksanaan sesuatu projek sekiranya perkhidmatan seseorang Arkitek itu ditamatkan. Dengan itu pengenaan denda tidak melebihi \$5,000 bertujuan mendisiplinkan Arkitek berkenaan kerana kesalahannya tetapi pada masa yang sama dapat juga mengenalkan perkhidmatannya demi kepentingan pelanggan dan orang ramai dan orang awam adalah dicadangkan.

Seksyen ini juga memperuntukkan alasan-alasan tambahan di mana Lembaga boleh mengambil tindakan terhadap Arkitek berdaftar termasuk membatalkan pendaftarannya jika ia didapati tidak membaharui pendaftaran selama lebih dari tiga tahun. Pada masa ini tidak terdapat peruntukan bagi penggantungan pendaftaran Arkitek sementara Lembaga menjalankan penyiasatan terhadap suatu kes yang berkaitan dengannya.

Oleh itu pindaan Seksyen 15 ini juga adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Arkitek menggantung pendaftaran mana-mana Arkitek atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan kesenibinaan sementara menunggu apa-apa siasatan yang dijalankan oleh Lembaga ini di bawah peruntukan Akta.

Seksyen 25 yang ada sekarang cuma memberi kuasa kepada Lembaga membatalkan pendaftaran seseorang

pelukis pelan bangunan berdaftar jika ia didapati melakukan kesalahan-kesalahan yang diperihalkan di dalam Seksyen tersebut. Tindakan ini dianggap terlalu berat bagi kesalahan-kesalahan yang kecil. Dengan itu, pindaan ini dicadangkan untuk memberi kuasa tambahan kepada Lembaga Arkitek bagi mengeluarkan celaan secara bertulis, pengenaan denda tidak melebihi \$2,000 dan penggantungan pendaftaran selama tempoh tidak lebih dari satu tahun.

Di bawah Seksyen 34 yang ada sekarang seseorang itu didapati bersalah jika ia melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta sahaja. Pindaan ini dicadangkan bagi memperuntukkan bahawa pelanggaran mana-mana kaedah yang diperbuat di bawah Akta adalah juga termasuk di bawah penalti am yang akan dikenakan. Pindaan jadual dalam Akta ini adalah untuk membolehkan Lembaga Arkitek mewakili kuasanya tertakluk kepada sekatan-sekatan yang difikirkan patut kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik olehnya.

Demikian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada 13 pindaan ke atas seksyen-seksyen dicadangkan dipinda. Seksyen-seksyen yang dicadangkan dipinda yang tidak disebutkan satu persatu adalah seksyen-seksyen yang bertujuan untuk memperkemaskini-kan dan memberi penjelasan yang lebih tetap ke atas Akta Arkitek yang berkuatkuasa sekarang.

Dengan itu saya mencadangkan Rang Undang-undang Akta Arkitek (Pindaan) 1987 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

8.54 m/m.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan awal-awal lagi bahawa saya menyokong pada dasarnya Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 1987 yang mengandungi pelbagai pindaan yang tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu beliau membentangkan Rang Undang-undang sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa usaha-usaha untuk mengemaskinikan Akta Arkitek ini telah bermula lebih kurang lima tahun yang lalu dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang terlibat, khususnya Lembaga Arkitek yang telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan satu Rang Undang-undang sepertimana yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya bersetuju beberapa pindaan yang diperlukan bagi mengemaskini Akta Arkitek selaras dengan keadaan semasa dan pada ketika yang sama berupaya menampung perubahan masa depan dalam profesion arkitek dan kesenibinaan.

Saya bersetuju dengan salah satu objektif pindaan-pindaan ini yang akan membolehkan firma arkitek tempatan memberikan perkhidmatan yang bermutu baik dan lebih komprehensif kepada para pelanggan mereka. Tambahan pula saya rasa firma arkitek akan berupaya memperkembangkan skop mereka sebagaimana ahli-ahli profesional yang

lain seperti Jurutera berdaftar, Juru Ukur Bahan berdaftar dan Juru Ukur Tanah yang dibenarkan menyertai Lembaga Pengarah firma arkitek tempatan dan memiliki ekuiti saham di dalamnya bagi memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif kepada pelanggan secara konsortium, dengan izin, dan dapat menjadikan mereka menyaingi konsortium-konsortium asing dalam bidang profesion ini.

Saya juga menyedari bahawa beberapa pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengetatkan disiplin ke atas arkitek dan pelukis-pelukis pelan bangunan yang didapati bersalah kerana penyelewengan dan lain-lain kesalahan.

Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri, Akta Arkitek tahun 1967 perlu dipinda untuk memberi lebih banyak kuasa kepada Lembaga Arkitek bagi mengenakan penalti atau hukuman ke atas arkitek-arkitek dan pelukis pelan bangunan yang bersalah. Walaupun terdapat beberapa pindaan kecil kepada Akta Arkitek seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini, saya hanya bercadang untuk membincangkan beberapa perkara yang penting dan memberikan pandangan-pandangan saya bagi pertimbangan pihak berkuasa yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin merujuk kepada Fasal 5 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk menggantikan seksyen 7A Akta dengan peruntukan-peruntukan yang diubahsuai untuk membolehkan Lembaga mengadakan kawalan yang lebih berkesan ke atas suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai arkitek. Peruntukan ini untuk meletakkan pertubuhan perbadanan di bawah kawalan Lembaga Arkitek dan menyediakan satu sistem untuk

mengawasi dan mengadakan peraturan amalan suatu pertubuhan perbadanan sebaik sahaja kelulusan diberikan kepada mereka untuk mengamalkannya adalah dialu-alukan.

Body corporate, dengan izin, ataupun pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Arkitek jika diselia dan dikawal dengan teratur akan berupaya memberikan perkhidmatan berkumpulan atau package services, dengan izin, yang lebih komprehensif kepada pelanggan-pelanggan mereka oleh kerana ramai pelanggan lebih suka berurusan dengan sesuatu konsortium. Mereka juga akan berupaya menghasilkan rekaan yang lebih baik dan ekonomi menerusi kerja berpasukan ataupun teamwork bagi menyaingi konsortium-konsortium asing.

Mereka juga berada dalam satu kedudukan untuk memberikan maklumat yang mencukupi kepada pembina-pembina dalam semua projek-projek yang berkenaan. Akan tetapi, apa yang membimbangkan saya dalam Fasal 5 ialah cadangan seksyen 7A, 9 (a) yang menyebut bahawa, and I quote, dengan izin, "there shall be no appeal against—(a) any refusal of the Board to grant approval for a body corporate to practise as architects . . . ."

Saya menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memberikan definisi yang jelas mengenai fasal ini. Jika tidak ada saluran rayuan terhadap apa juga penolakan Lembaga untuk memberikan kelulusan bagi sesuatu pertubuhan perbadanan bagi menjalankan amalan sebagai arkitek maka ia adalah tidak adil dan cadangan fasal ini hendaklah ditimbang semula demi kepentingan keadilan sejagat.

Saya sekarang ingin merujuk kepada Fasal 6 Rang Undang-undang yang bertujuan untuk memasukkan

satu seksyen kecil baru (2) ke dalam seksyen 8 bagi memberi kuasa kepada arkitek membuat penilaian ke atas bangunan dan struktur, dan logi, jentera dan kelengkapan yang berhubung dengan bangunan atau struktur yang tersebut yang berkaitan dengan amalan profesionalnya. Fasal ini perlu dialu-alukan oleh kerana pelanggan sesuatu firma arkitek tidak perlu bagi mendapatkan arkitek profesional yang lain bagi menjalankan kerja-kerja yang boleh dilakukan oleh arkitek-arkitek itu sendiri yang telah dilatih bagi mengendalikan semua kerja seumpama ini.

Saya mengalu-alukan Fasal 7 Rang Undang-undang yang berkaitan dengan kemasukan seksyen-seksyen baru 10 (3), 10 (4) dan 10 (5) yang menyebut bahawa hanya warganegara atau pemastautin tetap negara Malaysia yang telah tinggal di Malaysia selama tidak kurang daripada 6 bulan layak mendaftar sebagai arkitek. Ini akan melindungi arkitek tempatan kita daripada arkitek asing yang tidak berdaftar yang sekarang menjalankan amalan di negara ini.

Akan tetapi, saya tidak bersetuju dengan Fasal 8 yang bertujuan untuk memperkenalkan satu seksyen baru 10A bagi membuat peruntukan pendaftaran sementara (temporary registration) arkitek asing sebagai seorang arkitek. Memandangkan betapa ramai arkitek tempatan yang menganggur dan tersadai di negara ini, maka pendaftaran arkitek asing tidak harus dibenarkan, malah didaftarkan secara sementara. Jika terdapat sesuatu sebab arkitek asing itu perlu berada di sini, mereka hanyalah boleh dibenarkan bertugas sebagai penasihat dalam projek turn-key atau projek swasta. Arkitek-arkitek asing yang berjaya mendapatkan pekerjaan menerusi projek turn-key atau projek swasta boleh bergabung diri mereka

dengan firma arkitek tempatan dan menggunakan kemahiran ataupun kepakaran mereka untuk memudahkan penyediaan dan pengemukaan sesuatu pelan, tetapi lukisan sesuatu pelan mestilah dilakukan oleh arkitek tempatan supaya bayaran profesional tidak akan disalurkan keluar dari negara ini. Jika arkitek asing dibenarkan mendaftar secara sementara, mereka boleh melibatkan sepenuhnya dalam pengurusan projek dan dengan berbuat demikian, ia akan menafikan peluang arkitek tempatan kita untuk mengurus projek-projek ini yang mana mereka boleh mendapat pengalaman.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan memperuntukkan kuasa tambahan kepada Lembaga bagi memerintahkan pengeluaran celaan secara bertulis, pengenaan sesuatu denda tidak melebihi \$5,000 dan penggantungan selama tempoh tidak lebih dari satu tahun di atas mana-mana arkitek yang didapati bersalah kerana penyelewengan. Izinkan saya menyatakan di sini bahawa saya bersetuju menjadikan Arkitek dan Pelukis Pelan Bangunan lebih berdisiplin demi kepentingan para pelanggan mereka dan masyarakat seluruhnya. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya hukuman-hukuman yang diperuntukkan adalah terlalu berat. Pengemukaan seksyen kecil baru (3) kepada seksyen 15 untuk memberi kuasa kepada Lembaga menggantung pendaftaran mana-mana Arkitek berdaftar atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sementara menunggu apa-apa siasatan oleh Lembaga di bawah Akta ini adalah terlalu keras dan tidak adil. Ini adalah bertentangan dengan prinsip keadilan sejagat yang mana, saya quote, "seseorang itu tidak bersalah sehingga terbukti bersalah". Ini juga akan menyebabkan kesusahan dan penderitaan, bukan sahaja kepada Arkitek yang sedang disiasat tetapi

juga kakitangan-kakitangan dan tanggungan mereka yang terpaksa menganggur sementara atau hilang pekerjaan.

Pada pandangan saya cadangan pengenalan denda tidak melebihi \$5,000 termasuk penggantungan seseorang arkitek selama tempoh tidak melebihi setahun bagi satu kesalahan adalah terlalu keras dan patut ditimbang semula, walaupun saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya menyokong sepenuhnya kuasa-kuasa tambahan yang diberikan kepada Lembaga Arkitek bagi memperketatkan disiplin di kalangan arkitek. Saya rasa bahawa hukuman denda dari segi wang tidak perlu kerana pengeluaran celaan secara bertulis dan penggantungan sudah mencukupi untuk dijadikan sebagai pengajaran. Saya harus mencadangkan denda itu hendaklah dihapuskan dan penggantungan itu hendaklah dikurangkan dari tempoh tidak melebihi satu tahun ke satu tempoh tidak melebihi 6 bulan.

Bagi Pelukis Pelan Bangunan pula, saya suka menyatakan bahawa beberapa pertimbangan telah diberikan kepada mereka berkaitan tindakan keras ke atas kesalahan-kesalahan yang kecil. Pada masa kini seksyen 25 Akta hanya memberikan kuasa kepada Lembaga untuk membatalkan pendaftaran mana-mana Pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar jika didapati melakukan kesalahan ataupun penyelewengan di bawah seksyen ini.

Adalah dicadangkan di bawah Fasal 12 bahawa kuasa-kuasa tambahan ini diberikan kepada Lembaga bagi mengeluarkan celaan secara bertulis, pengenaan sesuatu denda tidak melebihi \$2,000 dan penggantungan selama tempoh tidak melebihi satu tahun ke atas pelukis pelan yang didapati bersalah. Walaupun pertimbangan diberikan untuk

mengurangkan tindakan keras ke atas Pelukis-pelukis Pelan Bangunan yang bersalah, adalah masih merupakan pandangan saya serupa yang dilahirkan oleh saya untuk arkitek bahawa cadangan hukuman baru adalah terlalu berat dan patut dipertimbangkan semula. Saya memahami bahawa Pelukis Pelan Bangunan adalah terhad dalam amalan mereka kepada hanya 7 kawasan dalam negara ini dan pelan yang dikemukakan oleh mereka juga terhad kepada bangunan yang tidak melebihi ketinggian 2 tingkat dan lantai seluas tidak melebihi 3,000 kaki persegi.

Memandangkan sekatan kepada amalan mereka dan pertimbangan untuk memberikan mereka lebih banyak kelonggaran, saya suka merekomen hukuman denda \$2,000 tidak patut dikenakan dan memadai dengan pengeluaran celaan secara bertulis dan penggantungan. Seterusnya saya juga ingin mencadangkan bahawa penggantungan hendaklah dikurangkan dari tempoh tidak melebihi setahun ke tempoh tidak melebihi 6 bulan.

Berkaitan dengan Fasal 14 Rang Undang-undang ini untuk meminda seksyen 34 Akta itu dengan memperkenalkan satu seksyen kecil baru (1) bagi memberikan denda tidak melebihi \$2,000 bagi kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan mana-mana peraturan atau kaedah-kaedah yang termasuk di dalam batasan penalti am, nampaknya ini adalah berpatutan.

Maka dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dan saya harap bahawa tentang perkara-perkara yang saya telah timbulkan tadi, saya harap boleh mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Gopeng.

9.09 mlm.

**Dr Ting Chew Peh (Gopeng):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967. Saya ingin juga memberikan sedikit pandangan berhubung dengan Rang Undang-undang ini.

Seperti kita sedia maklum, para arkitek memainkan peranan yang amat penting dalam masyarakat kita. Mereka mencorakkan garisan langit (skyline) kita dan mereka juga mereka bentuk berbagai jenis bangunan di negara kita. Kepakaran dan kemahiran para arkitek menentukan aspek "aesthetic" bangunan-bangunan, malah ciri-ciri keselamatan bangunan-bangunan yang digunakan untuk berbagai tujuan.

Oleh sebab itu mereka harus menjalankan tugas mereka dengan cermat dan taraf profesionalisme yang tinggi seperti golongan iktisas yang lain. Contohnya peguam, jurutera dan sebagainya. Para arkitek harus bertanggungjawab kepada pelanggan mereka serta orang ramai secara am. Dan sekiranya mereka cuai ataupun kurang cermat dalam tugas profesionalisme mereka hukuman yang dikenakan bukan sahaja bermakna nama mereka dikeluarkan dari senarai daftar arkitek tetapi juga terpaksa membayar gantirugi kepada pihak yang terlibat, kini tanggungan kewangan ataupun tanggungjawab mereka kepada pelanggan, majikan, ataupun orang ramai nampaknya telah dikurangkan oleh Akta Syarikat 1965, yang membenarkan para arkitek menubuhkan syarikat berhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan kelulusan Rang Undang-undang ini dan seterusnya dengan tanggungan ataupun liability, dengan

izin, para arkitek dikurangkan nanti, mutu kerja para arkitek mungkin terjejas. Inilah satu bahaya kerana akhir-akhirnya orang ramai akan menjadi mangsa kalau mutu bangunan jatuh ataupun kurang memuaskan. Tentu sekali kita tidak ingin melihat keruntuhan bangunan-bangunan yang berlaku di negara-negara lain juga berlaku di negara kita kerana kecuaiannya ataupun kurangnya tanggungjawab para arkitek kita. Dalam hal ini saya berharap Timbalan Menteri berkenaan dapat memberikan sedikit penjelasan dan jaminan.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Majlis Perbandaran ataupun Bandaraya ataupun badan-badan Kerajaan yang lain tidak menerima pelan yang ditandatangani oleh sebuah badan korporat arkitek. Pihak yang berkuasa mensyaratkan bahawa para arkitek harus menurunkan tandatangan mereka sebagai individu dan bukan tandatangan badan korporat sebagai syarikat berhad.

Sekiranya pindaan Akta Arkitek ini diluluskan, ini bermakna Majlis Perbandaran dan badan yang lain harus menerima tandatangan yang mewakili badan korporat sebagai sah. Bahayanya ialah pelan yang diluluskan mungkin disediakan oleh seorang arkitek yang tidak berpengalaman. Sekiranya terdapat apa-apa kesilapan rekabentuk dan sebagainya dan sekiranya badan korporat itu hanya mempunyai \$2 sebagai modalnya yang dibayar, maka yang akan menjadi mangsa nanti ialah pelanggan dan orang ramai.

Saya juga meminta sedikit penjelasan dalam hal ini, misalnya apakah kawalan pihak Kementerian dalam perkara ini?

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, seksyen 7A, 3 (a) dan (b) membenarkan individu-individu yang bukan arkitek tetapi berkait rapat

dengan profesyen arkitek menjadi pemegang saham dan pengarah badan korporat arkitek dengan syarat para arkitek mempunyai controlling interest, dengan izin. Controlling interest, bagi saya adalah satu istilah yang kurang jelas, satu istilah yang kabur maknanya. Adakah controlling interest bererti 51% modal saham ataupun 51% hak mengundi ataupun kedua-duanya. Adakah controlling interest membawa maksud para arkitek mempunyai kuasa monopoli mengendalikan dan menguruskan badan korporat itu?

Sebaik-baiknya istilah ini diberikan penjelasan yang lebih tepat. Pada pandangan saya, para arkitek sebaiknya mempunyai kuasa monopoli untuk mengendalikan urusan badan korporat dan pengurusannya tidak sepatutnya ditentukan oleh modal saham. Dengan lain perkataan, pengarah-pengarah badan korporat harus terdiri daripada para arkitek dan pelan-pelan juga harus disahkan oleh para arkitek. Dengan cara demikian, kepentingan pelanggan dan orang ramai akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja pandangan saya. Saya mohon untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

9.15 mlm.

**Tuan Hashim bin Saffin (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Timbalan Menteri yang telah membentangkan dan tampil dengan cadangan-cadangan yang baik yang dipinda untuk kesesuaian dengan perkembangan masa yang boleh memberi keberuntungan dan kebaikan

kepada kesenian dan architecture bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada pindaan Fasal 5 yang bertujuan untuk menggantikan seksyen 7A yang antara lain bermaksud untuk memberi peluang kepada mereka-mereka yang lain juga untuk menganggotai Lembaga ini yang tentunya pandangan-pandangan daripada sama ada jurutera perunding, jurukur bahan, jurukur tanah ataupun sesiapa sahaja yang barangkali di dalam kepala mereka mempunyai pandangan-pandangan yang baik untuk digembeling, diadun untuk mengilhamkan satu senibina yang baik demi kebaikan kepada negara kita.

Dalam hal ini, saya suka menerangkan berdasarkan kepada pengalaman saya sendiri, berdasarkan untuk mencipta pelan satu bangunan rumah, walaupun kecil tetapi ianya agak menarik dan ramai yang mengatakan menarik. Apabila saya menemui seorang arkitek untuk membina pelan rumah berkenaan dan dapati setelah kita memberi pandangan, walaupun kita ataupun orang yang memberi pandangan tidak tahu melukis, tetapi kita mempunyai idea dan pandangan untuk dicipta atau diilhamkan, diinterpret kepada satu lukisan yang baik, akhirnya ianya menjadi satu bangunan yang baik dari segi rekabentuk dan sebagainya.

Dalam perkara ini memberi satu ruang yang baru untuk penciptaan senibina yang lebih baik dari pandangan berbagai pihak tidak terhad kepada arkitek semata-mata dan keduanya dalam penggabungan ini bersesuaian Tuan Yang di-Pertua, dengan Fasal 6 itu di mana badan ini boleh turun menyelia untuk menilai sehingga bangunan itu siap kerana di dalamnya dianggotai oleh berbagai pihak yang mempunyai kepakaran masing-masing, tidak sekadar lukisan ataupun bentuk lukisan yang telah

dicipta dan ini dapat menjamin atau mengelakkan daripada perkara-perkara yang selama ini barangkali menjadi hindaran atau perkara-perkara yang boleh menghalang untuk pencapaian sebenar biarlah bangunan itu cantik, tahan lama, kukuh dan selamat untuk dihuni ataupun didiami. Jadi, kalaulah kita menekankan atau kongkong kepadanya hak arkitek yang melukis ataupun yang mencipta satu bangunan yang baik tetapi penyeliaan tidak diselia ataupun diteliti oleh mereka sendiri barangkali berlaku selepas daripada itu keruntuhan-keruntuhan ataupun kerosakan-kerosakan yang lebih cepat dan ini tentunya merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan Fasal 7 yang menghadkan dari segi pendaftaran kepada warganegara Malaysia terutamanya kepada siswazah arkitek dan ini sesuai dengan keadaan masa, zaman kita sekarang di mana ramai siswazah-siswazah ataupun rakyat Malaysia sendiri yang sedang menganggur dan perlu kepada pekerjaan. Ini adalah bertepatan kerana kita lebih patut mengutamakan anak negeri kita sendiri dari segi peluang-peluang pekerjaan.

Janganlah kita menjadi seperti apa yang dikatakan kera di hutan disusui anak di riba mati kelaparan dan dengan adanya peruntukan ini membolehkan keutamaan diberi kepada siswazah-siswazah di negara kita untuk menganggotai badan-badan ini ataupun pertubuhan-pertubuhan yang boleh memberi khidmat dari segi kesenibinaan ini.

Saya juga ingin mencadangkan kalau boleh kesempatan ini boleh digunakan untuk arkitek-arkitek asing diketepikan buat sementara kerana untuk memberi peluang kepada anak-anak tempatan atau warganegara kita dari segi mendapat pekerjaan.

Dari segi denda, saya agak terdapat perbezaan pandangan dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang menyatakan ini memang perkara biasa atau lumrah kepada mereka barangkali bila disebut denda, hukuman; mereka agak takut. Tetapi saya rasa, pandangan saya tentang denda dan hukuman ini memang patut seperti yang dicadangkan kerana kalau sekadar celaan ianya kadang-kadang menjadi perkara yang tidak ditakuti. Bila dendanya bunyi berat, terpaksa menggantung kerja, fikir soal periuk nasi, soal anak dan keluarga, barangkali penyelewengan-penyelewengan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan tidak akan dilakukan. Dan ini pernah berlaku di kalangan mereka yang tertentu yang sengaja menggunakan pelan-pelan yang sudah ada pada segi bangunan, menyeludup, mencuri, meniru, membina dengan secara mudah dan dikeluarkan dengan bayaran yang murah. Dan ini boleh menjejaskan profesion Arkitek itu sendiri.

Jadi, saya rasa denda ataupun hukuman yang dicadangkan itu memang wajar untuk mengelakkan daripada penyelewengan yang dibuat oleh mereka yang kita harapkan menjalankan kerja dengan baik demi faedah bagi semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong pindaan ini semoga ianya akan memberi manfaat kepada kesenibinaan negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong Aru.

9.23 mlm.

**Tuan Hsing Yin Shean (Tanjong Aru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan), 1987.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Rang Undang-undang pindaan ini bertujuan untuk memberi lebih banyak lagi kuasa kepada Lembaga Arkitek untuk menghukum Arkitek-arkitek dan Pelukis-pelukis Pelan Bangunan berdaftar yang didapati melakukan<sup>27</sup> penyelewengan-penyelewengan. Dengan ini kepentingan orang ramai dan Kerajaan Tempatan akan terjamin. Akan tetapi saya berpendapat bahawa terdapat beberapa kekurangan atau loop-holes dengan izin, yang mungkin akan menimbulkan beberapa masalah.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat subseksyen (2) baru kepada Seksyen 8 Akta Ibu, cadangannya baik dan ia bertujuan memberi kuasa kepada Arkitek-arkitek membuat penilaian ke atas bangunan dan struktur, logi, jentera dan kelengkapan yang sehubungan dengan bangunan atau struktur tersebut yang berkaitan dengan amalam profesional mereka. Pindaan tersebut adalah munasabah kerana kini masih ada ramai Jurukur Bahan yang ingat mereka sahajalah yang boleh membuat dan mengesahkan betul-betul penilaian.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 adalah mengenai pendaftaran Arkitek-arkitek asing. Saya berpendapat bahawa satu syarat hendaklah dimasukkan ke dalam fasal ini supaya Arkitek-arkitek asing telah berdaftar akan diperlukan bekerjasama dengan Arkitek-arkitek tempatan. Ini adalah mustahak kerana melalui kerjasama seumpama ini Arkitek tempatan boleh mendapat pengetahuan profesional atau expertise, dengan izin. Arkitek-arkitek tempatan boleh meneruskan projek-projek tersebut selepas Arkitek asing meninggalkan negara ini. Rang Undang-undang ini harus menjaga kepentingan industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya mahu timbulkan ialah mengenai penalti. Di dalam

Fasal 8 saya dapati tidak ada apa-apa peruntukan untuk menghukum Arkitek asing yang bekerja di sini dengan tidak mendaftarkan diri. Mengapakah peruntukan semacam ini tidak diperuntukkan untuk menghukum Arkitek-arkitek asing yang bekerja tanpa mendaftarkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah-masalah semacam ini, saya rasa kita harus mengurangkan Arkitek asing yang bekerja di negara ini kerana kini terdapat ramai Arkitek tempatan yang dibuang kerja atau bekerja masih menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kini mula menganggap seni bina atau architecture, dengan izin, sebagai satu profesion yang sering bersangkut-paut dengan skandal-skandal, bankrapsi-bankrapsi dan tindakan-tindakan mahkamah. Walaupun hanya segelintir Arkitek yang benar-benar berdaftar atau yang bersalah.

Satu contoh ialah Arkitek yang sengaja "over certified work", dengan izin, untuk menolong pemaju-pemaju mendapat pinjaman yang berlebihan dari bridging financial, dengan izin. Sehingga tahun ini Lembaga Arkitek telah membatalkan pendaftaran 3 orang Arkitek dan 7 orang Pelukis Pelan Bangunan. Ia juga telah mengeluarkan celaan bertulis kepada 14 orang Pelukis Pelan Bangunan.

Sejauh yang saya tahu terdapat salah faham di kalangan orang ramai yang menganggap Pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar itu sebagai Arkitek. Ini kerana kedua-dua profesion ini adalah didaftarkan di bawah Lembaga yang sama. Tambahan pula banyak kes-kes amalan curang berlaku kerana Pelukis-pelukis Pelan sengaja menonjolkan diri mereka sebagai Arkitek. Terdapat juga Pelukis-pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar, yang bertanggungjawab membuat projek-projek pembangunan yang besar dan rumit di mana

mereka tidak mempunyai kemampuan atau kelayakan.

Akhirnya saya berpendapat bahawa tidak perlu lagi untuk mendaftarkan Pelukis Pelan Bangunan yang baru dan Arkitek-arkitek asing kerana negara kita kini sudahpun mempunyai ramai Arkitek yang berkelulusan dan masih menganggur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Mas dan lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

9.25 m/m.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan tanggungan seorang Arkitek yang menjalankan profesionnya di bawah pindaan ini. Oleh kerana lazimnya seorang profesional apabila menjalankan profesionnya ianya dilakukan di bawah satu firma di mana tanggungan-tanggungannya adalah "joint and several". Dan di bawah pindaan ini dicadangkan bahawa seorang Arkitek akan menjalankan profesionnya di bawah satu badan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

Jadi, di sini saya ingin tahu sama ada pindaan ini akan menjejaskan kepentingan orang ramai di mana orang ramai tidak dapat menuntut pampasan daripada seorang Arkitek apabila seorang Arkitek itu telah cuai dalam menjalankan profesionnya oleh kerana sekarang ia didaftarkan di bawah satu badan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1985. Oleh kerana kita tahu apabila beliau memegang syer dalam satu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, tanggungannya adalah terhad setakat mana banyak syer yang dipegang oleh beliau.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, apabila beliau memindahkan syer sahamnya di syarikat itu, jika selepas beberapa tahun ada kecuaiian terdapat, orang ramai tidak dapat menuntut daripada seorang Arkitek itu oleh kerana beliau sudah meninggal syarikat itu menjual sahamnya dan beliau telah dapat diwajibkan untuk membayar pampasan. Tetapi jika beliau menjalankan profesion di bawah Partnership Act, dengan izin, tanggungan beliau adalah "joint and several". Dan kalau tidak salah mungkin undang-undang ini dibuat oleh para Arkitek untuk melindungi mereka sendiri. Ini saya khuatir mungkin mereka pandai untuk membuat satu undang-undang seperti ini supaya melindungi mereka secara halus, secara undang-undang.

Saya ingin penjelasan daripada Kementerian, oleh kerana peguam tidak diberi peluang seperti ini, peguam tidak dibenar untuk menjalankan profesion di bawah satu badan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, kalau saya tidak salah, para doktor juga didaftarkan di bawah Akta Syarikat. Dan juga di bawah pindaan ini Jurutera Perunding Berdaftar, Jurukur Bahan, Jurukur Tanah, mereka juga dapat menjalankan profesion mereka di bawah satu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat.

Saya khuatir mungkin ini akan memberi satu kelonggaran, satu cara di mana mereka dapat escape tanggungan apabila satu kecuaiian berlaku. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan supaya melindungi pihak awam dari kecuaiian yang dilakukan oleh para Arkitek dan juga para profesional yang lain yang mana mereka menjalankan profesion mereka di bawah satu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1985,

bukan under Partnership Act, dengan izin. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

9.32 *mlm.*

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan dan sokongan yang telah disuarakan oleh kelima-lima Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Gopeng, Tanah Merah, Tanjung Aru dan Bukit Mas. Atas pandangan dan sokongan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya inginlah mengucapkan ribuan terima kasih. Di samping itu juga, saya inginlah membuat jawapan daripada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan atau persoalan-persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang di mana beliau telah mempersoalkan tentang peruntukan Fasal 5 (9) di mana perkataan "no" yang terdapat dalam Fasal 9 itu.

Untuk penjelasan, inginlah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa syarat-syarat yang diperlukan untuk melayakkan sesebuah perbadanan mendapat permit bagi menjalankan amalan kesenibinaan adalah ringkas dan khusus seperti yang terdapat dalam Akta ini di bawah Fasal 5 (3) (a) (i) dan (ii) tiada sebab mengapa Lembaga tidak akan meluluskan penubuhan sesebuah badan perbadanan itu jika syarat-syarat tersebut telah dipatuhi. Dengan itu, adalah dirasai bahawa rayuan bagi pemohon-pemohon baru tidak perlu diperuntukkan. Di dalam keadaan di mana satu-satu kelulusan yang telah diberi itu ditarik balik, sesebuah badan perbadanan diberi

peluang yang mencukupi untuk didengar seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 6 (a) (i) dan (ii). Dengan itu, saya fikir undang-undang rules of natural justice, dengan izin, telah sewajarnya dipenuhi,

Mengenai saranan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tentang perkara di Fasal 9, antara lain di mana beliau telah tidak bersetuju dengan the imposition of a fine not exceeding \$5,000, sukalah saya menyatakan di sini bahawa hukuman-hukuman yang diuntukkan di dalam Akta ini di samping hukuman celaan, penggantungan dan pembatalan pendaftaran, peruntukan untuk mengenakan denda perlu diadakan sebagai salah satu hukuman.

Sepertimana yang saya nyatakan dalam membentangkan pindaan Akta ini, seseorang Arkitek itu merupakan profesional yang pertama sekali terlibat di dalam sesebuah projek dan ia juga merupakan yang terakhir sekali meninggalkan projek itu. Terdapat keadaan-keadaan tertentu semasa pelaksanaan sesebuah projek misalnya di peringkat akhir, pelaksanaan projek itu di mana perkhidmatan Arkitek berkenaan diperlukan untuk memohon sijil kelayakan menduduki bangunan tidak akan menguntungkan mana-mana pihak sama ada seseorang pelanggan atau seseorang awam, jika sekiranya perkhidmatan Arkitek berkenaan digantung atau dibatalkan. Dengan itu penaan denda bertujuan mendisiplin Arkitek berkenaan kerana kesalahannya, tetapi pada masa yang sama mengekalkan perkhidmatannya demi kepentingan pelanggan dan orang awam khasnya para pembeli rumah.

Di samping itu, denda yang dikenakan terhadap seseorang Arkitek tidak semestinya \$5,000 dan akan bergantung kepada betapa

seriusnya kesalahan yang dilakukannya. Sebelum denda dikenakan, siasatan yang rapi akan dilaksanakan di mana Lembaga Arkitek Malaysia akan mengikuti suatu peraturan siasatan disiplin yang terperinci yang telah ditetapkan di mana Arkitek berkenaan diberi tiga peluang yang berasingan untuk membela diri. Dan dengan itu, dengan izin, rules of natural justice, akan dipenuhi secukupnya.

Begitu juga mengenai perkataan "satu tahun", Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga tidak bersetuju dan beliau mencadangkan supaya satu tahun ini dikurangkan menjadi 6 bulan.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa peruntukan mengenai penggantungan pendaftaran seseorang arkitek itu selama satu tahun dan tidak 6 bulan diperlukan kerana tempoh ini difikirkan sesuai untuk memastikan ianya berkesan dalam usaha Lembaga Arkitek Malaysia mengawal tata kelakuan profesion kesenibinaan di negara ini serta melindungi kepentingan awam. Tempoh 6 bulan adalah didapati terlalu singkat dan seseorang arkitek yang dikenakan hukuman itu hanya akan melengah-lengahkan perkhidmatannya selama 6 bulan untuk mengatasi hukuman ini.

Yang Berhormat juga telah menimbulkan persoalan tentang arkitek luar. Sukalah saya menyatakan bahawa pendaftaran arkitek asing hanya akan dibenarkan jika seseorang arkitek itu mempunyai kepakaran atau pengalaman yang benar-benar diperlukan oleh sesebuah projek itu. Pendaftaran arkitek asing jika dibenarkan atas tempoh satu-satu tahun sahaja dan boleh ditarik balik bila-bila masa sahaja.

Yang Berhormat juga telah mempersoalkan tentang penggantungan dalam masa penyiasatan. Sukalah saya menyatakan

di sini bahawa ini perlu kerana jika kesalahan yang didakwa itu serius atau merbahaya, ianya semestilah dikenakan.

Saudara Yang Berhormat dari Gopeng juga telah menyuarakan tentang kebimbangan mengenai controlling interest, dengan izin, di atas pertubuhan perbadanan yang diperuntukkan dalam pindaan Akta ini. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Lembaga telah membincangkan dan menetapkan bahawa controlling interest yang dimaksudkan tidak kurang daripada 70% dipunyai oleh seorang arkitek dan 30% dipunyai oleh profesion-profesion yang lain sama ada dari bentuk modal ataupun daripada bentuk voting right, dengan izin.

Mengenai dengan submission of plan, dengan izin, untuk kelulusan Penguasa-penguasa Tempatan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, sukalah saya meyakinkan bahawa Penguasa Tempatan hanya mengikut peraturan yang berkuatkuasa sekarang iaitu Undang-undang Kecil Seragam Bangunan atau, dengan izin, Uniformed Building By-law, hanya akan menerima submission of plan daripada seorang arkitek yang berdaftar dan tidak daripada pertubuhan perbadanan.

Saudara Yang Berhormat dari Tanah Merah telah juga menyuarakan tentang penyeliaan pembinaan di tapak. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa atas kuatkuasa Undang-undang Kecil Seragam Bangunan atau, dengan izin, Uniformed Building By-law, seseorang arkitek yang mengemukakan pelan kepada Penguasa Tempatan bertanggungjawab 100% atas ketetapan dan keselamatan bangunan itu. Jadi, soal penyeliaan bangunan di tapak seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah adalah

diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil Seragam Bangunan yang berkuatkuasa sekarang.

Yang Berhormat dari Tanjong Aru juga telah menimbulkan persoalan tentang hukuman terhadap arkitek asing yang tidak berdaftar. Inginlah saya menyatakan di sini bahawa mengikut Akta ibu Akta ini, ada terdapat di dalam Seksyen 34 bahawa arkitek asing dimestikan berdaftar dengan Lembaga.

Mengenai dengan Pelukis-pelukis Pelan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa cuma Pelukis-pelukis Pelan yang ada sekarang yang mungkin terdapat di Sabah dan di Sarawak sahaja yang dibenarkan mengemukakan pelan yang dibolehkan dalam Akta ini. Semua Pelukis-pelukis Pelan yang sebelum ini tidak dibolehkan mengemukakan pelan untuk dikemukakan kepada Penguasa Tempatan, tidak dibenar mengemukakan pelan kepada pihak-pihak Penguasa Tempatan. Oleh itu, pendaftaran Pelukis-pelukis Pelan baru tidak timbul.

Saudara Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah menimbulkan keraguan beliau tentang pertubuhan perbadanan ini kerana mengikut beliau orang awam tidak boleh menuntun pampasan kerana mengikut beliau mungkin pertubuhan perbadanan ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965. Inginlah saya meyakinkan kepada Yang Berhormat bahawa di bawah perkara ini jika terdapat kesalahan dilakukan sama ada oleh pertubuhan perbadanan atau juga seorang arkitek ianya bertanggungjawab sepenuhnya di atas apa juga kesalahan atau tata-tertib yang mungkin timbul daripada kelemahan-kelemahan atau kesalahan-kesalahan yang dilakukan sama ada oleh badan itu ataupun oleh seseorang arkitek itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sekian sahajalah yang saya dapat beri jawapan kepada Ahl-ahli Yang Berhormat yang telah. . . .

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan berhubung dengan tanggungan tadi yang dikatakan bahawa Arkitek itu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala-gala yang dilakukan kerana di bawah Akta Syarikat itu sebenarnya, kalau syarikat itu cuma mempunyai modal \$2 yang berbayar, paid-up capital, di manakah peruntukan itu dalam Akta ini yang menjamin bahawa tanggungan itu akan diberikan sepenuhnya?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin di bawah body corporate, dia boleh tidak dilibatkan, tetapi mengikut etika seseorang itu sebagai Arkitek, dia boleh disabitkan kesalahan tentang kelemahan-kelemahan yang timbul daripada pelan-pelan yang dikemukakan sama ada oleh badan itu atau oleh seorang Arkitek itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya meyakinkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan orang ramai di samping mengemaskinikan segala syarat yang ada bagi memelihara dan mengawal profesion kesenibinaan secara keseluruhan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 16—*

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mendapat . . . .

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya lihat tiada orang yang bangun, jadi saya teruskan. . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya bangun. Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat hendak bercakap?

**Tuan Zubir bin Embong:** Ya, berkenaan dengan Fasal 1 hingga 16.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya benarkan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mendapat fahaman serta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mengenai Arkitek yang boleh mengamalkan amalan senibina sebagai Body corporate, dengan izin, yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagaimana yang disebut dalam seksyen 2 Akta meminda Akta Arkitek ini.

Sebagaimana mengikut prinsip amnya, apabila satu Body Corporate ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, maka ia akan menjadi satu entity yang berasingan dan ini akan membenarkan Body Corporate yang membuat amalan sebagai Arkitek ini boleh menjalankan apa-apa perniagaan selain daripada perniagaan pengamalan Arkitek. Sehubungan dengan itu, apakah cara untuk

mempastikan bahawa satu profesionalisme yang utuh dapat dikawal atau dijaga oleh Body Corporate seperti ini.

Yang kedua, oleh kerana ianya satu Body Corporate yang mempunyai beberapa orang pemegang saham sebagaimana yang disebut dalam seksyen 5 iaitu penggantian dengan seksyen 7A yang baru di mana bukan sahaja Arkitek yang boleh menjadi ahli Lembaga Pengarah, bahkan juga Professional Engineers, dengan izin, Quantity Surveyors, Land Surveyors boleh menjadi ahli Lembaga Pengarah kepada Body Corporate tersebut dan Board yang ditubuhkan di bawah Akta ini boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana pemegang saham ataupun mana-mana Pengarah ataupun Arkitek yang telah melanggar ataupun melakukan kesalahan di bawah Akta ini ataupun di etika Arkitek.

Saya ingin bertanya bagaimana pula satu Badan Arkitek ini yang dianggotai oleh Professional Engineers, Quantity Surveyors, Land Surveyors yang mempunyai disiplin profesion yang berbeza kemudian bertanggungjawab kepada profesion Arkitek? Di mana kalau berlaku kesilapan, kelalaian, kealpaan, kesalahan boleh diambil tindakan oleh yang dilantik ataupun oleh board yang ditubuhkan di bawah Akta ini? Maka tentulah tidak adil satu profesion yang berbeza diambil tindakan oleh satu profesion yang tidak serupa, oleh Arkitek kepada, katalah Lembaga Pengarah terdiri daripada seorang Professional Engineer yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan Lembaga Arkitek yang mengambil tindakan. Bagaimana kita boleh coordinate atau selaraskan ataupun selarikan tindakan ini kerana kedua-dua profesion ini adalah berbeza dari segi disiplin dan sebagainya. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Pengerusi, saya mohon maaf di atas soalan yang pertama tadi. Saya kurang jelas. Tetapi untuk soalan yang kedua, mengenai komposisi Body Corporate ini di mana profesion-profesion yang lain juga dibolehkan menganggotai atau menyertai Body Corporate ini. Seperti yang saya katakan tadi bahawa tujuan kita mengadakan peruntukan supaya Body Corporate ini diadakan di dalam Akta ini ialah semata-mata untuk menyenangkan Badan ini dari segi perniagaan sahaja. Dari segi profesionalnya, Arkiteklah seorang Arkitek yang mempunyai syer tidak kurang daripada 70% itu yang bertanggungjawab kepada keseluruhan tindakan-tindakan atau apa juga pelan-pelan atau rekabentuk rumah/bangunan yang dikemukakan kepada pihak-pihak Penguasa-penguasa Tempatan.

Soal pertama, mungkin kalau boleh Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Sebab saya kemukakan soalan yang kedua sebagaimana yang dijawab tadi kerana ada peruntukan dibawah seksyen 7A (5):

“7A (5) If the Board finds that—

(a) the body corporate practising as architects or any of its director. . . . .”

Jadi, di bawah seksyen yang saya katakan tadi bahawa directors di bawah seksyen 7A (2) ertinya bukan sahaja architects yang bertanggungjawab kepada body corporate itu tetapi juga “or any of its directors”, termasuk mana-mana orang yang menjadi director. Mungkin ini terdiri daripada profesional engineers. Bagaimana mahu dibebankan semua tanggungjawab itu kepada arkitek sedangkan dalam Lembaga Pengarah terdiri juga daripada professional engineers, land surveyors dan juga quantity surveyors.

Jadi, 'bagaimana kita boleh rasionalisekan seksyen ini? Itu soalan saya yang sebenarnya.

Kemudian, soalan saya yang pertama ialah oleh kerana body corporate ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, maka di bawah Akta Syarikat mengikut prinsip amnya ia merupakan satu entity yang berasingan (separate entity). Apabila dia separate entity, di bawah Akta Syarikat juga dia boleh melakukan apa-apa business yang dibenarkan oleh Akta itu bukan sahaja arkitek. Bagaimana cara untuk memastikan supaya profesionalisme arkitek ini dapat dijaga dari segi mutunya kerana kalau dia menubuhkan body corporate di bawah Akta Syarikat walaupun sebahagian daripadanya menjalankan perniagaan amalan sebagai arkitek tetapi ia juga boleh menjalankan amalan dari segi lain. Bagaimana kita boleh menyekat supaya dengan cara yang demikian profesionalisme arkitek itu terjaga dari segi mutu dan tanggungjawabnya. Itu maksud saya.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang pertama mengenai body corporate yang ditubuhkan, mungkin mengikut objektif dalam Articles of Association tidak menghadkan kepada kerja-kerja kesenibinaan tetapi mengikut Akta yang ada dan jika ianya ditubuhkan khusus untuk membolehkan body corporate ini didaftarkan mengikut peruntukan yang ada maka tujuan badan ini khusus untuk kepentingan dan menjalankan kerja-kerja kesenibinaan atau yang ada berkaitan dengannya. Oleh hal yang demikian, jika sekiranya ada sesuatu penyelewengan yang terdapat maka ada diperuntukkan dalam tata tertib Lembaga atau rules yang digubal oleh Lembaga yang membolehkan Lembaga mengambil tindakan kepada mana-mana pihak atau badan yang menyalah atau didapati menyalahi

peruntukan-peruntukan atau peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat oleh Lembaga Arkitek Malaysia.

Kedua, mengenai dengan adanya tafsiran Fasal 5 di mana tindakan boleh diambil bukan sahaja kepada arkitek tetapi juga kepada mana-mana pengarah atau yang punya saham yang telah didapati tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah diuntukkan untuk meluluskan pendaftaran body corporate ini.

Seperti yang telah saya nyatakan tadi mereka yang ingin menyertai body corporate ini dengan tujuan untuk aspek perniagaan sahaja dan saya percaya mereka ini semua tahu akan akibat daripada perkongsian yang mereka buat hasil daripada mereka bersetuju untuk menganggotai body corporate ini. Saya harap penjelasan ini dapat diterima oleh Ahli Yang Berhormat.

*Fasal 1 hingga 16* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*10.08 mlm.*

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dibaca kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada tahun lalu ekoran daripada pengeluaran wang yang banyak di beberapa

Koperasi Pengambil Deposit (KPD), Kerajaan telah membekukan aset 24 KPD bagi menjaga kepentingan pendeposit-pendeposit.

Bank Negara Malaysia yang kemudian menjalankan penyiasatan lanjut ke atas 24 KPD itu dengan bantuan firma-firma perakaunan yang dilantik mendapati mereka mengalami masalah kewangan yang teruk. Keadaan yang berlaku itu telah memaksa Bank Negara Malaysia merancang skim-skim untuk menyelamatkan KPD-KPD itu kerana ia dipercayai boleh menjejaskan kestabilan kewangan dan kepercayaan orang ramai ke atas sistem kewangan negara sekiranya tindakan-tindakan perlu tidak diambil segera.

Hasil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan, sebanyak 12 KPD telah pun mencapai persetujuan untuk membayar balik sepenuhnya simpanan pendeposit-pendeposit secara tunai. Bagi 12 KPD yang masih belum mencapai penyelesaian, Kerajaan telah pun memutuskan bahawa pendeposit-pendepositnya akan menerima 50% daripada simpanan mereka dalam bentuk wang tunai tidak lewat daripada 1990 dan bakinya dalam bentuk ekuiti dalam sebuah syarikat kewangan berlesen.

Skim penyelamat ini memerlukan Bank Negara Malaysia mengambilalih sesebuah syarikat kewangan yang tenat dan seterusnya menggunakan sebagai alat penyelamat untuk mengambilalih aset dan tanggungan deposit 12 KPD tersebut. Manakala pendeposit-pendeposit yang terlibat dalam KPD-KPD itu akan diberikan syer-syer dalam syarikat kewangan berkenaan.

Oleh kerana perundangan yang ada sekarang tidak memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk memiliki ekuiti sesebuah institusi kewangan yang berlesen dan menggunakannya sebagai alat penyelamat, dengan

mengambilalih aset-aset dan tanggungan-tanggungan deposit 12 buah KPD berkenaan, maka pindaan yang sewajarnya perlu dibuat kepada Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Rang Undang-undang berkenaan mencadangkan pindaan kepada Seksyen 31A Ordinan Bank Negara Malaysia. Pindaan ini adalah perlu berikutan dengan cadangan untuk mewujudkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 31B dan Seksyen 31C. Seksyen baru 31B akan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia sama ada membeli secara terus syer sesebuah syarikat kewangan berlesen atau membuat pendahuluan wang kepada sesebuah syarikat kewangan berlesen untuk membolehkannya memperolehi harta dan tanggungan pengambilan deposit dan harta pendeposit-pendeposit dalam pengambil deposit ataupun membuat pendahuluan kepada sesebuah bank untuk membolehkannya mengambilalih sesebuah syarikat kewangan berlesen yang seterusnya akan memperolehi harta dan tanggungan pengambil deposit dan harta pendeposit-pendeposit dalam pengambil deposit. Sebagai balasan, pendeposit-pendeposit yang terlibat akan diberi syer dalam syarikat kewangan yang berkenaan.

Dengan adanya peruntukan ini, maka Bank Negara mempunyai kuasa untuk melaksanakan suatu skim penyelamat sekiranya mana-mana pengambil deposit menghadapi masalah kewangan yang teruk mungkin menjejaskan kestabilan sistem kewangan negara sekiranya masalah tersebut tidak diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan juga diambil melalui Rang Undang-undang ini untuk menambah satu lagi peruntukan baru iaitu Seksyen 31C dalam Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958. Seksyen baru 31C adalah

bertujuan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia memohon kepada Mahkamah Tinggi, untuk mengurangkan modal berbayar sesebuah bank atau syarikat kewangan berlesen yang diperbadankan di Persekutuan di mana modal institusi tersebut telah pun lupus dan tidak lagi disokong oleh aset yang ada. Ini akan mengelakkan pemegang-pemegang syer yang tidak bertanggungjawab daripada terus kekal dan mendapat faedah daripada pemegang ekuiti mereka selepas sesebuah institusi kewangan yang berkenaan diselamatkan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, di negara-negara lain seperti Britain dan Thailand, pihak berkuasa kewangan diberi kuasa untuk mengurangkan modal syer institusi-institusi kewangan yang di bawah pengawasan mereka tanpa memerlukan persetujuan terlebih dahulu daripada institusi kewangan berkenaan demi kepentingan umum.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, salah satu daripada peranan utama Bank Negara Malaysia ialah untuk menjamin kestabilan dan mewujudkan satu sistem kewangan negara yang kukuh. Masalah KPD baru-baru ini sekiranya tidak diselesaikan akan menimbulkan kegelisahan di kalangan orang ramai yang akan menjejaskan kestabilan sistem kewangan negara.

Untuk membolehkan Bank Negara Malaysia memainkan peranan tersebut dengan berkesan, ianya wajar diberi kuasa yang perlu dan fungsi-fungsi tambahan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sandakan.

*10.16 mlm.*

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 31 (b) Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1987 menyatakan Bank Negara boleh sama ada membeli syer-syer sesuatu Syarikat Kewangan berlesen untuk membolehkannya memperolehi harta dan tanggungan mengambil deposit atau mendahulukan wang kepada bank untuk membolehkannya mengambil harta dan tanggungan pengambil deposit dan harta pendeposit-pendeposit dalam pengambil deposit. Walaupun Seksyen 31 (b) menyebut Bank Negara hendaklah menjualkan semua syer-syer dalam Syarikat Kewangan berlesen yang diperolehinya apabila ia mendapati Syarikat Kewangan pengambilan deposit itu tidak menghadapi apa-apa masalah lagi, akan tetapi kesemua Seksyen tersebut tidaklah sesuai untuk diberi kepada sebuah institusi kewangan yang tertinggi seperti Bank Negara.

Bank Negara tidak harus mem-babitkan diri dalam kegiatan membeli Syarikat Kewangan sama ada ia berlesen atau sebaliknya untuk memelihara kedudukannya sebagai penyelia yang bebas. Sekiranya tidak, ia akan menimbulkan percanggahan kepentingan serta Bank Negara tidak dapat memainkan peranannya dengan berkesan sebagai sebuah institusi yang bebas yang menyelia kegiatan bank-bank dan institusi-institusi kewangan di negara.

Apa yang Bank Negara harus membuat ialah menghantarkan kerap kali pegawai-pegawai ke Syarikat-syarikat Pengambilan Deposit atau Syarikat-syarikat Kewangan untuk menjalankan kerja-kerja penyeliaan dan penyiasatan, termasuk menyertai dalam program pelaksanaan pelaburan mereka serta meminta mereka mengemukakan laporan-laporan mengenai kegiatan kewangan mereka kepada Bank Negara dari semasa ke semasa supaya kepentingan Syarikat Kewangan dan para pendeposit-pendeposit dapat diperlindungi. Bank Negara haruslah mengawal faedah-faedah yang dibayar oleh Syarikat-syarikat Kewangan pengambil deposit kepada pendeposit-pendeposit. Langkah ini akan mengurangkan beban syarikat-syarikat tersebut serta memastikan syarikat-syarikat tidak bersaing antara satu sama lain untuk menarik pendeposit-pendeposit.

Tambahan pula, Ahli-ahli Lembaga Pengarah hendaklah dilantik daripada orang-orang yang mempunyai reputasi baik serta berpengalaman dan berkebolehan. Ahli-ahli politik hendaklah dilarang menjadi Ahli-ahli Lembaga Pengarah supaya dapat mengikis pengaruh politik. Jika sekiranya seseorang Ahli Lembaga Pengarah didapati melakukan pecah amanah berjenayah, rasuah atau penipuan, beliau haruslah didakwa di Mahkamah untuk menerima hukuman berat dan harta bendanya di dalam dan di luar negeri hendaklah dirampas.

Berkenaan dengan urusan membuat pendahuluan wang kepada Syarikat Kewangan berlesen atau bank tanpa faedah, ingin saya menyatakan di sini, walaupun pendahuluan wang tersebut adalah untuk tujuan menyelamatkan Syarikat Pengambilan Deposit yang menghadapi masalah serta melindungi kepentingan Pendeposit-pendeposit, tetapi memandangkan wang tersebut adalah

wang rakyat, maka ia patutlah dikenakan faedah. Tambahan pula, pengenaan faedah itu akan menolong mencegah orang-orang yang berniat jahat untuk menggunakan kesempatan ini untuk mengkayakan diri mereka.

Selain daripada itu, Bank Negara tidak boleh menggantikan wang dengan syer dan memberikannya kepada pendeposit-pendeposit. Tindakan seperti ini adalah sangat tidak adil kerana apabila sebuah syarikat menghadapi masalah, syernya menjadi sekeping kertas yang tidak berharga, kecuali Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa harga syer tidak akan berubah. Pendeposit-pendeposit mempunyai hak penuh untuk membuat keputusan terhadap tawaran Kerajaan itu sama ada mereka mahu menerimanya atau tidak. Adalah tidak wajar bagi Kerajaan memaksa pendeposit-pendeposit menerima tawaran tersebut.

Pada kesimpulannya, jika sekiranya Kerajaan menjalankan tanggung-jawabnya untuk mengawal sesungguhnya kegiatan Syarikat-syarikat Pengambilan Deposit secara ketat serta menjalankan pentadbirannya dengan baik, maka masalah-masalah tersebut tidak akan timbul.

Bank Negara hendaklah mendakwa semua Syarikat-syarikat Pengambilan Deposit yang tidak berdaftar dan harta syarikat-syarikat tersebut dirampas dan diagihkan kepada para pendeposit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

*10.25 mlm.*

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Mengikut Menteri yang membentangkannya, ia bertujuan untuk membolehkan Bank Negara

menyelamatkan Syarikat-syarikat Kewangan Berlesen yang menghadapi kesulitan dan melindungi pendeposit-pendeposit mereka. Dengan adanya kuasa ini Bank Negara dapat menjalankan skim untuk membantu para pendeposit Koperasi Pengambilan Deposit yang telah digantungkan tahun ini.

Bagi pihak pendeposit-pendeposit kawasan Nibong Tebal yang terlibat dalam masalah ini yang saya mewakili di Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada Bank Negara, Kementerian Kewangan dan juga Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang ini saya menggesa Bank Negara seperti berikut:

- (i) jangan melepaskan orang-orang yang menyeleweng dari skandal Koperasi ini, sama ada mereka yang menipu Koperasi secara langsung atau mereka yang meminjam duit secara besar-besaran tanpa keinginan untuk membayarnya balik;
- (ii) jangan peduli sama ada penyeleweng-penyeleweng itu orang besar atau orang kecil;
- (iii) jangan kira sama ada mereka berkawan baik dengan pemimpin politik kuat atau tidak;
- (iv) mendakwa mereka dengan sewajarnya; dan
- (v) minta mahkamah menjatuhkan hukuman seberat-beratnya; dan
- (vi) mengajar mereka dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Gabenor Bank Negara telah menyeru orang yang menjaga duit orang lain supaya mengamalkan nilai kejujuran dan tidak salahgunakan duit ini.

Saya bersetuju bahawa kita mesti menentukan bahawa dengan izin, honesty pays, tetapi pada hemat saya ini tidak mencukupi, kita harus juga menentukan bahawa, honesty does not pay. Oleh yang demikian jangan melepaskan orang yang telah menyeleweng, menghukumkan mereka sekeras-kerasnya.

Di negara Arab Saudi orang yang mencuri duit orang lain dihukum dengan tangannya dipotong, di negara Malaysia kita tidak memotong tangan pencuri, tetapi sekurang-kurangnya kita patut memenjarakan mereka dan memberi ajaran baik kepada mereka dan juga kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sekuat-kuatnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seremban.

*10.28 mlm.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ke atas Ordinan ini adalah bertujuan untuk mengesahkan semua tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara untuk menyelamatkan 24 Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang menghadapi masalah dan apabila segala aset mereka telah dibekukan oleh Bank Negara pada bulan Ogos, 1986.

Di bawah skim penyelamat KPD ini Bank Negara akan memberi wang pendahuluan kepada bank-bank atau Syarikat Kewangan yang berlesen untuk mengambilalih pengurusan koperasi yang menghadapi masalah dan wang yang didepositkan di dalam KPD itu ditukarkan kepada saham, sedangkan Bank Negara telah menjalankan tindakan-tindakan yang sesuai setelah wujudnya banyak desakan dan bantahan oleh

pendeposit-pendeposit KPD, dan skim penyelamat itu masih kekurangan dua tuntutan yang penting. Sungguh tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan 50% koperasi itu adalah diberi sepenuhnya cash, tetapi ada lagi setengah mendapat loan cash atau separuh cash dan separuh saham. Dua tuntutan itu ialah pendeposit-pendeposit mahukan semua wang deposit mereka dibayar balik sepenuhnya iaitu \$1 untuk \$1.

Keduanya, ialah mereka mahukan wang tunai bukannya syer atau saham. Pendeposit-pendeposit menyimpan wang mereka di dalam KPD dengan jujur dan ikhlas. Tidak dapat dinafikan kadar bunga tinggi yang dibayar oleh KPD yang telah menarik mereka menyimpan wang di KPD, tetapi pemimpin-pemimpin tinggi dalam Barisan Nasional telah membuat ucapan umum kepada KPD boleh dipercayai. Kedua-dua Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Buruh telah berkata bahawa orang ramai tidak perlu bimbang dengan KPD, mereka boleh menyimpan wang dengan selamatnya di KPD. Kebanyakan dari 500,000 pendeposit-pendeposit KPD adalah dari golongan berpendapatan rendah yang terdiri dari buruh-buruh, peniaga-peniaga kecil, penoreh-penoreh getah, suri-suri ramahtangga dan pesara-pesara.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kepada sebahagian besar golongan ini wang yang didepositkan di dalam KPD adalah merupakan simpanan seumur hidup mereka. Ada juga terdapat beberapa orang di antara mereka yang bimbang akan masa hadapan mereka akibat kekeringan wang simpanan mereka telah membunuh diri mereka. Mereka menjadi cemas dan selalu menemui pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus KPD untuk menuntut balik wang simpanan mereka. Mereka mengadakan wang deposit mereka

dibayar balik dengan wang tunai bukan dengan saham. Wang tunailah yang dapat menolong mereka dalam masa kesusahan, ini bukannya saham. Mereka tidak senang hati dengan bayaran balik wang tunai yang sedikit iaitu 10% hingga 50% dan mahukan bayaran balik penuh wang deposit mereka dengan segera.

Bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang mengambil alih KPD tidak patut dibenarkan menaksir lebih rendah aset-aset KPD daripada taksiran yang sebenarnya yang mana mereka telah membuatnya satu alasan untuk membayar balik bahagian yang lebih kecil kepada pendeposit-pendeposit. Bayaran balik penuh simpanan KPD kepada pendeposit-pendeposit mesti dijamin oleh Bank Negara \$1 untuk \$1. Pada masa sekarang wujudlah satu dasar untuk tuntutan ini dan tuntutan ini mencontohi apa yang telah berlaku tidak berapa lama dahulu di negara kita.

Tuan Speaker, semasa Bank Bumiputra telah dirampas sebanyak \$2.5 billion oleh kegiatan rasuah yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai bank yang tidak berperikemanusiaan, Bank Negara telah membuat satu pelan penyelamat segera untuk menyelamatkannya, sekiranya tidak, Bank Bumiputra sudah tentu menjadi bangkrap masa itu.

Bank Negara juga bercampur tangan untuk menolong bank-bank yang mengalami masalah seperti Perwira Habib Bank dan Bank Rakyat dan Bank Negara berbuat demikian tanpa apa-apa desakan atau tekanan dari pendeposit-pendeposit bank atau orang ramai. Tanpa campur tangan Bank Negara itu kedua-dua bank tersebut akan bangkrap dan pendeposit-pendeposit akan kehilangan semua simpanan mereka.

Pendeposit-pendeposit bank tidak diberitahu bahawa mereka hanya akan mendapat sebahagian dari wang

simpanan mereka atau diberitahu bahawa wang simpanan mereka akan ditukarkan kepada saham-saham bank sebagai satu syarikat skim penyelamat dan cara-cara yang sama Bank Negara boleh menolong bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan yang mengambil alih kepada KPD dan juga menjamin bayaran penuh kepada pendeposit-pendeposit.

Semalam Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA telah berkata di Miri bahawa ada pendeposit-pendeposit yang akan mendapat 50% daripada deposit-deposit mereka dalam wang tunai dan yang setengahnya lagi dalam saham.

Ada juga pendeposit-pendeposit lain yang akan mendapat balik 70% deposit-deposit mereka dalam wang tunai dan 30% dalam saham. Ini adalah tidak begitu memuaskan. DAP menyeru Kerajaan supaya membayar balik penuh wang tunai kepada pendeposit-pendeposit yang tidak mahukan saham dan dengan secepat mungkin dan bukannya di antara masa dua hingga lima tahun seperti yang telah dinyatakan oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pengawasan yang lebih ketat ke atas KPD, tidak dapat dinafikan Fiasco Coop adalah disebabkan oleh kelemahan pengurusan yang tidak ikhlas dan penipuan oleh pengarah-pengarah koperasi. Mereka yang didapati bersalah patut dihadapkan ke mahkamah dan dihukum dengan berat supaya menjadi satu teladan dan faktor pencegahan yang baik kepada pengarah-pengarah yang lain.

Walau bagaimanapun, kita patut mengadakan satu sistem yang lebih berkesan untuk mengawasi KPD dan sistem itu patut berjaya mengesan tindakan penipuan pada peringkat awal. Terdapat dua langkah yang boleh kita lakukan, yang pertamanya ialah untuk mempertingkatkan peperiksaan yang baik dengan mengadakan

pemeriksa-pemeriksa atau inspektor-inspektor yang berpengalaman banyak untuk memeriksa dan mengesan KPD dengan selalunya.

Yang kedua ialah meletakkan KPD secara langsung di bawah pentadbiran Bank Negara seperti yang dilakukan ke atas bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Pada masa sekarang KPD diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang mengendalikan koperasi-koperasi negara kita secara keseluruhannya tetapi KPD yang melibatkan diri dengan perkhidmatan kewangan mesti diawasi oleh Bank Negara di bawah tadbiran Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab dengan ringkas.

*10.35 mlm.*

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Yang Berhormat dari Nibong Tebal dan Yang Berhormat dari Seremban kerana mengambil bahagian dalam bahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah menimbulkan beberapa perkara, pertama soal percanggahan dan kepentingan yang terdapat apabila Bank Negara membeli saham daripada syarikat kewangan.

Kedua, sebagai tindakan alternatif sepatutnya Bank Negara mempertingkatkan lagi penyeliaan dan penyiasatan ke atas syarikat-syarikat pengambil deposit. Ketiga, oleh kerana wang pendahuluan kepada syarikat kewangan adalah wang awam hendaklah dikenakan faedah. Keempat, pemberian syer sebagai

pengganti wang adalah tidak adil kata beliau oleh kerana nilai syer itu mungkin merosot kecuali dijamin harganya.

Sebagai masalah umum perkara-perkara yang berbangkit di atas tidaklah berkaitan dengan Bill ini tetapi Yang Berhormat terus juga menimbulkan beberapa hal yang berikut iaitu Bank Negara hendaklah mengawal faedah yang dibayar oleh syarikat-syarikat kewangan supaya mengelakkan persaingan.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat kewangan hendaklah dilantik daripada orang-orang yang mempunyai reputasi yang baik, dengan izin, berpengalaman, berkebolehan dan hendaklah didakwa jika didapati pecah amanah. Dan Ahli-ahli politik kata beliau hendaklah dilarang daripada menjadi Ahli Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembelian dan pegangan syer-syer ini adalah khusus bagi skim penyelamat ataupun skim yang dinamakan "skim saviour", "salvage", dengan izin.

Oleh yang demikian ianya adalah bagi jangkaan masa yang berpatutan sehingga syarikat kewangan pulih kembali. Dan oleh yang demikian juga tidak sepatutnya dipandang sebagai suatu masalah yang bercanggah malah adalah tanggungan Bank Negara sebagai institusi pengawal sistem kewangan. Mungkin soalan ini berbangkit daripada sesuatu kekeliruan walaupun syarikat kewangan yang syernya dibeli oleh Bank Negara adalah juga suatu institusi yang memerlukan bantuan. Apa yang perlu juga kita ingat ialah bahawa pengambilan deposit yang diselamatkan ini adalah pengambilan deposit yang bercorak koperasi kecuali kuasa yang terdapat di bawah Peraturan (Kuasa-kuasa perlu) Perlindungan Pendeposit 1986 Bank

Negara, tidak ada apa-apa kuasa pengawasan ke atas koperasi-koperasi tersebut. Walau bagaimanapun, Bank Negara sentiasa dan akan terus mengawal syarikat-syarikat kewangan yang dimaksudkan.

Faedah yang rendah akan dikenakan walaupun Rang Undang-undang ini membolehkan pemberian pendahuluan tanpa faedah seperti yang didapati di dalam Seksyen 31B, (a) (iii) yang dicadangkan.

Walaupun bagaimanapun, seperti saya katakan tadi kemungkinan besar faedah yang rendah akan dikenakan. Skim ini telah diluluskan oleh mahkamah yang lebih arif dari segi menimbang kepentingan-kepentingan individu dan soal-soal keadilan. Bagi skim-skim masa yang tidak melalui perintah mahkamah ianya hanya boleh diimplementasikan dengan persetujuan pendeposit-pendeposit. Kaedah faedah tetap dikawal oleh Bank Negara. Kaedah pada masa ini yang boleh dikenakan oleh bank-bank adalah lebih kurang 4% lebih tinggi daripada base lending rate. Ini adalah juga dikenakan oleh Bank Negara ke atas syarikat-syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, semua perlantikan-perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah institusi-institusi kewangan termasuklah syarikat-syarikat kewangan hendaklah mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan syor Bank Negara.

Adalah menjadi dasar bahawa ahli-ahli politik tidak boleh dilantik sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah institusi-institusi kewangan. Dan semua yang terdapat yang memecah amanah dan sebagainya telah pun dilaporkan kepada Polis.

Bagi cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pengambil deposit yang tidak berdaftar didakwa dan hartanya dirampas, Bank Negara akan

menyiasat kes-kes ini sekiranya dibawa ke perhatiannya, tetapi setakat ini Bank Negara tidak mempunyai kuasa-kuasa untuk merampas dan mengagih harta syarikat itu. Sekiranya ini adalah cadangan Dewan yang mulia ini, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Bank Negara akan mengkaji cadangan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah pun dalam ucapannya menyokong Rang Undang-undang ini dengan kuat. Rang Undang-undang ini, kata beliau, telah menimbulkan beberapa isu, seperti menggesa Bank Negara supaya tidak melepaskan mereka yang bertanggungjawab atau menyeleweng dalam pentadbiran. Perkara ini memang dipandang berat oleh Bank Negara dan di dalam kes terdapat penyelewengan, Bank Negara telah pun melaporkan kes-kes tersebut kepada pihak Polis. Kerajaan memberi jaminan akan terus membuat demikian, selepas itu terpulunglah kepada pihak tertentu, seterusnya mahkamah untuk mengambil tindakan yang sepatutnya dan jika sekiranya didapati bersabit, hukuman yang setimpal akan dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seremban telah menimbulkan dua isu pokok. Isu yang pertama ialah, kata beliau, skim ini tidak menepati kemahuan pendeposit-pendeposit untuk mendapat "dollar for dollar", dengan izin, malah memberi sebahagian sahaja daripada deposit mereka dalam bentuk syer dan sebahagian lagi dalam bentuk wang tunai.

Isu yang kedua, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah supaya KPD-KPD ini dikawal dengan lebih rapi dan sekiranya perlu, diletakkan di bawah kawalan Bank Negara dan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini telah pun dicadangkan dan diluluskan oleh mahkamah. Ini adalah skim yang

terbaik dan realistik dalam keadaan yang terdapat pada hari ini. Koperasi yang berjumlah 24 yang menghadapi masalah kewangan telah pun diletakkan di bawah pengawalan Bank Negara. Bagi kes-kes yang mungkin timbul, Kerajaan akan bertindak mengikut kehendak kes-kes itu masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan Rang Undang-undang tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*10.46 mlm.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang

Undang-undang yang dinamakan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1987, dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 bagi tujuan seperti berikut:

- (a) ia membekalkan had tempoh selama 3 tahun dari sekarang, iaitu tarikh pindaan ini diwartakan untuk pegawai awam mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan. Dengan ini masa yang diberi oleh Kerajaan akan menjadi 13 tahun kesemuanya;
- (b) mengadakan peruntukan supaya pegawai-pegawai awam yang telah bersara meletakkan jawatan, dibuang kerja atau perkhidmatan mereka ditamatkan dibenarkan membuat tuntutan anomali kepada Kerajaan;
- (c) membekalkan had tempoh selama 3 bulan untuk mengemukakan pertikaian kepada Tribunal Perkhidmatan Awam;
- (d) membekalkan kuasa kepada Tribunal Perkhidmatan Awam untuk mentafsirkan keputusannya; dan
- (e) melarang sebarang tindakan perusahaan kepada bila-bila masa selepas tuntutan anomali dikemukakan kepada Kerajaan oleh pihak terkilan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latarbelakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 telah diluluskan pada 1-9-77. Akta

ini bertujuan memberi peluang kepada pegawai-pegawai awam atau persatuan pegawai awam yang ditakrif sebagai "pihak terkilan" untuk mengemukakan tuntutan sekiranya mereka berasa terkilan dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mereka akibat pelaksanaan Laporan Suffian, Laporan Aziz, Laporan Harun dan Laporan Jawatankuasa Kabinet. Di bawah Akta ini, pihak terkilan dikehendaki mengemukakan tuntutan mereka kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Sekiranya tuntutan ini tidak diselesaikan di peringkat Kerajaan, pertikaian yang timbul itu boleh dirujuk kepada Tribunal Perkhidmatan Awam untuk dibicarakan. Keputusan Tribunal itu adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh kedua pihak. Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa semua tuntutan anomali mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang berbangkit daripada pelaksanaan laporan-laporan tersebut diselesaikan sama ada di peringkat Kerajaan atau Tribunal dengan seberapa segera yang boleh dan tidak dibiar berlarutan.

Sungguhpun Akta ini telah berjalan selama 10 tahun, akan tetapi masih lagi terdapat tuntutan-tuntutan yang dikemukakan kepada Kerajaan. Ini adalah kerana Akta sekarang tidak membekalkan had masa untuk pihak terkilan membuat tuntutan. Adalah difikirkan tempoh yang diberikan hingga sekarang ini sudahpun mencukupi untuk mengemukakan tuntutannya. Oleh itu adalah dicadangkan seksyen 11 dipinda untuk mengadakan satu had tempoh selama 3 tahun dari sekarang bagi pihak terkilan mengemukakan tuntutan anomali kepada Kerajaan. Memandangkan Akta ini telah berkuatkuasa lebih daripada 10 tahun, Kerajaan berpendapat peluang selama 3 tahun lagi bagi pihak terkilan mengemukakan tuntutan adalah sangat munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 adalah didapati tidak jelas sama ada pegawai awam yang telah bersara, meletakkan jawatan, dibuang kerja atau perkhidmatannya ditamatkan boleh mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan. Ini telah menimbulkan keraguan dalam melaksanakan Akta tersebut. Kerajaan berpendapat bahawa sekiranya pegawai-pegawai dalam golongan ini terlibat dalam pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet, mereka patut juga dibenarkan mengemukakan tuntutannya. Dengan demikian, pindaan kepada Seksyen 11 adalah bercadang merangkumkan pegawai-pegawai dalam golongan ini sebagai pihak terkilan yang layak membuat tuntutan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977, jika sesuatu tuntutan tidak diselesaikan di peringkat Kerajaan, pertikaian ini boleh dikemukakan kepada Tribunal untuk dibicarakan. Biasanya pihak terkilan yang merujuk pertikaian kepada Tribunal dan Kerajaan jarang membuat rujukan.

Setakat ini hanya 11.7% tuntutan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Kerajaan telah dirujuk kepada Tribunal untuk dibicarakan. Ini telah mengakibatkan keadaan di mana pertikaian-pertikaian itu berlarutan tanpa sesuatu penyelesaian yang muktamad. Keadaan ini timbul mungkin kerana tidak ada had masa yang ditetapkan bagi kes-kes yang dipertikaikan itu dirujuk kepada Tribunal.

Oleh itu pihak terkilan tidak terdesak untuk merujuk pertikaian mereka kepada Tribunal kerana mereka boleh membuat rujukan pada ini bila-bila masa pun. Oleh itu adalah

dicadangkan Seksyen 12 dipinda untuk menetapkan had masa tiga bulan untuk mereka merujuk pertikaian kepada Tribunal. Tempoh tiga bulan yang dicadangkan ini adalah mencukupi bagi membolehkan seseorang itu membuat keputusan sama ada hendak merujuk pertikaian kepada Tribunal ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 membekalkan bahawa keputusan Tribunal adalah muktamad dan ianya tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula, dibatal atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Akan tetapi dalam Akta tersebut tidak ada peruntukan bagi Tribunal sendiri bagi menjelas atau mentafsirkan keputusannya. Apabila terdapat keadaan di mana sesuatu keputusan itu kurang jelas, masalah itu tidak dapat diatasi kerana tidak ada peluang bagi kedua-dua pihak yang terlibat dengan keputusan itu untuk mendapat penjelasan. Oleh itu adalah dicadangkan satu pindaan dibuat sekarang dengan mengadakan Seksyen baru 15A yang memberi kuasa kepada Tribunal untuk memberi penjelasan atau tafsiran ke atas keputusannya apabila dipohon oleh mana-mana pihak yang terlibat dengan keputusan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 18 Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 melarang tindakan mogok dan sebarang tindakan perusahaan yang ditegah pada bila-bila masa selepas membuat tuntutan anomali kepada Kerajaan atau semasa perbicaraan Tribunal atau bila-bila masa selepas keputusan dibuat oleh Tribunal.

Walau bagaimanapun, di bawah seksyen ini tindakan mogok atau tindakan perusahaan yang ditegah mungkin boleh diambil oleh pihak terkilan dalam tempoh selepas kegagalan mendapat penyelesaian di

peringkat Kerajaan sehingga pertikaian itu dirujuk kepada Tribunal. Sebarang tindakan perusahaan selepas membuat tuntutan kepada Kerajaan adalah tidak selaras dengan hasrat Akta ini. Pihak terkilang seharusnya ditegah mengambil tindakan perusahaan untuk memperjuangkan tuntutan mereka. Dengan demikian adalah dicadangkan supaya seksyen 18 dipinda untuk melarang mogok dan sebarang tindakan perusahaan pada bila-bila masa selepas rujukan tuntutan anomali dibuat oleh pihak terkilang kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah diharapkan bahawa jika terdapat pegawai-pegawai awam yang berasa terkilang mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang berbangkit daripada pelaksanaan Laporan Suffian, Laporan Aziz, Laporan Harun dan Laporan Jawatankuasa Kabinet, mereka hendaklah mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan dan seterusnya kepada Tribunal dengan secepat mungkin untuk mendapat keputusan muktamad. Dengan pindaan-pindaan ini tuntutan anomali dijangkakan akan dapat diselesaikan dalam tempoh lebih kurang 5 tahun dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 2—*

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan dalam naskah Bahasa Malaysia seperti berikut:

*Fasal 2:* Masukkan perkataan "di bawah Akta ini" selepas perkataan "rundingan" dalam subseksyen baru (2A).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "di bawah Akta ini" selepas perkataan "rundingan" dalam subseksyen baru (2A), sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 2* seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3—*

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan dalam

naskah bahasa Inggeris seperti berikut:

*Clause 3:* Substitute for the word "party" appearing after the word "aggrieved" in subsection (1) of section 12 the word "person".

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah pindaan yang tersebut tadi terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 3* seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4 dan 5* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA SABAH (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*11.00 mlm.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Peguambela Sabah (Pindaan) 1987 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah Bab 2 bagi tujuan seperti berikut:—

(a) mengadakan peruntukan untuk memberi pengiktirafan kepada Ijazah Bachelor of Law yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

dan Diploma Lanjutan Undang-undang yang dianugerahkan oleh Institut Teknologi MARA Malaysia sebagai kelayakan-kelayakan yang boleh diterima bagi seorang untuk diterima sebagai Peguambela di Sabah;

(b) mengadakan satu lagi sebab iaitu bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah yang mengawal selia amalan dan etiket profesion undang-undang yang kerananya seseorang Peguambela boleh dipotong namanya daripada daftarai Peguambela atau digantung daripada menjalankan amalan di Sabah;

(c) mengadakan peruntukan bagi membolehkan Mahkamah Tinggi memotong nama seseorang Peguambela daripada daftarai Peguambela atau menggantung seseorang Peguambela daripada menjalankan amalan jika namanya telah dipotong daripada daftarai Peguambela atau ia telah digantung daripada beramal undang-undang di Malaysia Barat atau di Sarawak;

(d) menggantikan Peguam Besar Negeri dengan Jawatankuasa Siasatan sebagai pemohon dalam prosiding untuk memotong nama seseorang Peguambela daripada daftarai Peguambela atau menggantung seseorang Peguambela daripada beramal; dan

(e) mengadakan peruntukan untuk membolehkan Hakim Besar membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan:

(i) Prosiding tatatertib terhadap mana-mana Peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Seksyen

17 Ordinan Peguambela Sabah; dan

- (ii) Penubuhan satu Jawatankuasa Siasatan dan berkenaan dengan pengawal seliaan pembicaraan dan penyiasatan perkara-perkara yang dibawa ke hadapan Jawatankuasa Siasatan atau dibawa olehnya.

Dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkasnya kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kelulusan-kelulusan yang diiktirafkan untuk seseorang diterima masuk sebagai Peguambela di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak adalah sama. Pada masa yang lampau apabila sesuatu kelulusan diiktirafkan di Malaysia Barat kelulusan yang sama telah juga diiktirafkan di Sabah dan Sarawak dengan membuat pindaan-pindaan tertentu di dalam Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak. Baru-baru ini kelulusan Ijazah Undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Diploma Lanjutan Undang-undang daripada Institut Teknologi MARA Malaysia telah diiktirafkan untuk seseorang diterima masuk sebagai Peguambela di Malaysia Barat bagi mencapai kesamaan tentang kelulusan yang diiktirafkan untuk seseorang diterima sebagai Peguambela di antara Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak, maka Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak perlu dipinda dan bagi negeri Sabah ini melibatkan pindaan kepada Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 12 Ordinan Peguambela Sabah dibuat oleh kerana

pada masa ini didapati bahawa Ordinan tersebut tidak memberi kuasa kepada pihak yang berkenaan untuk memotong nama seseorang Peguambela daripada daftarai Peguambela atau menggantung seseorang Peguambela daripada beramal di Sabah jika ia telah didapati bersalah kerana melanggar apa-apa kaedah yang mengawal selia amalan dan etiket profesion undang-undang. Peruntukan seperti ini adalah penting oleh kerana seseorang Peguambela yang telah didapati bersalah sedemikian perlu dikenakan hukuman yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah dicadangkan supaya satu Seksyen baru 12A dimasukkan ke dalam Ordinan Peguambela Sabah untuk membolehkan Mahkamah Tinggi Borneo memotong nama seseorang Peguambela daripada daftarai Peguambela atau menggantungnya daripada mengamalkan undang-undang sekiranya ia telah dikenakan tindakan sedemikian di lain-lain tempat di Malaysia iaitu di Malaysia Barat atau Sarawak.

Pada masa ini seseorang Peguambela yang beramal di Sabah tidak boleh dikenakan tindakan sedemikian sekiranya namanya telah dipotong daripada daftarai Peguambela atau digantung daripada beramal di Malaysia Barat atau Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 13 (3) Ordinan Peguambela Sabah perlu juga dipinda untuk menggantikan Peguam Besar Negeri sebagai pihak yang boleh membuat permohonan dalam prosiding bagi memotong nama seseorang Peguambela daripada daftarai Peguambela atau menggantung seorang Peguambela daripada beramal dengan satu Jawatankuasa Siasatan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 17 Ordinan Peguambela Sabah ialah untuk membolehkan Hakim Besar Borneo dengan persetujuan Peguam Besar Negeri membuat kaedah-kaedah bagi prosiding tatatertib terhadap mana-mana Peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat dan bagi mengadakan kaedah-kaedah bagi menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan. Buat masa ini kuasa membuat peraturan-peraturan adalah terhad dan tidak meliputi kedua-dua perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela, Sabah dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Gaya. Jangan panjang sangat Yang Berhormat, masa kita ada 50 minit cukuplah untuk semua perkara.

*11.09 mlm.*

**Tuan Gerard Math Lee Min (Gaya):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan pada masa yang sama menyeru

bagi pemindaan selanjutnya ke atas Ordinan Peguambela Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar bahawa dalam masa kemelesetan ekonomi dan apabila kos untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri sedang meningkat setahun demi setahun ijazah-ijazah yang dikurniakan oleh universiti-universiti tempatan dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan hendaklah diberi pengiktirafan.

Maka adalah bersesuaian bahawa ijazah sarjana muda dalam undang-undang yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan diploma lanjutan undang-undang oleh Institut Teknologi MARA Malaysia diiktiraf sebagai kelayakan yang perlu sebelum seseorang boleh diterima sebagai Peguambela di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kelayakan yang perlu, sebelum seorang boleh diiktiraf sebagai Peguambela di Sabah, di bawah Ordinan Peguambela Sabah seorang graduan untuk undang-undang dari Malaysia dan Singapura hendaklah berchambers atau have to do chambering, dengan izin, dalam sesuatu firma peguambela selama 12 bulan sebelum ianya boleh diterima masuk sebagai seorang peguambela di mana syarat-syarat yang sama adalah tidak perlu bagi graduan undang-undang dari United Kingdom sebagai contoh. Maka saya mencadangkan bahawa semua graduan-graduan sama ada berkelayakan tempatan atau luar negeri have to do chambers, dengan izin, selama 12 bulan dengan seseorang peguambela yang berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun. Ini akan selanjutnya menjadikan seorang graduan menjadi mahir dari segi praktikal terhadap pengendalian dan peraturan mahkamah dan selanjutnya meningkatkan kebolehan mereka dan ini juga akan mengurangkan perasaan

tidak selaras dari segi bahawa graduan-graduan tempatan diperlu chambering. Pada hal graduan-graduan luar negeri diperlukan chambering, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan bahawa syarat yang lain dalam Ordinan Peguambela Sabah iaitu seseorang perlu mempunyai Sabah connection atau kaitan dengan Sabah sebelum dapat diterima sebagai seorang peguambela di Sabah, dipinda untuk meliputi semua graduan-graduan undang-undang tidak kira sama ada mereka ini graduan tempatan atau dari luar negeri. Saya juga mencadangkan bahawa satu pindaan dibuat untuk menjelaskan dengan lebih terperinci perkataan "Sabah connection" di mana pada masa sekarang ini tertakluk kepada beberapa terjemahan seperti mempunyai teman wanita dari Sabah atau mertua atau saudara mara dari rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pindaan bagi membolehkan Chief Justice of Borneo atau Hakim Besar Borneo membuat kaedah-kaedah bagi memperuntukkan proceeding tatatertib dan penubuhan satu Jawatankuasa Siasatan. Dalam segi ini, saya mencadangkan bahawa pindaan-pindaan lanjut dibuat seperti:

- (i) memberi pengiktirafan kepada persatuan Undang-undang Sabah atau Law Association sebagai satu badan dan mempunyai kuasa untuk mengendalikan hal ehwal sendiri;
- (ii) menjamin bahawa Ahli-ahli Jawatankuasa Siasatan dianggotai oleh peguambela dari Sabah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa pindaan-pindaan yang saya mencadangkan ini adalah bukan sahaja pandangan saya seorang, tetapi adalah pandangan-pandangan dari

rakan-rakan Peguambela saya dari Sabah dan juga Persatuan Undang-undang Sabah yang mana berani saya katakan dari pengetahuan saya dan dari kaitan saya dengan persatuan sebagai seorang Peguambela telah berbincang tentang pindaan-pindaan ini sejak tahun 1926.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya menyeru pihak Kerajaan dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan mengambil kira atau mengira semula pindaan-pindaan yang dicadangkan dan meluluskan selaras dengan kehendak-kehendak dan aspirasi-aspirasi Peguambela-peguambela di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu penggabungan Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Borneo, ianya mesti diingatkan dan difahamkan bahawa Mahkamah berasingan untuk Sabah dan Sarawak adalah satu syarat di mana negeri Sabah dan Sarawak memasuki ke dalam Malaysia pada tahun 1963. Syarat ini juga termaktub di Perlembagaan Persekutuan Artikel 121 (1).

Tuan Yang di-Pertua, isu dua sistem perundangan oleh Sabah dan Sarawak terdapat dua Mahkamah Tinggi tidak timbul langsung. Oleh yang demikian, apa-apa cadangan untuk mempersatukan sistem perundangan di dalam negara kita tidaklah perlu. Sebenarnya hanya satu sistem perundangan yang wujud di negara kita sepanjang masa ini. Walaupun terdapat dua Mahkamah Tinggi, tetapi ia disatukan apabila sampai ke peringkat Mahkamah Agung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru bahawa sebelum sesuatu langkah diambil untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memansuhkan Mahkamah Tinggi Borneo, persetujuan dan hasrat rakyat

di Sabah dan Sarawak wajib didapati dan dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

*11.05 mlm.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sabah yang telah membangkitkan tiga perkara berkenaan Rang Undang-undang ini. Saya menyatakan di sini tidak betul sekarang meluluskan undang-undang yang didaftarkan mesti diberi dengan satu firma Peguambela sekarang dipanggil. Masa sebagai Peguambela satu peruntukan masuk sebagai Peguambela, ini adalah mengenai di Sabah dan Sarawak, di Semenanjung tidak ada kuasa di pihak tertentu, sebab soal ini sedang dikaji. Lain-lain pindaan akan dikaji, dalam satu sistem perundangan yang diadakan di Mahkamah Tinggi seperti yang dikemukakan dua perusahaan.

Berkenaan dengan lain-lain hal, Kementerian saya boleh mengkaji perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat itu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## AKTA KASTAM 1967

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967. Perintah-perintah yang berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1987;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1987;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 210, 256 dan 255 tahun 1987 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) dan (No. 33), 1987 adalah bertujuan untuk menghapuskan semua duti kastam ke atas beberapa jenis alat yang digunakan oleh pesakit-pesakit buah pinggang. Langkah ini bertujuan untuk membantu pesakit-pesakit buah pinggang memandangkan kos rawatan penyakit ini adalah tinggi dan atas sifat

perikemanusiaan bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32), 1987 adalah bertujuan untuk meminda kriteria-kriteria untuk portable transistor radio, dengan izin, dan mesin kira-kira saiz kecil supaya portable transistor radio, dengan izin, yang cuma menggunakan kuasa "DC" juga tidak dikenakan apa-apa duti, manakala bagi mesin kira-kira pula syaratnya ialah beratnya tidak melebihi 150 gram yang tidak termasuk bateri dan cover, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul No. 14 atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah yang berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1987;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1987;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 210, 256 dan 255 tahun 1987 disahkan.

## AKTA CUKAI JUALAN 1972

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) 1987; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 211 tahun 1987 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) 1987 adalah bertujuan untuk mengenakan cukai jualan pada kadar 5% ke atas beberapa jenis barang-barang seperti makanan, bahan binaan dan barang-barang separa siap. Barang-barang tersebut bukanlah merupakan barang-barang perlu untuk kegunaan industri ataupun kegunaan kehidupan harian oleh orang ramai. Langkah mengenakan cukai jualan ini adalah bertujuan bagi menambah hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahawa usul No. 15 atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) 1987; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 211 tahun 1987 disahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, hampir 3 bulan kita telah bersidang, sampailah masanya kita berpisah. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerjasama yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah berikan kepada pihak Speaker untuk menjalankan tugas-tugas kami.

Dengan ucapan selamat jalan, Majlis ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 11.24 malam.*